



PAS jawab pembohongan Mahathir

Jenayah Akademik Pemimpin UMNO

Lajnah Penerangan dan Penyelidikan
PAS Pusat mengucapkan setinggi-
tinggi penghargaan terhadap
sekumpulan ahli akademik dari
universiti tempatan yang bersama-
sama menjayakan risalah ini.

Cetakan Pertama 1995

LAJNAH PENERANGAN DAN PENYELIDIKAN PAS PUSAT

HAKCIPTA TERPELIHARA. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

LAJNAH PENERANGAN DAN PENYELIDIKAN PAS PUSAT

Markaz Tarbiyah PAS Pusat,
Kampung Hujong Melayu
Off Jalan Batu Geliga
Taman Melewar
8100 Batu Caver
Klangor Darul Ehsan

M
324.2595
36 N

Atas huruf:

I Danish/A Fauzan

811495

Dicetak oleh:

PERCETAKAN AS SAFF

Taman Intan, Klang
Tel: 03-3430043

ISBN 983-9237-00-4



9 789839 237009

16 JAN 1996

Perpustakaan Negara

KANDUNGAN

	...a tapi ...kuasa ...nya ...ir
KATA PENGANTAR	iv
PEMALISUAN SIJARAH, JENAYAH AKADEMIK	vi
SEJARAH RINGKAS GERAKAN POLITIK MALAYA	1
- Umno dan parti politik lain	2
- Umno dan penjajah British	7
PAS, ISLAM DAN POLITIK	18
- Dasar Islam dalam PAS	23
MEMPERJUANGKAN ISLAM, PERBEZAAN ANTARA PAS DAN UMNO	25
- Undang-undang dan negara	25
- Umno dan PAS dalam menangani soal halal haram	27
- Pengagihan kekayaan negara menurut perspektif Islam	28
- Syiar Islam	29
TAASUB DAN ASSABIYYAH	32
SIAPA PECAH BELAHKAN PERPADUAN BANGSA MELAYU	34
PEMIMPIN UMNO GUNAKAN BANGSA MELAYU DEMI KEPENTINGAN DIRI	37
UMNO LAKSANAKAN DASAR 'MALAYSIAN MALAYSIA' DAN MALAYAN UNION	39
UMNO GUNA PELBAGAI HELAH UNTUK LINDUNGI PENYELEWENGAN	42
UMNO GADAI TANAH NEGARA KEPADA ORANG ASING	46
UMNO SALAHGUNAKAN KUASA DEMI MENGEKALKAN KUASA	49
GAYA HIDUP PEMIMPIN UMNO DAN BN	53
APA KATA UMNO APA KATA KITA	56
LAMPIRAN	114

KATA PENGANTAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

SEGALA puji bagi Allah Azzawajalla, dan Selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Kita bersyukur kerana dengan taufik-Nya buku kecil ini dapat diterbitkan untuk tatapan sekalian pembaca.

Risalah yang dinamakan JENAYAH AKADEMIK PEMIMPIN UMNO ini adalah jawapan kita kepada usaha UMNO untuk menggelapkan cahaya PAS dari arena politik negara yang kian mencabar sekarang. Sejak setahun lalu UMNO meningkatkan seluruh tenaga memperhebatkan serangan memburukkan PAS. Ia dimulakan dengan memfitnahkan para ulama zaman Khilafah Otamaniyyah, diikuti dengan perhimpunannya yang menghasut kerajaan untuk mencabut penggunaan kalimah suci "Islam" dari nama rasmi PAS, dan yang terakhir parti nasionalis cacamarba itu cuba memalsukan sejarah perjuangan kemerdekaan dengan meletakkan ulama dan PAS dalam bakul sampah sejarah.

Satu risalah UMNO bertajuk "PAS pentingkan politik dari agama" adalah percubaan awal UMNO untuk menulis semula sejarah kemerdekaan, sepetutnya UMNO belajar dari kebuntuan Lee Kuan Yew dari Singapura yang pernah melancarkan penulisan semula sejarah Negara itu dengan mengenapikan penampilan Sang Nila Utama, akhirnya tersadai kerana tiada penyelesaian bagaimana nama 'Singapura' bermula. UMNO akan gagal seperti itu juga.

Pemalsuan sejarah adalah satu jenayah akademik. Ia tidak boleh dibiarkan. Suasana memperlihatkan seolah-olah para sejarawan dan tokoh-tokoh akademik dilanda sindrom kelu, maka cukup merbahaya bagi negara dan rakyat, apabila nanti warga dunia disuapkan dengan sejarah songsang. Ia mengancam rekod ilmu dan mengganggu ketuanan Islam bagi negara pada jangka panjang.

Justeru itu, PAS bertanggungjawab untuk membetulkan fakta sejarah supaya budaya politik kita dapat diletakkan pada paksinya yang betul.

Buku ini memuatkan sejarah ringkas kemerdekaan Malaysia yang tepat secara kasar dan padat. Rekod ulama dan peranan PAS mesti diiktiraf. Guru-guru pondok dan sekolah agama rakyat yang dipencilkan oleh penjajah Inggeris dan terus dipinggirkan oleh UMNO yang mewarisi Inggeris diberi peranan yang setimpal oleh PAS dalam politik harian negara.

Sekalipun UMNO juga beroleh ahli-ahli berpendidikan agama tapi peranannya sangat kecil. Dulu mereka diletakkan dalam kandang Jawatankuasa Hal Ehwal Ulama, kini ditukar nama Biro Agama UMNO yang hakikatnya masih menjadi tukang akur kepada pemimpin UMNO yang membuat tafsir baru terhadap Islam. Peranan tokoh agama sebagai pengikut tentulah tidak sama dengan ulama yang memimpin.

Dalam sejarah Islam moden terdapat di Mesir sendiri betapa adanya lulusan Universiti Azhar memfatwakan panjang lebar betapa Islam boleh dipisahkan dengan politik. Sudah tentu graduan seperti ini cepat disanjung di barat tetapi ulama Azhar telah sebulat suara menarik syahadahnya. Demikian martabat graduan Mesir pada sisi Azhar. Logiknya tokoh agama mesti hati-hati jika ijazah Azhar mahu dikekalkan.

Betapa PAS memainkan peranan utama dan penting untuk membebaskan ummah dari penjajahan Barat dapat diikuti dari koleksi rencana Ustaz Baharuddin Haji Abdul Latif yang dibukukan dalam "Islam Memanggil". Cabutan buku itu dimuatkan sama dalam penerbitan ini. Kita sengaja mengambil petikan yang ditulis oleh Ustaz Baharuddin dalam Suara Islam, lidah rasmi PAS ketika itu keluaran dua bulan sebelum Tanah Melayu merdeka. Petikan itu akan dapat memberikan gambaran rekod PAS bagi menolak niat buruk UMNO itu.

Apa "UMNO kata" dalam buku sejarah palsu itu dijawab satu persatu dan Insya-Allah akan dapat menghuraikan segala kemusykilan sekalian penduduk Malaysia dan pengkaji sejarah dari luar negeri mengenai persoalan sejarah dan politik negara sebelum dan sesudah merdeka.

Analisis kita tentang Malayan Union dan adakah sebenarnya UMNO benci kepada Malayan Union dan Malaysian Malaysia Lee Kuan Yew adalah benda yang satu. Ia adalah satu projek British yang berjaya mengalihkan usaha mencapai kemerdekaan sepenuhnya yang dituntut oleh umat Islam kepada satu bentuk kemerdekaan yang menjadikan umat Islam lemah dalam negaranya sendiri. Akhirnya UMNO sendiri melaksanakan Malaysian Union yang ia benci dulu.

Politik, budaya, ekonomi dan sosial yang terlaksana di Malaysia sekarang adalah apa yang dikehendaki oleh Malayan Union yang UMNO tentang dulu. Dasar itulah yang UMNO hayati akhirnya.

UMNO akhirnya kecewa juga dengan penggelapan sejarah itu. Seluruh rakyat mesti membuka mata, bahawa matlamat UMNO kini bukan lagi kerana politik agama, bangsa dan negara tetapi adalah untuk mengekalkan kuasa.

Lajnah Penerangan PAS Pusat.

PEMALSUAN SEJARAH, JENAYAH AKADEMIK

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستهديه ونستغفره، ونعوذ بالله من
شرور انفسنا ومن سيئات اعمالنا، من يهده الله فلا مضل له، ومن
يضلل فلا هادي له، اشهد ان لا اله الا الله وحده لا شريك له،
واشهد ان محمدا عبده ورسوله، المبعوث رحمة للعالمين، والصلاة
والسلام الاتقان الاكملان على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه
والتابعين الى يوم الدين.

PADA kesempatan ini, dalam semangat dan roh Aidil Fitri yang mulia ini, saya dan seluruh saf pimpinan PAS mengucapkan Selamat Menyambut Aidil Fitri kepada sekalian kaum Muslimin khususnya ahli-ahli PAS. Marilah kita merapat dan memperteguh lagi barisan jamaah kita untuk menjalankan tanggungjawab memperjuangkan Islam di negara ini di samping menghadapi pelbagai ujian, fitnah dan mehnah dari musuh-musuh gerakan Islam dalam dan luar negeri.

Kita mengadakan Majlis Taklimat Penerangan - Pra Pilihanraya ini dalam suasana yang semakin gawat di ambang pilihanraya umum yang akan berlangsung bila-bila masa sekarang. Sudah tentulah parti Umno yang menjadi tulang belakang komponen Barisan Nasional sedang, bahkan sudahpun melancarkan pelbagai serangan fitnah dan maki hamunnya yang bertubi-tubi terhadap PAS. Bahkan Umno melalui pemimpinnya sudahpun mengisytiharkan secara rasmi 'perang terbuka' terhadap PAS. Mereka telah menjual dan kita sedia membeli walau dengan apa harga pun. Kita menyambut cabaran ini atas dasar mempertahankan diri kerana mereka telahpun memulakan serangan. Sifat jamaah Islam tidak mencari musuh, tetapi kita tidak dayus, bahkan sanggup mempertahankan diri. Insyaa'Allah, dengan pertolongan-Nya kita akan mampu menewaskan musuh.

Tujuan kita mengadakan taklimat ini adalah sebahagian daripada persiapan intensif kita untuk menangkis serangan dan fitnah musuh, khususnya Umno, dari semua penjuru. Ahli-ahli PAS diberi amanah menangkis serangan dan fitnah musuh di mana sahaja berada dengan keyakinan bahawa Allah akan memberi pertolongan terhadap golongan yang menolong-Nya.

Dengan pengalaman kita sekian lama dalam pertarungan seperti ini, kita telah membaca taktik dan putar belit Umno untuk menggambarkan merekalah yang benar dan kitalah di pihak yang salah, pada hal merekalah sebenarnya yang bekerja di atas kebatilan dan kitalah yang berjuang di atas kebenaran.

Mereka menuduh kita memperalatkan agama untuk kepentingan politik parti kita. Sedangkan pada hakikatnya merekalah yang memperalatkan Islam untuk kepentingan politik mereka. Di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dan di forum-forum internasional yang lain, Dr Mahathir berucap memakai wajah dan suara palsu kononnya dia seorang fundamentalis Islam berjuang untuk memartabatkan ummah, sedangkan di tanahair beliau membuka topeng, memakai wajah dan suara aslinya bahawa beliau menentang para pejuang gerakan Islam di Malaysia dan di seluruh dunia, menghina dan menyerang pemikiran ulama berwibawa, menganjurkan tafsiran semula al-Quran. Kita mesti mendedahkan hepokrasinya ini kepada umat Islam supaya mereka tahu kepalsuan pemimpin Umno ini.

Dr Mahathir berusaha keras memfitnah dan memburuk-burukkan PAS dengan mengatakan bahawa PAS membuat tafsiran salah terhadap Islam. Tetapi syukurlah, pandangan umum menolak fitnah ini dan menerima hakikat bahawa kita (PAS) sebenarnya yang berjuang untuk mendaulatkan Islam secara menyeluruh, berbanding dengan Umno yang hanya menjadikan Islam sebagai

bunga jambangan di atas meja. Kita sedar Dr Mahathir kecewa melihat sambutan dan sokongan rakyat pelbagai lapisan, termasuk golongan ilmuwan Islam - dalam dan luar negeri - terhadap perjuangan PAS. Bahkan ada di kalangan orang Umno sendiri mengaku tidak mampu berhujah dengan pendokong PAS kerana mereka sedar, kebenaran dimiliki oleh PAS. Tetapi kerana kepentingan perniagaan, tender, saham dan pelbagai peluang lain untuk hidup mewah, mereka memaksakan diri menyokong Umno, termasuk tokoh-tokoh agama mereka.

Melihat sokongan luar biasa rakyat terhadap PAS di mana saja, termasuk di kawasan Dr Mahathir sendiri di Kubang Pasu, Kedah, pemimpin Umno ini telah bertindak seperti orang kehilangan punca, meningkatkan serangannya terhadap PAS, bahkan lebih dahsyat melakukan jenayah ilmu dan sejarah, iaitu apabila beliau menuduh PAS bersekongkol dengan penjajah British. Pada hal Ummolah yang menjadi anak emas dan talibarut penjajah British menentang golongan nasionalis kiri dan agama yang mahu mendapatkan kemerdekaan tulin tanahair. Kita belum lupa dengan ulasan akhbar-akhbar di Jakarta pada hari sambutan kemerdekaan Malaya, 31 Ogos 1957 yang menulis bahawa 'Politik Malaya masih dipengaruhi Downing Street', iaitu Pejabat Perdana Menteri British di London dan juga Pejabat Tanah Jajahnya. Tulisan Allahyarham Ahmad Boestamam, seorang pemimpin PKMM yang pernah ditahan oleh British kerana menentang penjajah, dalam keluaran khas Majalah Mastika 31 Ogos 1957 pernah menyebutkan bahawa kemerdekaan Malaya yang diterima dalam dulang emas adalah 'anugerah British' dan mempunyai syarat. Penjajah akan menarik kembali kemerdekaan ini andainya kita melanggar syarat ini. Allahyarham Dr Burhanuddin pula berkata, kemerdekaan yang diterima oleh Malaya adalah separuh masak. Hingga kini belum ada ahli-ahli sejarah yang menafikan bahawa British melihat Umno mampu melanjutkan dasarnya di Malaysia, lama selepas merdeka.

Pakar-pakar sejarah, dalam dan luar negara amat mengetahui bahawa Umno adalah anak emas penjajah. Ia amat disenangi oleh penjajah British kerana sikapnya membenci perjuangan golongan agama (Hizbul Muslimin) dan PKMM yang menuntut kemerdekaan tulin bagi Malaya. Dalam tahun 1948, PKMM diharamkan oleh penjajah British dan ramai pemimpin PKMM dan Hizbul Muslimin ditahan. Sebaliknya Umno selamat kerana ia anak emas penjajah. British memberikan kemerdekaan bersyarat kepada Umno yang menjadi 'ayam tambatan'-nya kerana yakin Umno dapat meneruskan dasar-dasar Downing Street selepas merdeka. Inilah wajah dan watak sebenarnya Umno dan keadaan ini tidak berubah hingga kini, apabila ia terus menerus

enggan menggantikan undang-undang British kepada undang-undang Islam.

Pendustaan sejarah dan akademik yang dilakukan oleh Dr Mahathir adalah suatu jenayah moral yang sangat berat. Insyaa'Allah sejarah dan generasi akan datang akan menghukumnya. Dan jawapan terperinci PAS terhadap semua pendustaan Dr Mahathir ini dapat dibaca dalam buku bertajuk 'Jenayah Akademik Pemimpin Umno' yang diterbitkan oleh Lajnah Penerangan PAS Pusat.

Lama sebelum kes Saudara Mohamad Sabu tercetus, Setiausaha Agung PAS, Ustaz Abd Halim Arshad telah menulis surat rasmi kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat pada 11 Januari 1995 menyatakan hasrat murni PAS untuk bermuzakarah dengan pemimpin Umno demi untuk perpaduan Ummah. Malangnya, pemimpin Umno bukan saja tidak menjawabnya setelah lama ditunggu, bahkan Dr Mahathir sekali lagi membuat kenyataan dusta di bulan Ramadhan bahawa kononnya PAS menimbulkan isu muzakarah ini untuk menutup isu besar yang berlaku dalam PAS. Sedangkan kes Saudara Mohamad Sabu hanya tercetus pada 31 Januari lalu. Tawaran bermuzakarah ini seperti dikatakan tadi telah lama diajukan oleh PAS dengan penuh ikhlas, tanpa syarat.

Keengganan Umno menerima pelawaan PAS ini juga adalah ulangan sejarah pembatalan 'Debat Agung Umno-PAS' pada tahun 1984. PAS mengajak Dr Mahathir untuk bermuzakarah ekoran ucapan beliau dan tokoh-tokoh Umno yang lain dalam Perhimpunan Agung Umno pada November 1994 yang mengandungi pelbagai kecaman dan fitnah terhadap PAS termasuk mendesak supaya dibuang perkataan Islam pada PAS. Daripada perilaku Dr Mahathir ini saya bertanya saudara-saudara (dalam Islam) apakah yang dapat diharapkan oleh umat Islam dari pemimpin yang sanggup berdusta seperti ini, walaupun di bulan Ramadhan.

Pada 15 Februari 1995, Umno telah mengadakan perhimpunan besar-besaran dan untuk kesekian kalinya melancarkan fitnah dan pendustaan terhadap PAS walaupun pada bulan Ramadhan, lebih-lebih lagi dalam suasana Nuzul al-Quran. Mereka membangkitkan perkara lama, membuat tuduhan palsu. Dengan niat jahat, mereka cuba memisahkan PAS dari orang Melayu dengan mengatakan kehadiran PAS memecahbelahkan orang Melayu, dan PAS pentingkan politik semata-mata. Sedangkan pada hakikatnya merekalah yang menjadi pemecah-belah perpaduan umat apabila mereka menerima kaedah dan falsafah sekularisme yang memisahkan agama dari politik sebagai dasar perjuangan mereka. Bagi PAS yang berjuang atas keyakinan bahawa Islam

sebagai Ad-Deen yang bersepadu sifatnya - tanpa mengira kaum dan warna kulit serta darjat - sentiasa menyerukan perpaduan. Pendekatan bersepadu yang dikemukakan oleh PAS ini tidak mungkin menghasilkan perpecahan kerana natijah dari pendekatan ini adalah perpaduan. Sementara Umno yang mengamalkan politik 'tujuan menghalalkan cara' sudah pasti melahirkan perpecahan.

Penolakan pemimpin Umno terhadap Kanun Jenayah Syariah II Kelantan dengan pelbagai tipu helah, membuktikan sikap sebenar pemimpin Umno terhadap Islam. Dan kita bersyukur majoriti umat Islam di Malaysia menerima baik Kanun Jenayah Syariah II Kelantan ini hasil pemahaman mereka yang mendalam serta keyakinan mereka yang teguh terhadap kemampuan Syariat Islam menangani masalah manusia bukan saja di Malaysia tetapi juga di mana saja di bumi Allah ini sama ada masyarakat majmuk atau tidak. Perubahan sikap umat Islam di Malaysia inilah yang mencemaskan pemimpin Umno kerana dengan penerimaan umat Islam terhadap Kanun Jenayah Syariah II Kelantan ini adalah isyarat jelas bahawa mereka menolak sekularisme yang menjadi landasan perjuangan Umno selama ini dan mereka mahu syariat Islam berfungsi sepenuhnya dalam kehidupan. Sesuatu yang tidak dapat diterima oleh Umno.

Disebabkan gelombang sokongan umat Islam di Malaysia terhadap pelaksanaan Syariat Islam secara menyeluruh ini begitu ketara sekali dan tidak dapat dibendung oleh Umno, pemimpinnya dengan penuh cemas segera mengalihkan perhatian dari persoalan hudud yang melemaskan mereka ini kepada isu-isu lama yang sudahpun dijawab oleh PAS seperti isu dua imam, kafir mengkafir dan sebagai. Isu palsu ini tidak lagi menarik perhatian umat Islam kerana mereka sedar mengenai pembbohongan yang melatari isu ini. Insyallah kita akan terus memperjuangkan undang-undang Islam ini walaupun kita terpaksa membayar dengan harga yang mahal.

Dalam isu kafir mengkafir yang dibangkitkan semula oleh Umno ialah bahawa pendirian PAS adalah jelas. Kita tidak pernah mengkafirkan sesiapa. Tetapi sebagai sebuah badan dakwah, di samping badan politik, PAS mempunyai peranan menerangkan kepada masyarakat, khususnya masyarakat Islam mengenai tingkah laku, ciri-ciri dan juga aspek dasar negara yang boleh membawa kepada kekufuran. Dan dalam mencirikan kepimpinan, kayu ukur yang dipakai ialah kepimpinan Rasulullah s.a.w, sebagai model terbaik. Malangnya reaksi yang diterima, khususnya dari kalangan Umno ialah amat negatif kerana pemimpin Umno merasa terlalu pedas kerana mereka memakan

cili.

Dengan memberi ruang seluas-luasnya sistem riba berkembang dalam hampir semua bidang kehidupan, mencampur-adukkan yang hak dan batil sudah tentu menentang perintah Allah SWT dan ini adalah kezaliman. Tidak mungkin tokoh agama dalam Umno tidak menyedarinya.

Sekali lagi Dr Mahathir melakukan pendustaan paling besar di bulan Ramadhan al-Mubarak apabila beliau menuduh PAS kononnya memasukkan ayat baru di dalam al-Quran: 'Wahai orang-orang beriman jika sekiranya kamu benar-benar menolong agama Allah, Allah akan menolong dan menetapkan pendirian kamu. Sesungguhnya kamu tidak akan bergoncang dengan wang ringgit. Kamu tidak akan bergoncang dengan pelbagai subsidi yang akan diberi dan ditaburkan oleh pemimpin Barisan Nasional.' Ini adalah dusta paling besar. Beliau tidak mampu menyebut dalam bahasa Arab rangkaian ayat yang kononnya ditambah oleh PAS ini. Dan ini menyerlahkan lagi pembohongan dan fitnah pemimpin Umno itu yang sangat ketara terhadap PAS. Kita tidak pernah menokok tambah al-Quran, bahkan kita berusaha melaksanakan semua tuntutan al-Quran, sesuatu yang tidak pernah menjadi cita-cita Umno selama ini walaupun ia telah berkuasa kerana ia adalah sebuah parti sekular yang melanjutkan aspirasi penjajah British. Inilah garis pemisah yang utama antara kita dengan Umno.

Kita tidak pernah menokok tambah al-Quran yang ada, bahkan kita berjuang supaya terlaksana semua tuntutan al-Quran. Malangnya sementara kita berjuang ke arah pelaksanaan Islam sepenuhnya, Umno bermati-matian mempertahankan dan memperhambakan diri kepada undang-undang dan sistem nilai yang dibuat manusia. Sementara kita berjuang untuk melaksanakan sepenuhnya Islam, Umno pula memilih-milih ayat al-Quran, sebahagian mahu dilaksanakannya, sementara sebahagian lagi tidak mahu dilaksanakannya. Inilah titik pemisah di antara kita dengan Umno dan tidak akan ada titik pertemuan antara PAS dan Umno selagi ia tidak kembali kepada dasar Islam sepenuhnya.

Dr Mahathir menuduh ahli-ahli PAS taksub kepada pemimpin, satu tuduhan yang tidak mempunyai asas. Pendukung PAS, menerusi tarbiyah dan tamrin serta kuliah-kuliah ilmu dan Mukhtar Tahunan berpeluang menyuarakan pendapat seluas-luasnya, termasuk mengkritik pemimpin dalam batas-batas yang dibenarkan oleh akhlak Islam. Dan oleh kerana PAS adalah sebuah Harakah Islam, bukan parti sekular seperti Umno, ia mempunyai kaedah tertentu dalam berbahas dan mengeluarkan pendapat. Ada pendapat pemimpin

tidak diterima oleh ahli, demikian sebaliknya. Perbahasan terbuka dalam Mukhtar Tahunan PAS adalah sebahagian daripada manifestasi keterbukaan dan tidak taksud ahli PAS kepada pemimpin. Asas ketaatan ahli PAS terhadap pemimpinnya ialah bahawa pemimpin itu ditaati selagi ia mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya. Setakat ini ahli melihat pimpinan PAS tidak menyeleweng dari prinsip ini. Adapun pemimpin PAS yang melompat keluar jamaah sudah tentu tidak diikuti oleh ahli-ahli kerana telah menyeleweng. Dengan demikian tuduhan Dr Mahathir ini sama sekali tidak berasas.

Umno telah meletakkan Islam dalam keadaan yang sangat dhaif. Tidak berupaya dan tidak berkuasa, digunakan bila perlu saja. Inilah sesuatu yang sangat malang bagi umat Islam di Malaysia. Benar, mereka mengadakan beberapa kegiatan Islam tetapi itu hanya 'window dressing' atau sekadar mempamerkan, tidak lebih dari itu. Umno tidak berminat melaksanakan Islam sepenuhnya.

Tokoh lulusan agama dalam Umno tidak diberi peranan, ditambah lagi dengan sikap mereka yang mementingkan kebendaan dan tembolok sendiri sehingga sanggup membenarkan kemungkaran dan penyelewengan dalam Umno. Ini menjadikan mereka tidak mempunyai apa-apa harga lebih-lebih lagi dalam pandangan Islam.

PAS dengan segala yang ada padannya akan terus membela Islam, berjuang untuk memartabatkannya. Kita komited dengan perjuangan ini dan Insya'Allah, perjuangan ini akan berjaya. Kita telah menunjukkan kemampuan kita memerintah Kelantan di bawah pimpinan ulama, yang dulu menjadi ejekan dan cemoohan pemimpin Umno. Allah SWT telah memberikan kemakmuran kepada Kelantan yang rakyatnya amat rajin dan kreatif. Ini menjadi contoh terbaik bagaimana sebuah negeri yang menghadapi tekanan dan diskriminasi berterusan dari kerajaan Barisan Nasional masih dapat survive. Inilah pertolongan Allah SWT kepada hamba-Nya yang hendak melaksanakan syariat-Nya dan ini dilupakan oleh pemimpin Umno.

Kita sedar perubahan sikap rakyat Malaysia, khususnya umat Islam, terhadap PAS sangat memberangsangkan dan ini sangat mencemaskan pemimpin Umno. Setiap borang yang diisi oleh rakyat pelbagai golongan, secara sukarela, untuk menjadi ahli PAS di mana saja, sangat memedihkan hati Dr Mahathir dan pemimpin Umno yang lain. Demikian juga setiap sen dan ringgit yang didermakan oleh rakyat secara sukarela kepada PAS dalam semua majlis ceramah menjadi tamparan hebat yang sangat memalukan beliau. Tetapi inilah hakikat yang berlaku apabila rakyat semakin sedar terhadap penyelewengan

Barisan Nasional.

Kebencian rakyat sangat ketara sekali setelah melihat gelagat pemimpin Umno yang berlagak seperti maharajalela dan hidup bermewah-mewah, membolot peruntukan saham-saham dan membahagikan kepada keluarga dan saudara mara mereka. Menggunakan Akta Pengambilan Tanah sebagai lesen besar untuk merampas tanah rakyat di mana saja dan memberikan pampasan yang amat tidak setimpal, dengan alasan konon untuk pembangunan, pada hal ada yang diserahkan kepada swasta untuk pembinaan projek mewah dan sebagai yang langsung tidak mengalir rahmatnya kepada orang kampung, melainkan segelintir pemimpin Umno.

Insyaa'Allah, penolakan rakyat kepada Barisan Nasional ini akan diterjemahkan melalui undi mereka dalam pilihanraya umum akan datang. Dr Mahathir telah beberapa kali menangguhkan pengumuman tarikh pilihanraya ini kerana cemas dengan suasana dan keadaan yang tidak memihak kepadanya. Saya menyeru kepada semua pendukung PAS supaya bersiap sedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihanraya umum ini dengan keyakinan Islam akan menang dan kita memohon doa kehadiran Allah SWT supaya memberikan kemenangan kepada kita agar dapat kita melaksanakan amanah memakmurkan bumi-Nya ini dengan melaksanakan sepenuhnya titah perintah-Nya. Insyaa'Allah.

Ucapan Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor
di Majlis Taklimat Penerangan Pra-Pilihanraya
di Taman Melewar, Kuala Lumpur, 11 Februari 1995



SEJARAH RINGKAS GERAKAN POLITIK MALAYA

GERAKAN politik Islam zaman moden ini muncul secara beransur-ansur. Ia adalah lanjutan dan cetusan dari perselisihan fikiran antara kaum muda dan kaum tua yang bermula pada awal Abad Ke-20. Banyak aspek pemikiran telah dikemukakan oleh kaum muda, terutamanya mengenai seruan untuk kembali kepada Al-Quran dan Hadith, ijtihad dan taqlid dan soal kemodenan dan kemajuan bangsa.

Seorang ulama besar, Jamaluddin Al-Afghani (1838-1897) bersama muridnya Muhammad 'Abduh (1849-1905), telah memberi sumbangan besar ke arah ini. Mereka berdua telah menerbitkan majalah mingguan "Al-Urwatul Wuthqa" di Paris pada tahun 1884, tetapi telah diharamkan oleh penjajah British di Mesir dan India. Kemudian pada tahun 1897, murid Muhammad 'Abduh, Muhammad Rashid Ridha telah menerbitkan "Al-Manar", "Al-Urwatul Wuthqa" dan "Al-Manar" tersebar di Malaya pada masa itu termasuklah Kelantan. Seorang ulama besar Syekh Tahir Jalaluddin yang pernah belajar di Al-Azhar sejak tahun 1893 berhubung rapat dengan Muhammad Rashid Ridha dan pernah menulis dalam "Al-Manar". Bila Syekh Tahir kembali ke Nusantara, beliau telah menerbitkan "Al-Iman" di Singapura pada tahun 1906-1908 bersama rakan seperjuangannya iaitu Syed Syaikh bin Ahmad Al-Hadi, Hj. Abbas bin Muhammad Toha (yang pernah menjadi Qadli Tanjung Pagar, Singapura dan Mufti Pahang) dan lain-lain. "Al-Iman" berhasil mencetuskan "Revolusi Intelektual" di Tanah Melayu khasnya dan di Nusantara pada umumnya. Perjuangan "Al-Iman" dalam menyedarkan bangsa Melayu telah disambung oleh Hj. Abbas bin Muhammad Toha yang menerbitkan "Neraca" (1911-1915), "Tunas Melayu" (1913-23). Dengan fikiran dan semangat yang sama Syed Syaikh Al-Hadi telah menerbitkan "Ikhwan" (1926) dan "Saudara" (1928).

Majalah-majalah dan buku-buku zaman ini baik yang diterbitkan oleh kaum muda atau kaum tua adalah untuk kepentingan dan kesedaran bangsa Melayu. Mereka bukan tidak mengetahui tentang pemikiran Jamaluddin Al-Afghani yang mahu melihat negara Islam dan menghapuskan penjajah Barat¹, sedangkan golongan bangsawan mendapat pendidikan Inggeris dan bekerja di bawah penjajah Inggeris sebagai elit Melayu yang terpisah dariapda masyarakat.

Parti-parti politik sebelum penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR atau UMNO) dan perselisihan antara kaum muda dan kaum tua pada separuh pertama abad ke duapuluh telah menyediakan suasana yang memudahkan kesedaran politik. Penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1937 di bawah pimpinan Ibrahim Yaakub adalah percubaan awal secara teratur menentang penjajah. Justeru itu penentangan berdarah terhadap penjajah oleh setengah-setengah ulama' Islam zaman silam perlu dilihat dalam satu rangkaian penentangan. Misalnya seorang ulama' besar taseuf di Nusantara: Syaikh Abdus Somad Al-Falimbani (pengarang kitab Hidayah As-Salikin, Siarus Salikin dan lain-lain) telah mati syahid melawan tentera Siam pada tahun 1828². KMM tidak lama hidup. Ia telah diharamkan oleh Jepun yang telah menakluk Malaya pada tahun 1941- 1945.

Bila sahaja perang tamat, Parti Kebangsaan Melayu (PKMM) telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1945. Mokhtaruddin Laso telah memimpin PKMM dalam masa singkat sebelum diambilalih oleh Dr. Burhanuddin, seorang tokoh agama yang mampu menulis dalam bahasa Arab dan Inggeris, selain dari bahasa Melayu. PKMM telah mengisytiharkan matlamatnya untuk mencapai kemerdekaan penuh³. Dr. Burhanuddin banyak bekorhan untuk PKMM dan beliau mendapat kepercayaan golongan agama untuk menyertai gerakan politik menentang penjajah.

UMNO DAN PARTI-PARTI POLITIK YANG LAIN

Dr. Burhanuddin telah mengetuai perwakilan PKMM ke dalam sebuah kongres badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Melayu seMalaya yang telah diadakan pada 1-4 Mac 1946 untuk menentang Malayan Union dan membentuk sebuah gabungan besar iaitu UMNO. Ini bererti bahawa beliau

membentuk sebuah gabungan besar iaitu UMNO. Ini bererti bahawa beliau adalah salah seorang pengasas UMNO yang secara rasminya ditubuhkan pada 11 Mei 1946, lebih enam bulan selepas penubuhan PKMM. PKMM mempunyai matlamat dengan menjadi anggota UMNO iaitu di atas runtuhannya Malayan Union "Malaya merdeka seratus peratus haruslah ditegakkan"⁶. Namun demikian PKMM telah melihat bahawa UMNO semakin banyak bekerjasama dan bekomproi dengan kerajaan penjajah. Penjajah lebih selesa berunding dengan UMNO dan raja-raja Melayu, tidak dengan golongan yang memperjuangkan kemerdekaan penuh seperti PKMM dan HM. Ini berlaku dengan jelas pada pertengahan bulan Julai 1946. Pada 25 Julai 1946 UMNO telah bersetuju pada perinsip asasnya dengan penjajah British. Satu jawatankuasa kerja dibentuk yang anggotanya terdiri dari enam orang mewakili kerajaan penjajah, dua orang mewakili UMNO dan empat mewakili raja-raja Melayu⁷.

Perlu dilihat analisa asal tentang hal ini:

*"... Britain could not afford to let leadership of the Malays fall out of the hands of the traditional and very anglicized moderate leaders of UMNO (who were basically pro-British and wanted British rule to continue) and into the hands of more "alien" radical and extremist leaders of the Malay Nationalist Party (PKMM) who wanted immediate independence for Malaya and merger with Indonesia"*⁸.

Golongan inilah: Penjajah, UMNO dan raja-raja Melayu pada akhirnya berjaya membentuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 untuk menggantikan Malayan Union yang mengikut Dr. Burhanuddin sebagai perkara yang tidak diinginkan oleh bangsa Melayu⁹.

Perangai UMNO ini telah diperhatikan dengan teliti oleh Dr. Burhanuddin dan rakan-rakannya sama ada dalam PKMM atau HM. Mereka berkeyakinan bahawa orang-orang yang bekerjasama dengan penjajah dengan selogan asalnya bukan "Merdeka" tetapi "Hidup Melayu" tidak memberi apa-apa makna untuk mencapai kemerdekaan penuh seperti yang dikehendaki oleh bangsa Melayu. Justeru itu PKMM telah keluar daripada UMNO pada bulan Jun 1946 dengan alasan tidak bersetuju dengan warna bendera UMNO¹⁰.

Mungkin pada masa ini, PKMM sedang memperhati bagaimana UMNO

mempergunakan tokoh-tokoh agama untuk memperkukuhkan kedudukan pemimpin-pemimpinnya, bukan untuk kepentingan Islam sebenarnya. Untuk mengelakkan tenaga ulama' yang bersemangat merdeka tidak dipergunakan oleh UMNO, Dr. Burhanuddin dan PKMM menggalak dan menyokong penubuhan "Hizbul Muslimin" (HM) pada 14 Mac 1948, hasil daripada kongres rakyat di Gunung Semanggul, Perak. Parti Islam pertama di Malaya ini mempunyai matlamat yang tegas iaitu untuk mencapai kemerdekaan, untuk menegakkan masyarakat dan negara Islam (Dar Al-Islam) di Malaya. Dengan pemimpin pertamanya Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, HM telah menubuhkan jabatan-jabatan berikut:

- | | | | |
|-------------|--------------------|----------------|-------------|
| 1- Agama, | 2- Pelajaran, | 3- Penerangan, | 4- Politik, |
| 5- Ekonomi, | 6- Kemasyarakatan, | 7- Pemuda dan | 8- Wanita. |

HM tidak berada di bawah mana-mana kuasa parti lain, walaupun ia berhubung rapat dengan mereka, seperti dengan PKMM dan amat jelas menentang penjajahan. Ini menjadi salah satu sebab utama kenapa presiden pertama UMNO Datu Onn menuduh HM sebagai "Parti Islam Merah" dan "Bahaya Dari Gunung". Sikap ini membolehkan UMNO lebih diterima oleh penjajah dan kata-kata tersebut sekurang-kurangnya memberi sokongan moral kepada penjajah untuk menghapuskan HM.

Bila Parti Komunis Malaya (MCP) mengadakan penentangan bersenjata melawan penjajah pada awal Jun 1948, maka penjajah mempunyai peluang keemasan mengisytiharkan undang-undang darurat (*Emergency Regulation*) yang telah dipergunakan dengan sebaik-baiknya untuk menangkap pemimpin HM seperti Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Ustaz Ar-Rah At-Tamimi dan Ustaz Abdul Rauf bin Nur, selain daripada pemimpin-pemimpin parti lain yang menentang penjajah. Walaupun tidak diharamkan, HM tidak dapat bergerak dan dihalang dari bergerak kerana cengkaman undang-undang darurat dan PKMM telah diharamkan oleh penjajah pada tahun 1950.

Oleh kerana sikap pro-penjajah, maka UMNO terselamat dan boleh bergerak dengan bebas. Pemimpinnya boleh berceramah di sana-sini tanpa mendapat tentangan atau tangkapan. Walaupun tokoh-tokoh agama dalam HM dan lainnya ditekan, mereka memerhati perangai UMNO, dan UMNO

memang perlu tenaga agama yang ada di dalamnya. Di sini perlu diakui hakikat sejarah bahawa "Persatuan Islam Se-Malaya" (PAS) lahir di rumah UMNO, tetapi perkembangan-perkembangan PAS tidak mengikut apa yang dihayati oleh UMNO. Bila PAS dimbulkan dalam Muktamar Ulama' yang Ke tiga, di bawah anjuran UMNO di Pejabat UMNO Butterworth pada 24 November 1951, maka matijahnya ia telah menggelisahkan pemimpin-pemimpin UMNO kerana ia menjelma tidak mengikut kehendak UMNO. Bahkan sebelum muktamar, Ustaz Baharuddin Latif (kemudian menjadi anggota jawatankuasa agung PAS) telah mengingatkan bahawa ulama' jangan jadi perkakas kelas elit untuk melaksanakan fikiran mereka dan ada suara yang mahukan PAS tidak bergabung dengan mana-mana parti politik. Ini adalah selaras dengan matlamat ke empat dari perlembagaan Parti PAS iaitu PAS akan bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan politik yang mempunyai perinsip dan matlamat yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Anggota-anggota pimpinan pertama PAS adalah seperti berikut:

- 1- Yang Dipertua Agung (Hj. Ahmad Fuad Hasan).
- 2- Timbalan Yang Dipertua Agung (Hj. Muhammad Ghazali b. Abdulah)
- 3- Naib Yang Dipertua Agung Kawasan Utara (Tuan Guru Hj. Hussin Dol' dari Kedah).
- 4- Naib Yang Dipertua Agung Kawasan Tengah (Faiz Mohd. Nor dari Selangor)
- 5- Yang Dipertua Kawasan Selatan (Abdul Rahman Jamaluddin Al-Jimpuli dari Singapura).
- 6- Setiausaha Agung (Hj. Ahmad Maliki dari Seberang Perai).
- 7- Bendahari Agung (Tuan Guru Hj. Ahmad Tuan Hussain dari Seberang Perai).

Ahli Jawatankuasa Agung

- i- Ustaz Hj. Yahya Juned (Kedah)
- ii- Hj. Uthman Talib (Negeri Sembilan).
- iii- Hj. Mohd Nor (Selangor)
- iv- Hj. Zabidi bin Hj Ali (Seberang Perai).
- v- Hj. Abdul Wahab (Kuala Lumpur)
- vi- Hj. Assaiyya (yang kemudiannya Mufti Perak).
- vii- Muhammad Mahzub (Negeri Sembilan).
- viii- Hj. Ahmad Badur (Seberang Perai)¹¹.

Dari mula pembentukan PAS telah memperlihatkan sifat istiqamah atau konsisten, iaitu memperjuangkan Islam, kemerdekaan dan ketuanan bangsa Melayu. Dari mula lagi Setiausaha Penerangan PAS telah menulis pada tahun 1952 dengan menyarankan bahawa PAS tetap memperjuangkan cita-citanya dan kemerdekaan Tanah Melayu dan akan membebaskan bangsa dari pemerintahan asing dan perhambaan¹².

Perlu kepada penganalisaan teliti dan lengkap bagaimana PAS menghadapi pelbagai tindakan musuh politikanya. Tetapi untuk ruang terbatas ini cukup dengan menyatakan bahawa cita-cita dan perjuangan PAS adalah bercanggah dengan UMNO. PAS menyedari walaupun ia lahir di rumah UMNO, ia akan menjadi alat UMNO yang telah berjaya mewujudkan sebuah negara sekular, menolak cita-cita Islam yang menyeluruh, andainya ia kekal di bawah UMNO. Tokoh ulama yang ragu-ragu tentang perjuangan PAS akan dengan sendirinya tersisih dari PAS.

Ini benar-benar berlaku bila Dato' Onn yang keluar dari UMNO dan menubuhkan "*Independence Of Malaya Party (IMP)*" pada bulan Oktober 1951 dan kemudian beliau menubuhkan Parti Negara pada 28 Februari 1954. Hj. Ahmad Fuad yang telah keluar dari PAS pada tahun 1953 telah menjadi ahli jawatankuasa kerja Parti Negara¹³, sementara Hj. Ahmad Maliki kekal di dalam UMNO. Memang benar bahawa tokoh-tokoh ulama' dalam UMNO tidak pernah memegang kepimpinan dalam UMNO, tetapi menjadi golongan yang mempergunakan al-Quran dan hadith untuk memperjuangkan UMNO. Paling cergas ialah Hj. Ahmad Fuad yang mahu bertanding melawan Tunku Abd. Rahman sebagai presiden UMNO, tetapi menarik diri kemudiannya.

Bila Dr. Burhanuddin yang pernah ditangkap oleh penjajah dan Kerajaan Perikatan di bawah pimpinan UMNO mengambil alih pimpinan PAS pada tahun 1956, dasar PAS telah disuarakan oleh beliau secara lebih jelas dan menyeluruh. Dalam ucapan penutup mesyuarat agung PAS 1956, setelah beliau dipilih dan diberi amanah memimpinnya beliau berkata:

"...*Force nationalisme* dari rakyat yang disalurkan dalam UMNO itu menghadapi berbagai kelemahan disebabkan oleh karekter dan watak pimpinan UMNO yang masih bercorak lama. Bercoak feudal pada dasar dan pada pokoknya yang menyebabkan selalulah pemimpin itu beralah,

berkompromi, bertolak ansur, bergerak berliku-liku... sekejap keras dan sekejap lagi menyerah”.

“Maka untuk kepentingan penjajah, pemimpin kebangsaan seperti inilah yang baik. Nasionalisme rakyat yang dipimpin oleh golongan bangsawan dalam UMNO, yang bermuafakat dengan golongan Kapitalis Kuomintang dan golongan Chitayar India adalah sebaik-baik jalan untuk penjajah menghadapi force nationisme itu...”

“Pemimpin UMNO telah membuktikan dirinya boleh dan dapat dipercayai untuk menjamin kepentingan-kepentingan penjajah kelak di negeri ini, kerana mereka telah menunjukkan sanggup beralah”.

“...Kita dari angkatan PAS akan melancarkan bahtera perjuangan kita menuju pelabuhan cita-cita Islam yang sangat jauh pelayarannya. Kita sama-sama bertolak beriringan dengan aliran- aliran lain dan walaupun nasionalisme dan sosialisme telah sampai, tetapi Islamisme akan belayar terus, menuju ke pelabuhan kita: “Baladatul Taiyibatun Wa Rabbun Ghafuur”¹¹. Telah menjadi rekod perjuangan bahawa ia menentang penjajahan dan menentang bekerjasama dengannya, menentang Kerakyatan Jus Soli, memperjuangkan kemerdekaan dan negara Islam, ketuanan bangsa Melayu dan sebagainya. Hal-hal seperti ini menjadi isi kandungan suara rasmi PAS “Suara Islam” yang pertama kali diterbitkan secara teratur pada tahun 1956. Ini adalah kenyataan dan bukti sejarah yang tidak dapat dinafikan.

UMNO DAN PENJAJAH BRITISH

Kedatangan wakil Kerajaan British, Sir Harold Mac Micheal ke Malaya untuk memaksa raja-raja Melayu menandatangani perjanjian Malayan Union telah memberi kesedaran politik kepada golongan feudal untuk menubuhkan sebuah parti politik Melayu.

Wakil Kerajaan British yang cuba mengubah corak politik Malaya dan kedudukan raja-raja Melayu itu mulai menjejakkan kakinya ke Malaya pada September 1945, dan Umno ditubuhkan pada Mei 1946. Ini bererti bahawa Umno ditubuhkan selepas lapan bulan kedatangan wakil khas Kerajaan British itu ke Malaya. Gagasan Malayan Union yang dibawa oleh Sir Harold Mac Micheal kepada bangsa Melayu pada waktu itu ialah bertujuan untuk

menghapuskan kuasa raja-raja Melayu dan menjadikan Persekutuan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan British.

Dalam perjanjian Malayan Union itu juga, ada tercatat bahawa kedudukan raja-raja Melayu, hanya sebagai kadhi dan mufti, tidak lebih dari itu. Sir Harold Mac Micheal dikatakan hampir berjaya melucutkan kuasa raja-raja Melayu dan menurunkan mereka dari takhta kerajaan kerana ada antara raja-raja Melayu yang telahpun menandatangani perjanjian Malayan Union itu secara senyap-senyap. Bagaimanapun, rahsia tentang adanya raja-raja Melayu yang telah menandatangani perjanjian Malayan Union itu telah bocor dan akhbar-akhbar Melayu telah mendedahkan rahsia itu kepada umum.

Akhbar Majlis yang dianggap sebagai suara kepada golongan feodal pada waktu itu telah menyiarkan berita dan rencana yang menggambarkan tentang mala petaka yang akan menimpa bangsa Melayu, sekiranya raja-raja Melayu menandatangani perjanjian Malayan Union yang dipaksa kepada bangsa Melayu itu. Akhbar Majlis juga telah mengajak dan menyeru bangsa Melayu supaya menentang gagasan Malayan Union itu dengan apa cara sekalipun. Dan, akhirnya bangsa Melayu bangkit dan bangun menentang gagasan Malayan Union itu dengan mengadakan perarakan dan tunjuk perasaan di sana-sini.

Rakyat Kelantan telah mengadakan perhimpunan raksasa di depan Balai Besar Kota Bharu dan terus mengadakan perarakan ke kediaman Penasihat British (BA) di Kampung Sirih, bila Sir Harold Mac Micheal cuba memujuk Sultan Kelantan menandatangani perjanjian Malayan Union itu pada 1945. Perhimpunan raksasa dan perarakan yang sama telah diadakan di Kemaman dan Johor pada tahun yang sama.

Dalam suasana anti Sir Harold Mac Micheal dan semangat menentang gagasan Malayan Union itulah, pembesar-pembesar Melayu telah merancang untuk menubuhkan sebuah parti Melayu yang bertujuan untuk mempertahankan kedudukan raja-raja Melayu. Akhirnya, golongan feodal dan pembesar-pembesar Melayu yang mempelopori gerakan menentang Malayan Union itu telah berjaya menubuhkan sebuah parti Melayu yang bernama UMNO.

(Keputusan menubuhkan Umno itu diambil dalam satu perhimpunan yang diadakan di Kelah Sultan Sulaiman Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 2, 3 dan 4 Mac 1945. Dan, Umno telah diisytiharkan sebagai sebuah parti politik di Istana Besar Johor pada 11 Mei 1946. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (MNP) dan SEBERKAS dari Kedah ialah antara pertubuhan Melayu yang bergabung dengan Umno pada waktu itu. Dato' Onn Jaafar yang dianggap sebagai wira dan jaguh Melayu pada waktu itu dipilih sebagai Yang Dipertua Agung Umno yang pertama.

Antara pembesar-pembesar Melayu yang dipilih sebagai Jawatankuasa Agung Umno pada waktu itu ialah Dato' Nik Ahmad Kamil dari Kelantan, Dato' Yassin Abdul Rahman dari Johor, Dato' Panglima Bukit Gantang dari Perak serta Dato' Haji Mohammad Noah, Syed Alwi Alhadi dan beberapa pembesar-pembesar Melayu dari Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu, Kedah dan Perlis. Setiausaha Agung Umno yang pertama ialah Dato' Zainal Abidin Abas, manakala Kapten Hussien Onn dilantik sebagai Setiausaha Agung yang kedua, sementara Encik Shamilan Muhammad Yusuf diberi tugas sebagai Setiausaha Kerja Umno.

Kalau kita perhatikan senarai nama pemimpin Umno di peringkat Pusat, negeri dan daerah pada zaman itu, maka jelaslah Umno sebuah parti politik yang dikuasai golongan feodal yang bersikap pro-British dan anti-gerakan kemerdekaan yang dipelopori Parti Kebangsaan Melayu, API, AWAS dan pertubuhan-pertubuhan kiri yang lain. Sebahagian besar daripada Ketua-ketua Bahagian Umno pada waktu itu dipimpin oleh Pegawai-pegawai Daerah (DO) dan para pembantunya. Sementara pemimpin Umno di peringkat negeri pula dipimpin oleh Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan yang rapat dengan istana dan mendapat kepercayaan daripada Penasihat British di negeri masing-masing. Pendek kata, tidak seorangpun guru sekolah Melayu atau ustaz yang diberi tugas untuk memimpin Umno pada peringkat negeri dan bahagian pada ketika itu.

Walaupun ada di kalangan guru-guru sekolah-sekolah Melayu dan sekolah agama yang dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Umno di peringkat cawangan dan bahagian, pengaruh dan suara golongan feodal dalam parti itu telah menenggelamkan suara golongan mustadhafin dalam Umno pada waktu itu. Selepas Umno berjaya menubuhkan Malayan Union, maka terbentuklah

Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 sebagai hasil daripada perundingan antara para pemimpin Umno dan pihak Kerajaan British. Dalam erti kata lain, Persekutuan Tanah Melayu itu dibentuk sebagai ganti gagasan Malayan Union yang ditolak Umno dan raja-raja Melayu.

Kedudukan para pemimpin Umno makin bertambah kukuh dan kuat selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, dan ramai di kalangan pemimpin Umno yang telah dilantik sebagai Menteri-menteri Besar, Setiausaha-setiausaha Kerajaan dan Ketua-ketua Jabatan di negeri masing-masing. Pendek kata, semua jawatan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan dipegang oleh pemimpin-pemimpin Umno selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.)

Maka, oleh sebab itulah, selepas 1948, para perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno adalah terdiri daripada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Ketua Jabatan Kerajaan, Pegawai Daerah dan Nazir Sekolah Melayu di tiap-tiap negeri di Semenanjung. Walaupun ada antara perwakilan Umno yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, tetapi kehadiran mereka dalam Perhimpunan Agung Umno itu tidak mencerminkan Umno sebagai sebuah parti politik yang didukung oleh semua lapisan masyarakat. Walaupun Saudara Azhari Taib dari SEBERKAS Kedah, Ustaz Othman Abdullah dari Persatuan Melayu Sabak Bernam dan Haji Othman Uddin dari Tumpat, Kelantan telah mengambil bahagian yang cergas dalam perhimpunan agung Umno di Seberang Perai pada 1949, tetapi pendapat dan hujah yang dikemukakan oleh tiga perwakilan terbabit dianggap tidak mempunyai nilai yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan.

Dalam sepanjang perbahasan di Perhimpunan Agung Umno di Seberang Perai itu, tidak ada perwakilan yang berani menyentuh soal kepentingan British di Malaya. Dan, apa yang diperkatakan dalam Perhimpunan Agung Umno itu ialah soal kedudukan raja-raja Melayu dan pembahagian jawatan penting di kalangan pucuk pimpinan Umno. Dalam perhimpunan itu juga, Dato' Onn Jaafar telah mengumumkan nama seorang tokoh Umno Johor iaitu Syed Abdul Kadir sebagai Menteri Besar baru Johor selepas beliau dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Beberapa orang tokoh Umno lain juga telah diberi jawatan

penting dalam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, termasuk Dato' Ahmad Kamil dan beberapa pemimpin Umno Selangor, Pahang dan Johor.

✓ Boleh dikatakan semua jawatan penting dalam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kerajaan negeri-negeri telah dikuasai pemimpin-pemimpin Umno di semua peringkat setelah gagasan Malayan Union ditarik balik.

(Hubungan Umno dengan pihak penjajah British amat baik sekali sehingga Residen British di Pulau Pinang dijemput hadir pada Perhimpunan Agung Umno di Seberang Perai pada 1949. Wakil Kerajaan British di Pulau Pinang itu telah diberi peluang untuk berucap di majlis jamuan teh dalam Perhimpunan Agung Umno itu, dan seorang pemimpin Umno (bukan Dato' Onn) diberi tugas untuk menjawab ucapan Residen British di Pulau Pinang itu. Begitulah rapatnya hubungan antara Umno dengan pihak berkuasa British sebelum negara ini mencapai kemerdekaan pada 1957.)

// Ada pendapat yang mengatakan Umno ini bukan sahaja berkuasa pada zaman kemerdekaan, malah Umno telah berkuasa penuh sejak zaman penjajahan British. Ini adalah kerana para pemimpin Umno pada waktu itu dianggap sebagai *anak emas British*. Secara tidak langsung, para pemimpin Umno yang memegang jawatan penting dalam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah diperalatkan oleh penjajah British untuk menekan dan menindas gerakan kemerdekaan yang dipelopori oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Allahyarham Ahmad Boestamam dalam buku bertajuk 'Merintis Jalan ke Puncak' ada menyebut bahawa pemimpin PKMM mulai dicurigai oleh British setelah parti itu menarik diri daripada bergabung dengan Umno. Kalau menurut logik Ahmad Boestamam ini para pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya termasuk beliau sendiri dan Ishak Haji Muhammad tidak ditangkap dan ditahan kalau PKMM masih kekal dalam Umno. //

Sebab-sebab utama PKMM atau MNP bertindak keluar dari Umno ialah kerana pucuk pimpinan parti itu menyedari bahawa Umno sebuah parti politik yang menentang gerakan kemerdekaan dan pro-penjajah British. Di kalangan para pemerhati politik sebelum merdeka dulu, Umno dikenali

sebagai sebuah parti yang pro-penjahat dan PKMM dikenali sebagai sebuah parti yang kontra dan menentang penjajah British secara total. Saingan Umno sebelum undang-undang darurat diisytiharkan ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau Malay Nationalist Party yang ditubuhkan pada pertengahan bulan Ogos di Ipoh, Perak pada tahun 1945. Ini bererti bahawa PKMM ini ditubuhkan sebelum Umno dilahirkan.

Antara pemimpin-pemimpin Umno yang telah menyertai PKMM ini ialah Sa'adun Zubir, Encik Abdul Ghafar Baba, Allahyarham Tan Sri Ibrahim Fikri, Allahyarham Abdul Rahman Talib, Aishah Ghani, Wan Yahya Ahmad dan beberapa orang pemimpin Umno di Selangor dan di Perak. Parti Kebangsaan Melayu Malaya ini telah berjaya menubuhkan cabang dan rantingnya di seluruh negeri termasuk di Singapura sebelum undang-undang darurat diisytiharkan pada tahun 1948.

Ada yang lebih menarik dalam persaingan pengaruh antara Umno dengan PKMM ini ialah kerana akhbar Utusan Melayu yang dipimpin oleh Allahyarham Yusuf Ishak dan Saudara Abdul Samad Ismail menyokong Parti Kebangsaan Melayu, manakala akhbar Majlis dan Warta Negara berpihak kepada Umno. Dalam tahun 1945 hingga tahun 1948, kenyataan-kenyataan akhbar PKMM dan ucapan-ucapan Dr Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestaman dan Taha Kalu telah mendapat tempat yang istimewa dalam akhbar Utusan Melayu. Akhbar Utusan Melayulah yang paling banyak sekali memberi publisiti kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya sebelum parti itu diharamkan oleh penjajah British.

Ada di kalangan para pemimpin Umno yang menuduh Utusan Melayu sebagai suara tidak rasmi PKMM, dan pada suatu ketika, wakil Utusan (Encik Zabha) tidak dibenarkan mengambil berita dalam Perhimpunan Agung Umno di Johor Bahru. Bukan sahaja Dr Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestaman menuduh pemimpin-pemimpin Umno sebagai anak emas British, malah akhbar Utusan Melayu juga telah menyiarkan berita-berita dan rencana-rencana yang membuktikan Umno sebagai sebuah parti politik yang pro-penjahat dan anti gerakan kemerdekaan. Berita-berita di muka depan dan di muka belakang Utusan Melayu dipenuhi dengan berita-berita penubuhan ranting dan cabang PKMM di sana sini.

Sementara rencana pengarang Utusan Melayu pula, terus menyerang Umno dan para pemimpinnya yang berjinak-jinak dengan penjajah British. Seorang bekas tokoh PKMM Perak, Haji Abdul Majid Salleh dalam bukunya yang berjudul 'Anak Merdeka' telah menyebut bahawa menurut istilah politik, Umno dikenali sebagai parti kanan dan PKMM dikenali sebagai parti kiri.

"Puak kanan menyebelah kerajaan British atau pro-penjajah, sementara puak kiri pula menentang (kontra) British seratus peratus dan tidak ada tolak ansur dalam menuntut kemerdekaan. (Orang-orang Umno pada masa itu, hendak menyebut perkataan merdekapun tidak berani kerana takut kepada penjajah British," kata Haji Majid Salleh. Sementara Sheikh Anwar Abdullah pula dalam bukunya berjudul 'Dato Onn', telah menuduh Ketua Setiausaha Malayan Union Persekutuan Tanah Melayu, Alexander Newbould dan Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, Malcolm Mac Donald yang telah mempengaruhi Datuk Onn Jaafar supaya tidak menuntut kemerdekaan dari Kerajaan British selepas gagasan Malayan Union ditarik balik).

(Menurut Sheikh Anwar, kedua-dua wakil Kerajaan British itu telah merayu kepada Datuk Onn selaku Yang Dipertua Umno supaya tidak menuntut kemerdekaan sehingga pada satu ketika yang sesuai nanti. "Tetapi orang yang bersungguh-sungguh sekali 'mempernauikan' Datuk Onn supaya menangguk-nangguhkan tuntutan kemerdekaan ialah Pesuruhjaya British di Asia Tenggara, Malcolm Mac Donald," kata Sheikh Anwar. Sheikh Anwar berpendapat bahawa Datuk Onn telah membuat kesilapan yang besar, kerana tidak menuntut kemerdekaan dari British selepas Malayan Union berjaya dihapuskan. Dalam halaman 234, Sheikh Anwar menulis, "*Dalam pusingan pertama, orang-orang Melayu telah mencapai kemenangan besar daripada British apabila berjaya meruntuhkan Malayan Union, tetapi dalam pusingan yang kedua, British telah dapat menebus ketewasannya dalam pusingan pertama itu dengan mencapai tiga kejayaan yang penting.*")

(Pertamanya, Kerajaan British dapat mencegah orang Melayu daripada menuntut kemerdekaan serta merta sebaik-baik sahaja Malayan Union dapat ditumpaskan. Kejayaan yang kedua pula, Kerajaan British dapat

mengelirukan orang-orang Melayu terhadap pengertian 'Naungan dan Koloni'. Dan kejayaan yang ketiga pula, pihak penjajah British telah berjaya mempengaruhi umat Islam supaya menerima taraf 'kaum' bagi seluruh bangsa atau kebangsaan Melayu dan menerima serta meyakini bahawa mereka tidak berhak mendapat kemerdekaan sehingga terdapat jaminan bahawa mestilah ada kerjasama dan harmoni antara semua kaum di Tanah Melayu ini, terutama sekali antara kaum Cina dan kaum Melayu, sebelum kemerdekaan diserahkan kepada rakyat," kata Sheikh Anuar yang pada satu ketika dulu pernah memegang jawatan Penolong Setiausaha Agung Umno Malaya.)

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada pembacaan buku yang ditulis oleh Sheikh Anuar ini bahawa penjajah British telah memperbodoh-bodohkan pemimpin Umno sejak dari zaman Datuk Onn hingga ke zaman Tunku Abdul Rahman. Dalam zaman Tunku Abdul Rahman juga, Umno belum bebas daripada pengaruh British, dan ramai di kalangan pemimpin Umno pada waktu itu yang memegang jawatan penting dalam Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Tunku Abdul Rahman sendiri walaupun telah meletakkan jawatan sebagai Penolong Pendakwa Raya, tetapi beliau dilantik sebagai seorang Ahli Majlis Federal yang sama tarafnya anggota Parlimen sekarang.

Tun Abdul Razak, Tun Dr Ismail, Datuk Sulaiman dan beberapa orang pemimpin Umno lain dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman telah diberi jawatan penting oleh Kerajaan British sebelum merdeka dahulu. Pendek kata, tidak ada seorang pemimpin Umno dalam zaman Tunku Abdul Rahman yang menganggur seperti pemimpin PAS, Parti Rakyat dan pemimpin-pemimpin parti pembangkang lain. Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Dr Ismail juga tidak boleh dianggap sebagai pejuang kemerdekaan, kerana mereka ini tidak pernah menentang penjajah British secara terbuka. Tunku Abdul Rahman dan rakan-rakannya juga terpaksa memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh penjajah sebelum menuntut kemerdekaan ala-British.

(Kalau dalam zaman Datuk Onn dulu, wakil-wakil Kerajaan British menghendaki supaya Umno membukakan pintunya kepada orang-orang bukan Melayu sebagai syarat mutlak untuk mencapai kemerdekaan, maka

dalam zaman Tunku Abdul Rahman juga pihak penjajah British memberi syarat yang sama untuk mendapatkan kemerdekaan. Bagi memenuhi hajat pemerintahan British itu, Datuk Onn cuba mempengaruhi rakan-rakannya dalam pucuk pimpinan Umno supaya membuka pintu kepada kaum-kaum lain untuk menyertai Umno. Bila cadangan Datuk Onn ditolak, maka beliau terpaksa meletakkan jawatan dan terus keluar dari Umno yang dipimpinnya sebelum ini. }

Di atas nasihat wakil-wakil Kerajaan British juga, beliau menubuhkan IMP dan Parti Negara, dengan tujuan untuk mendapat sokongan orang-orang bukan Melayu. Datuk Onn menyedari selagi beliau tidak dapat menubuhkan sebuah parti politik yang mendapat sokongan kaum lain, Kerajaan British tidak akan menyerahkan kemerdekaan kepada beliau. Pihak British menganggap Umno yang dipimpin oleh Datuk Onn sebelum ini sebagai sebuah parti 'perkauman' yang hanya disokong oleh orang-orang Melayu sahaja.

Tetapi walau bagaimanapun, pihak British tidak mengenakan syarat kepada Tunku Abdul Rahman dan kawan-kawan supaya membukakan Umno kepada orang-orang Cina dan India di negara ini. Bagaimanapun, pihak British menghendaki supaya semua kaum bersatu dalam satu ikatan bagi membolehkan Malaya mencapai kemerdekaan ala-British. Penubuhan Parti Perikatan yang dianggotai oleh Umno, MCA dan MIC di peringkat kebangsaan dan negeri adalah sebagai syarat untuk mendapatkan kemerdekaan.

Dalam erti kata lain, kemunculan Parti Perikatan secara mendadak merupakan jalan penyelesaian kepada masalah ini tanpa menjejaskan sifat perkauman parti-parti yang berkenaan. Tunku Abdul Rahman juga menyedari bahawa pihak British akan hanya memberikan kemerdekaan jika pihak Umno bersedia berkongsi kuasa dengan parti-parti yang dianggotai oleh kaum Cina dan India. Ini bererti Tunku Abdul Rahman dan kawan-kawannya juga mengikut telunjuk pihak penjajah sebagai satu syarat untuk mendapatkan kemerdekaan.

Sama ada Datuk Onn mahupun Tunku Abdul Rahman telah menyedari bahawa berkongsi kuasa dengan kaum-kaum lain, bererti memberi hak

politik kepada orang-orang bukan Melayu. Sebelum penubuhan Parti Perikatan, kira-kira 15 peratus sahaja orang-orang Cina berhak mengundi, tetapi bila Parti Perikatan berkuasa, hampir seratus peratus orang-orang bukan Melayu berhak mengundi dan berhak menjadi calon dalam sebarang pilihanraya. Terpujanglah kepada rakyat untuk menentukan sama ada PAS atau Umno yang mengkhianati perjuangan bangsa Melayu?

Kalau Dr Mahathir mengikuti sejarah perjuangan Umno sejak dari mula penubuhannya hingga ke zaman Tunku Abdul Rahman menerajui Umno, maka sudah pasti beliau tidak tergamak menuduh PAS sebagai sebuah parti politik yang ditaja oleh penjajah British. Penubuhan PAS ialah akibat daripada pertelagahan antara pemimpin Umno dengan golongan yang berpendidikan agama dalam parti itu. Rancangan Umno untuk membuka loteri bagi mendapatkan wang telah ditentang oleh Haji Ahmad Fuad Hassan, Haji Maliki dan Haji Ahmad Abdullah Badawi yang dianggap sebagai ulama dalam Umno pada waktu itu.

Walaupun Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi yang mengambil inisiatif untuk menubuhkan PAS pada peringkat awalnya, tetapi yang menghayati perjumpaan untuk menubuhkan PAS itu ialah bekas-bekas pemimpin Hizbul Muslimin dari Gunong Semanggol, Perak.

Nama parti PAS itu juga dicadangkan oleh seorang pengasas Hizbul Muslimin, iaitu Allahyarham Ustaz Othman Hamzah. Oleh kerana perhimpunan itu dikuasai oleh bekas-bekas penyokong Hizbul Muslimin maka tiga orang bekas ulama itu, Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi terpaksa tunduk kepada suara majoriti.

Sebagai mana yang dijangka, Haji Ahmad Fuad, Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi tidak akan kekal lama dalam PAS, dan akhirnya Haji Ahmad Fuad meninggalkan PAS dan menyertai IMP yang dipimpin oleh Datuk Oth Jaafar. Sementara Haji Ahmad Maliki dan Haji Ahmad Badawi pula rujuk semula kepada Umno di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Selepas pengunduran tiga orang ulama Umno itu, PAS terus dipimpin oleh bekas-bekas pemimpin Hizbul Muslimin yang diharamkan oleh penjajah British. Hampir semua pengikut dan murid-murid Ustaz Abu Bakar al-Baqir

telah menyertai PAS secara beramai-ramai selepas penubuhannya pada awal tahun 1951. Ini kerana sudah jelas bahawa perjuangan PAS mewarisi perjuangan Hizbul Muslimin yang paling ditakuti oleh penjajah British.

Kalau Hizbul Muslimin yang dianggap sebagai sebuah parti Islam yang anti-penjajah, mengapa PAS dituduh sebagai sebuah parti politik yang ditaja oleh pihak British? Tuduhan ini sudah pasti tidak akan dapat diterima. Dan adalah menjadi tanggungjawab kepada seluruh ahli PAS mempertahankan nama baik parti yang dianutinya.

NOTA-NOTA KAKI.

- 1- Nikki R. Keddie, *An Islamic Response to Imperialism, Political and Religious Writing of Sayyid Jamal El-Din Al-Afghani*, University of California Press, Berkeley, 1968, p.24.
- 2- Shafie Ibrahim, "Muslim Religious Thought in Malaya 1930-1940, A History of Intellectual Conflicts, Ph.D. desertari, University Columbia, 1987, m.s. 24-25.
- 3- Keddie, pp. 41-42.
- 4- Shafie Ibrahim, *Muslim Religious Thought*, m.s. 34, n41.
- 5- Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Pustaka Kejora, K.L. 1972, m.s. 56.
- 6- Ibid, p.59-60
- 7- Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation. Political Unification in the Malaysia Region 1945- 65*, University Malaya, K.L. 1974, m.s. 37.
- 8- Ibid, m.s. 36.
- 9- Dr. Burhanuddin, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bukit Mertajam, 1934, m.s. 71.
- 10- Boestamam, m.s. 59—60.
- 11- Shafie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia Its Formative Stages and Ideology*, Pasir Putih, Kelantan, 1981, m.s. 27- 28.
- 12- Shafie Ibrahim *The Islamic Party*, m.s. 32-33
- 13- Ibid, m.s. 52n
- 14- Suara Islam, Tahun 1, Bil.2, 16 Jan., 1957.

PIHAK musuh menuduh bahawa PAS menggunakan agama untuk kepentingan politik.

Tuduhan yang demikian mendedahkan bahawa mereka adalah jahil tentang hakikat Islam ataupun pemikiran mereka dipengaruhi oleh idea gerakan musuh Islam yang sentiasa berusaha mengelirukan umat Islam tentang hakikat agamanya, supaya dengan itu mereka akan dapat melemahkan umat Islam dan menguasainya. Sejarah membuktikan bahawa kuasa penjajah tidak pernah mengalahkan umat Islam ketika mereka berpegang teguh dengan ajaran agamanya. Sejarah juga menceritakan umat Islam telah ditewaskan oleh musuh Islam yang berlaku di Sepanyol apabila para pemerintah pada masa itu mabuk dan begitu bermegah dengan pembangunan dan kemajuan yang dicapai tetapi cara hidup masyarakat dan sistem pemerintahan mereka telah lari jauh dari ajaran Islam.

Suara sumbang yang cuba menyisihkan politik dari Islam sebenarnya pernah disuarakan oleh seorang hakim Mesir lepasan Al-Azhar yang bernama Syeikh Ali Abdul Raziq di abad ini. Ali Abdul Raziq yang menjadi tali barut Inggeris telah menulis dalam bukunya *Al-Islam wa Usul Al-Hukm* yang secara jelas telah memisahkan urusan negara dari agama. Pihak Inggeris telah menterjemahkan buku tersebut ke beberapa bahasa, kerana diyakini buku itu akan dapat mempengaruhi minda umum yang akhirnya melemahkan inspirasi rakyat pada masa itu yang berjuang menegakkan Islam dan mahu Inggeris keluar dari negara mereka.

Pandangan Syeikh Abdul Raziq tadi telah ditentang oleh semua ulama Al-Azhar pada masa itu dan seterusnya ijazah yang dianugerahkan kepadanya ditarik balik oleh Al-Azhar manakala idea-idea yang ditonjolkannya tentang

pemisahan agama dari negara telah juga disanggah oleh tokoh-tokoh ilmunan di dalam buku-buku mereka, seperti Profesor Dr Abdul Hamid Mutawalli "Mabadi Nizam Al-Hukm Fil-Islam. Profesor Muhammad Dhiyauddin al-Rais" Nazariat al-Siyasah Al-Islamiyyah. Profesor Dr Muhammad al-Bahi "Pemikiran Islam Moden dan hubungannya dengan penjajah Barat. Pada hujung 70-an lahir pula beberapa penulis cuba menimbulkan kembali idea lama Abdul Raziq yang pernah ditolak. Mereka ialah Dr Muhammad Ammarah yang membawa idea tentang pemisahan agama dan politik. Dr Selamat Musa yang pemikirannya terpengaruh dengan ajaran Kristian di dalam beberapa penulisannya telah berkali-kali menegaskan tentang dasar pemisahan negara dan politik dari agama. Mengikut pandangannya agama diturunkan untuk tujuan kesejahteraan manusia di dalam penghidupan mereka di dunia, maka ianya tidak wajar dijadikan sebagai penghalang kepada aktiviti manusia di dalam hidup bermasyarakat dan negara. Dr Selamat seterusnya mengemukakan pandangan bahawa apabila agama dicampur adukkan dengan politik, maka sudah semestinya agama tadi diperalatkan untuk kepentingan politik dan negara. Seterusnya beliau menyatakan sikap taasub (fanatik) dan tidak bertolak ansur adalah natijah dari penglibatan ahli agama dalam politik dan mencampur adukkan di antara urusan agama dengan politik (Lihat Dr Abdul Azim Faudah "Al-Hukm Bima Anzalallah")

■ Pandangan di atas sebenarnya diveduk dari apa yang telah disuarakan di kurun pertengahan yang menuntut supaya dipisahkan gereja dari negara di Eropah. Tuntutan di atas adalah berpunca dari peranan gereja yang menguasai masyarakat tetapi gagal mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Ini adalah berpunca dari ajaran Kristian itu sendiri yang menumpukan kepada persoalan kerohanian dan mengabaikan persoalan keduniaan dan kenegaraan.

■ Keadaan berbeza sekali dengan hakikat Islam. Islam adalah agama yang syumul, yang merangkumi semua aspek penghidupan rakyat dan masyarakat, yang melibatkan perkara-perkara berhubung dengan aqidah, ibadat, akhlak, muamalat, kemasyarakatan, undang-undang, politik dan negara. Apabila sistem perundangan Islam menentukan dasar pemerintahan dan politik negara, ia tidak memberi laluan secara mutlak kepada para pemimpin seperti Khalifah atau Amirul Mukminin untuk

melakukan sesuka hati. Mereka adalah wajib tunduk kepada hukum dan dasar yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Para khalifah dan pemimpin yang mengendalikan urusan politik negara pada hakikatnya adalah alat untuk kepentingan agama.

Dalam hubungan ini ingin diperingatkan bahawa bila kita bercakap tentang politik dan agama maka kita hendaklah mengenal pasti tabiat agama Islam dan agama lain terlebih dahulu.

Untuk membezakan yang mana satu agama dan yang mana satu politik di dalam perspektif Islam adalah merupakan sesuatu yang sukar. Maka dengan sebab itu semua ulama Islam menegaskan Islam adalah agama dan negara. Syeikh Mahmud Syaltut, Syeikh Al-Azhar sendiri mengatakan Islam Ad-Deen wa Daulah" (Islam adalah agama dan negara).

Adalah perlu difahami bahawa setiap apa yang berkaitan dengan aqidah dan ibadat adalah agama, maka ia boleh dinamakan siasah Islam dalam ibadat, dan setiap perkara yang berkaitan dengan akhlak dan pendidikan adalah agama maka ia boleh dinamakan siasah Islam dalam pendidikan dan akhlak. Setiap perkara yang berhubung dengan muamalat adalah agama maka ia boleh dinamakan siasah Islam dalam ekonomi dan kemasyarakatan, dan setiap perkara yang berhubung dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran ummah di dunia juga agama maka ia adalah dinamakan sistem pemerintahan Islam dan pentadbiran negara (Lihat Dr Abdul Azim Faudah)

Konsep di atas memberi maklumat kepada kita bahawa ikatan agama dan negara merupakan satu salutan yang kukuh dan mantap. Ia lebih merupakan ikatan di antara asas bangunan dengan bangunan itu sendiri. Agama adalah asas bagi negara dan pergarahujungnya. Adalah tidak mungkin terbayang tertubuhnya sebuah negara tanpa agama dan tidak mungkin juga wujudnya agama tanpa berperanan dalam mengendalikan urusan masyarakat, dan politik negara, kerana kiranya hal ini tidak wujud atau diwujudkan maka tidak akan wujud apa yang dinamakan Islam. (Lihat Syeikh Mahmud Syaltut; Min Taujihat al-Islam)

Pihak Al-Azhar dalam siri penerbitannya "Haza Bayan lilnas" (Ini Adalah Penjelasan Untuk Orang Ramai) secara tegas menyatakan: "Islam menyeru

supaya wajib ditegakkan negara Islam bagi setiap masyarakat seperti mana yang berlaku di zaman Nabi s.a.w dan para khulafa al-Rasyidin selepasnya. Dan dasar ini telah pun disepakati (ijma') oleh para ulama bagi setiap generasi."

Ibnu Taimiyyah di dalam bukunya "Assiyasah al-Syariyyah" menyatakan: Mengendalikan urusan orang ramai (rakyat) adalah kewajipan agama yang besar, dan agama tidak mungkin ditegakkan kecuali dengan kekuasaan memerintah.

Di dalam buku Ghiyas al-umam ditegaskan: Apabila menyempurnakan jenazah orang mati dikira sebagai fardu kifayah, maka mengendalikan urusan hidup mereka adalah lebih penting dan utama.... sesungguhnya Islam begitu sekali memerlukan kerajaan yang dapat berfungsi menegak dan memelihara agama, maka mewujudkan kerajaan Islam adalah sesuatu yang wajib untuk tujuan mengawal aqidah, mendirikan solat dan menghukum mereka yang meninggalkan rukun Islam, juga untuk tujuan mengawal negara, manusia dan kehormatann mereka (hudud) juga melakukan jihad, mendidik umat Islam, dan menegakkan sistem politik, ekonomi dan kebudayaan Islam. (Lihat Dr Mustafa Farghali: "Fi wajh al-Muamarah 'Ala Tatbiq al-Syariah al-Islamiyyah")

Mengikut Al-Mawardi di dalam bukunya "Al-Ahkam al-Sultaniyyah" bahawa kerajaan Islam yang dikendalikan oleh khalifah selepas Rasulullah s.a.w. adalah berperanan menguruskan urusan umum negara yang melibatkan perkara agama dan dunia sebagai penyambung kepada tugas nabi. Al-Mawardi seterusnya mendefinaskan tugas khalifah adalah memelihara agama dan menjalankan politik harian (Assiyasah al-dunia) dengan berasakan agama.

iii Berdasarkan kepada fakta di atas PAS telah menjadikan Islam sebagai dasar perjuangannya dan untuk mencapai matlamatnya PAS telah, sedang dan akan terus berpandu serta mendukung dasar Islam dalam usahanya mewujudkan sebuah masyarakat dan negara yang di dalamnya terlaksana hukum Allah.

iv Bila menyentuh mengenai agama dan negara maka sudah semestinya

akan melibatkan persoalan politik. Dan dalam konteks ini PAS tidak ada pilihan lain kecuali melibatkan diri dengan sistem politik kepartian yang diwujudkan di negara ini demi mencapai matlamat yang diperjuangkan selama ini. Oleh kerana matlamat PAS adalah mewujudkan masyarakat yang dilaksanakan hukum Islam secara syumul di dalamnya, maka sudah sewajarnya landasan yang dilalui oleh PAS di dalam perjuangannya adalah Islam. Maka PAS telah menonjolkan identitinya sebagai parti politik Islam sejak 44 tahun dulu. Di sinilah wujudnya perbezaan di antara PAS dan parti-parti lain di negara ini di mana matlamat mereka bukan untuk penubuhan negara dan masyarakat Islam, maka memang sewajarnya mereka tidak menamakan Islam di dalam parti politik mereka. Kiranya mereka juga mengambil nama Islam maka ia sudah pasti merupakan keganjilan dan bahan ketawa.

Pihak UMNO selalu berhujah, bila PAS mendakwa ia sebagai parti Islam, maka seolah-olah mereka sahajalah yang berjuang Islam. Bagaimana dengan orang Islam yang lain seperti UMNO yang juga berjuang Islam? Penggunaan nama Islam bukan bererti penafian mutlak ke atas hak orang lain yang beragama Islam, kerana melaksanakan tuntutan Islam berbeza di antara individu dan juga kumpulan. Ada individu yang melaksanakan tuntutan Islam ditahap minima dan apa pula di tahap maksima. Begitu juga dengan parti politik. Ada parti politik yang meletakkan dasarnya untuk melaksanakan Islam secara syumul dan ada parti politik yang tidak berbuat demikian. Maka bagi mereka yang menolak pelaksanaan Islam secara syumul tidak seharusnya membuat kecoh. Mereka juga boleh menambah perkataan Islam di dalam parti politik mereka. Sebagai contoh: Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu boleh ditambah perkataan Islam di dalamnya seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Islam Bersatu (PERKEMIBAR) atau UMNO diubah kepada UIMNO* (United Islamic Malay National Organisation)

Persoalannya, PAS memakai nama Islam dalam gerakan politik adakah salah atau haram dari segi hukum syara'. Adakah di sana terdapat nas-nas yang sahih melarangnya berbuat demikian.

Apa yang perlu diingati bahawa menegakkan negara Islam bukanlah merupakan salah satu rukun Islam, tetapi ia adalah suatu yang wajib dilakukan dan sebahagian dari fardhu kifayah. Oleh kerana ia fardhu kifayah

kewajipan ini akan gugur dari semua rakyat bilamana ada kumpulan yang mewujudkannya. Sekiranya tidak ada sesiapa yang mewujudkan atau berusaha ke arah itu, maka seluruh rakyat akan menanggung dosa (Dr Mustafa Farghali al-Shuqairi : Fi Wajh al-Muamarah 'Ala Tatbiq al-Syariah al-Islamiyyah). Dalam hubungan ini seluruh rakyat Malaysia yang beragama Islam hendaklah bersyukur kerana dengan penglibatan PAS bagi mewujudkan negara dan masyarakat Islam di mana hukum Allah dilaksanakan di dalamnya telah menolong menyelamatkan mereka dari dosa kerana tidak melaksanakan fardhu kifayah. Oleh kerana mewujudkan negara Islam adalah wajib maka kewajipan ini tidak akan terlaksana kecuali melalui perantaraan gerak kerja yang teratur dan relevan yang dikenali sebagai organisasi politik (dalam kontek hari ini). Adalah tidak salah jika dikatakan mendukung politik Islam dengan tujuan mewujudkan negara dan masyarakat Islam adalah wajib. Pandangan ini adalah diasaskan kepada kaedah fiqh:

"Apa yang tidak boleh disempurnakan sesuatu yang wajib kecuali dengan (perkara lain) maka perkara lain tadi juga dikira sebagai wajib."

DASAR ISLAM DALAM PAS

1. Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah.
2. Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.
3. Menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan Sunnah Rasul-Nya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.
4. Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syariah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai keislaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.

5. Memupuk dan memperkuat ukhuwah Islamiyyah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkebahajikan.
6. Mengajak dan menggalakkan badan-badan pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan bagi mengenali, memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam.
7. Memperjuangkan wujudnya kehidupan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.
8. Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia.

Dasar di atas adalah terkandung di dalam perlembagaan PAS. Adakah dasar serupa terkandung di dalam perlembagaan UMNO yang mendakwa mereka lebih betul dan tepat memperjuangkan Islam?

MEMPERJUANGKAN ISLAM: PERBEZAAN ANTARA PAS DAN UMNO

UNDANG-UNDANG DAN NEGARA

PAS: Menjadikan Islam sebagai dasar perjuangannya dan menerimanya secara syumul.

UMNO: Tidak menjadikan Islam dasar perjuangan. Mereka lebih mendukung dasar nasionalis Melayu (Asabiyyah Melayu). Mereka hanya menerima sebahagian ajaran Islam dan menolak sebahagiannya.

PAS: Menjadikan al-Quran, Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas sebagai hukum yang tertinggi. Dasar ini bukan sahaja dilaksanakan di peringkat parti tetapi di peringkat negara sekiranya ia berkuasa. Di mana al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas akan dijadikan undang-undang tertinggi negara, mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan sumber di atas maka ia dengan sendirinya terbatal setakat mana yang ia bercanggah.

UMNO: Tidak menjadikan al-Quran, Sunnah, Ijma' dan qiyas sebagai sumber perundangan negara. Mereka mendukung Perlembagaan ciptaan manusia yang jelas meletakkan sumber tersebut di bawah perlembagaan, bahkan kiranya hukum al-Quran atau Sunnah bercanggah dengan Perlembagaan maka hukum al-Quran dan Sunnah dikira batal setakat yang ia bercanggah (Perlembagaan Perkara 4(1)). Sebagai contoh

merotan 100 rotan orang berzina seperti yang ditetapkan oleh al-Quran tidak dibenarkan oleh Perlembagaan kerana Perlembagaan hanya menentukan hukum yang berbeza, iaitu denda, penjara atau disebat enam rotan.

PAS: Berjuang untuk menegakkan negara Islam dan melaksanakan hukum Islam di dalamnya. Perjuangan ini telah berterusan sejak 44 tahun lalu.

UMNO: a) Umno tidak memperjuangkan penubuhan negara Islam. Sungguhpun di dalam Perlembagaan memperuntukkan "Islam sebagai agama Persekutuan" ia bukan bererti Malaysia sebagai negara Islam. Ia tetap sebagai negara sekular. Perkara ini telah ditegaskan oleh pemimpin Umno pada masa negara mula mencapai kemerdekaan di dalam menghuraikan maksud Perkara 3(1) Perlembagaan Malaysia.

b) Umno berusaha menggagalkan setiap kerja untuk mewujudkan kerajaan Islam. Apa yang dilakukannya ke atas kerajaan Kelantan sudah cukup sebagai bukti.

PAS: Berusaha melaksanakan hukum hudud di Kelantan dan rakyat Islam umumnya menerima rancangan ini.

UMNO: Berusaha menggagalkan rancangan ini dengan pelbagai alasan, termasuk alasan Perlembagaan tidak membolehkan perlaksanaannya. Di samping menuduh ia hudud PAS, dan tidak sempurna. Bila diajak muzakarah mereka menolak.

PAS: Menerima hukum Islam secara keseluruhan sama ada ibadat, muamalat, jenayah, kehakiman dan kenegaraan.

UMNO: Menerima hukum Islam pada sudut-sudut tertentu sahaja seperti ibadat khusus dan sebahagian hukum muamalat yang lebih mendapat keuntungan pulangan ekonomi. Dan penerimaan mereka juga bermusim dengan berpandukan kepada reaksi dan sikap umat Islam.

UMNO DAN PAS DALAM MENANGANI PERKARA HALAL-HARAM

PAS: Mendukung tuntutan al-Quran berhubung dengan dasar Amar Makruf dan Nahi Mungkar. Sikap PAS ini adalah berpunca dari dasarnya yang menjadikan al-Quran, Sunnah, Ijma dan qiyas sebagai sumber undang-undang. Sumber-sumber di atas begitu jelas memberi hukum qati' tentang larangan ke atas perkara mungkar. Larangan ke atas arak, judi, berzina dan berbagai jenis kemungkaran telah dinyatakan oleh Allah dan Rasul-Nya. Ayat-ayat al-Quran berhubung dengan Amar Makruf dan Nahi Mungkar begitu banyak di antaranya Al-Imran: 104, 110, 114, al-Maidah, 79, Al-Araf: 157, Al-Taubah: 67,71, 112, Al-Nahl 90.

Ayat yang berhubung dengan zina, An-Nur: 2 menuduh zina: 4. Ayat yang berhubung dengan rompakan Al-Maidah: 33. Ayat yang berhubung dengan pengharaman arak dan judi, Al-Maidah: 90. Kesemua ayat-ayat di atas secara qati' (tanpa dipertikaikan) menegaskan bahawa perlaksananya adalah wajib. Selain dari itu terdapat hadith yang mutawatir tentang larangan dan hukuman ke atas peminum arak dan murtad juga beberapa hadith yang melarang amalan mungkar yang hukumnya dijalankan melalui ta'zir. Sebahagian dari undang-undang yang berkaitan telahpun dilaksanakan di Kelantan dan sebahagian lagi belum boleh dilaksanakan kerana halangan dari kerajaan BN Pusat.

UMNO: Hanya melaksanakan dasar amar makruf tidak nahi mungkar. Kalau ada pun mereka telah mengubah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah. Mereka tidak berminat untuk mengubah hukum buatan manusia kepada hukum Allah bagi perbuatan mungkar diatasnya. Yang anehnya undang-undang lain lebih-lebih lagi untuk tujuan membolot kuasa dan kekayaan yang lebih banyak mereka tidak jemu-jemu memindanya.

UMNO menghalalkan judi dan tempat perjudian dengan syarat mendapat lesen dari kerajaan. Judi hanya haram kalau

dikendalikan tanpa lesen. Malaysia hari ini dikenali dunia sebagai tempat judi yang ketiga terbesar di dunia.

UMNO membenarkan pembinaan kilang arak dan membiarkan jualannya tanpa sekatan. Bilangan rakyat yang menjadi penagih arak kian meningkat di negara ini.

UMNO menolak hukum hudud terutama bagi kesalahan mencuri dan berzina. Oleh itu kita dapati jenayah mencuri kian meningkat dan perbuatan zina serta membuang anak luar nikah juga kian menjadi-jadi. Apa yang lebih mendukacitakan kebanyakan mereka yang terlibat adalah dari kalangan umat Islam.

UMNO membenar dan memberi laluan yang luas kepada pengusaha tempat-tempat hiburan. Tempat-tempat hiburan telah tumbuh seperti cendawan di seluruh negara termasuk bandar-bandar kecil. Dasar ini telah mewujudkan suasana yang tidak sihat di dalam masyarakat yang sekali gus berlakunya keruntuhan moral di kalangan rakyat terutama di kalangan remaja.

UMNO mendukung dasar amalan riba. Sungguhpun Bank Islam dan kaunter muamalat Islam diperkenalkan dikebanyakan bank, ia tidak bererti mengharamkan riba kerana dasar kewangan negara masih menjunjung dasar riba. Kalau mereka ikhlas mereka sepatutnya menjadikan semua Bank Islam sebagai tempat simpanan wang Kerajaan Pusat, negeri dan semua agensi kerajaan. Tetapi apa yang berlaku adalah jauh api dari panggang. Kerajaan PAS Kelantan sungguhpun tidak menubuhkan Bank Islam telah membuat dasar supaya semua wang kerajaan disimpan di Bank Islam.

PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA ADALAH MENGIKUT AJARAN ISLAM

PAS: Memperjuangkan arahan al-Quran supaya kekaayaan negara diagihkan secara adil di kalangan rakyat. Firman Allah: "Janganlah harta beralih tangan hanya di antara orang kaya di kalangan kamu." (maksud ayat Al-Hashr: 7)

UMNO: Tidak beramal dengan dasar ini di mana sudah menjadi

pengetahuan umum bahawa para pemimpin Umno dan golongan kapitalis yang bersekongkol dengan mereka telah merebut peluang untuk menguasai kekayaan negara dengan pelbagai cara sama ada halal mahupun haram. Amalan ini adalah berpunca dari fahaman mereka bahawa Islam mahu orang Islam maju dalam ekonomi barulah dihormati. Anggapan ini adalah salah kerana hanya mencari rezeki secara halal yang dibenarkan oleh Islam.

PAS: Memperjuangkan supaya harta orang kaya diberi kepada orang miskin sama ada secara wajib (zakat) atau sunat (hadiah atau anugerah). Rasulullah bersabda:

"Ambillah harta orang kaya di kalangan mereka untuk diberikan kepada orang miskin di kalangan mereka."

UMNO: Mengamalkan dasar sebaliknya terutama di tahun-tahun kebelakangan ini di mana harta orang miskin telah diambil untuk diberikan kepada golongan kaya, atas alasan pembangunan ekonomi. Tindakan UMNO ini dapat dilihat bagaimana tanah rakyat diambil untuk diberi kepada usahawan dari dalam dan luar negeri. Apa yang pasti rakyat miskin kehilangan hak dan pengusaha mendapat keuntungan. Kesemuanya ini berpunca dari pindaan Kanun Tanah Negara. Sekarang apakah dasar yang didukung oleh UMNO menepati dengan ajaran Islam seperti yang pernah diamalkan oleh nabi dan para khalifah yang mendukung ajaran Allah.

SYIAR ISLAM

PAS: Menghormati hukum Islam termasuk juga syiarnya. Oleh itu PAS terus memperjuangkan hukum Islam dan keutuhan syiarnya. Dalam hubungan ini PAS terus menentang apa saja perbuatan yang menggugat dan mencemari syiar Islam. PAS tidak dapat bertolak ansur atas apa alasan sekalipun setiap perbuatan yang boleh mencemarkan syiar Islam.

UMNO: Bukan sahaja tidak menghormati hukum Islam bahkan mencemari

syiar Islam. Padahal mereka lebih banyak bercakap tentang syiar dari hukum Islam itu sendiri. Contohnya:

1. Umno telah mengubah cuti mingguan hari Jumaat ke hari Ahad di dua buah negeri iaitu Johor dan Perlis. Sekarang mereka sedang berusaha untuk mengubah cuti tersebut di negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan. Mereka tidak menghormati lagi hadith Nabi yang mengatakan hari Jumaat adalah penghulu segala hari. Penentuan hari Jumaat sebagai penghulu segala hari telah pun diamalkan sejak zaman Nabi. Dan Nabi tahu bahawa hari Ahad adalah hari ibadat orang Krisitan, dan Sabtu adalah hari ibadat orang Yahudi. Kesemuanya ini dilakukan oleh UMNO adalah semata-mata memelihara kepentingan ekonomi sekalipun syiar Islam yang diamalkan sejak 14 kurun yang lalu terpaksa dimusnahkan.

Perjuangan UMNO sekarang berlainan sekali dengan apa yang pernah diperjuangkan oleh UMNO (walaupun secara terpaksa) pada tahun 50-an dulu. semasa Datuk Onn memimpin UMNO, satu keputusan telah dicapai oleh salah satu mesyuarat agungnya menuntut supaya hari Jumaat dijadikan hari kelepasan umum bagi seluruh negeri Tanah Melayu. Keputusan ini dibuat adalah hasil tuntutan para alim ulama di dalam UMNO. Dan Datuk Onn terpaksa akur dengan tuntutan ini kerana ingin memenangi hati ulama UMNO pada masa itu. Malangnya tuntutan ini tidak pernah dilaksanakan (Lihat: UMNO sepuluh Tahun, Daud Press, K.L 1956 dan Nabir Abdullah Mahad II Ihyaa AsShariff Gunung Semanggul 1934-1959. Jabatan Sejarah UKM)

2. UMNO melalui media eletronik TV Satu dan Dua, juga TV Tiga milik UMNO telah mencemarkan kesucian Aidilfitri di mana program malam raya dan hari raya berikutnya telah dipenuhi dengan pelbagai hiburan yang sama sekali terpesong dari ajaran Islam di dalam menyambut hari yang mulia itu. Malam dan hari raya adalah hari ibadat di samping kita bergembira. Perbuatan mungkar tidak seharusnya dilakukan tetapi inilah yang dilakukan oleh Umno.

3. Di samping mencemarkan hari-hari mulia sebagai syiar Islam UMNO telah memperkenalkan budaya baru dengan merayakan Tahun Baru. Perayaan Tahun Baru bukan hari perayaan umat Islam ianya adalah perayaan orang-orang Kristian. Adalah begitu malang bagi umat Islam budaya ini telah dipupuk begitu hebat sehingga Perdana Menteri dan beberapa Menteri serta pembesar negara turut serta merayakan tahun baru. Apakah perayaan ini menepati ajaran Islam seperti yang diadakan oleh UMNO.

UMNO menuduh PAS terutama pengikut PAS begitu taksub (fanatik) kepada pemimpin mereka. Mereka seterusnya mengatakan orang yang taasub dan fanatik adalah begitu merbahaya kepada negara, kerana orang-orang ini akan bertindak secara buta tuli tanpa menggunakan pemikiran yang waras.

Tuduhan ini adalah begitu janggal sekali kerana ia tidak diasaskan kepada pengertian taasub mengikut definasi Rasul s.a.w.

Taksub atau fanatik boleh didefinasikan dalam pelbagai bentuk. Pengertian fanatik yang dikemukakan oleh UMNO adalah definasi yang pernah difahami sebelum Islam (jahiliah)

Mengikut definasi Nabi s.a.w, taasub atau fanatik ialah mereka yang menolong kaumnya melakukan kezaliman."

Kita sebagai orang Islam hendaklah mengikut definasi yang dikemukakan oleh Nabi s.a.w. Oleh yang demikian taasub atau fanatik nampaknya lebih condong kepada sikap orang Umno dan pemimpin mereka. Orang UMNO telah membuktikan taasubnya kepada puak mereka sekalipun penyelewengana demi penyelewengan dan kezaliman demi kezaliman telah dilakukan oleh pemimpin UMNO sepanjang mereka memerintah negara. Pengikut PAS tidak pernah taasub kepada pemimpin mereka.

Tuduhan Dr. Mahathir bahawa ahli-ahli PAS taksub kepada pemimpin, tidak mempunyai asas. Pendukung PAS, menerusi tarbiyah dan tamrin serta kuliah-kuliah ilmu dan Muktamar Tahunan berpeluang menyuarakan pendapat seluas-luasnya, termasuk mengkritik pemimpin dalam batas-batas yang dibenarkan oleh akhlak. Dan oleh kerana PAS adalah sebuah harakah Islam, bukan parti sekular seperti UMNO, ia mempunyai kaedah tertentu dalam berbahas dan mengeluarkan pendapat. Ada pendapat pemimpin tidak diterima oleh ahli, demikian sebaliknya. Perbahasan terbuka dalam Muktamar Tahunan PAS adalah sebahagian daripada manifestasi keterbukaan dan tidak taksub ahli PAS kepada pemimpin. Asas ketaatan ahli PAS terhadap pemimpinnya ialah bahawa pemimpin itu ditaati selagi ia mentaati perintah Allah dan Rasulnya. Setakat ini ahli melihat pimpinan PAS tidak menyeleweng dari prinsip ini. Adapun pemimpin PAS yang melompat keluar jamaah sudah tentu tidak diikuti oleh ahli-ahli kerana telah menyeleweng. Dengan demikian tuduhan Dr Mahathir adalah dusta.

PRINSIP asas demokrasi mengizinkan pergerakan politik berparti seperti yang diamalkan di Malaysia. Selagi ideologi atau dasar parti tersebut tidak bercanggah dengan perlembagaan dan tidak mengancam keselamatan negara, hak rakyat untuk berpersatuan haruslah dihormati. Kepelbagaian dalam gerakan politik di Malaysia mesti dianggap sebagai keindahan dan lambang kebebasan yang diharapkan oleh setiap umat manusia. Ianya boleh menggalakkan persaingan dan dengan itu membuka jalan kepada idea inovasi dalam pemerintahan dan pengurusan.

Apa yang berlaku dalam senario politik di Malaysia adalah sesuatu yang amat mendukacitakan dan pada asasnya berpunca dari sifat tidak demokratik yang diamalkan oleh UMNO dan Barisan Nasional. Meneliti daripada perkembangan sejarah, usaha memecah belahkan umat Melayu bermula apabila UMNO ditubuhkan dalam tahun 1946. Kecenderungan UMNO dan pemimpinnya untuk menyerang pemimpin kemerdekaan Melayu yang lain daripada UMNO yang dilabelkan sebagai gerakan kiri, serta kesanggupan mereka untuk bernaung di bawah imperialisme British menyebabkan penjajah British mempunyai rakan di Tanah Melayu dan membolehkan British berani menekan dan mengharamkan gerakan-gerakan politik selain UMNO. PKMM diharamkan pada tahun 1948 sementara Hizbul Muslimun terkubur akibat perisytiharan darurat dan pemimpinnya ditangkap sedangkan merekalah yang meniup semangat kemerdekaan di kalangan orang Melayu. Umat Melayu berpecah sedangkan UMNO dan pemimpinnya

hidup enak berkawankan penjajah kerana tujuan penubuhannya iaitu sekadar menentang Malayan Union (suatu gerakan reaksioner) dan bukannya menuntut kemerdekaan telah tercapai. Hasilnya ialah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu sebagai menggantikan Malayan Union.

Adanya orang Melayu lebih dari satu parti setelah penubuhan Persatuan Islam Se Malaya (PAS) pada tahun 1951 adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan ekoran dari ketiadaan wadah perjuangan Islam. Ini membawa kepada saranan supaya ulama bersatu dalam satu pertubuhan. Dari awal lagi ada pandangan di kalangan ulama termasuk dari UMNO supaya PAS tidak dikaitkan dengan mana-mana parti politik lain. Dasar PAS juga berbeza dari UMNO yang ketika itu menolak perjuangan berasaskan isme (akidah). Oleh itu pemimpin UMNO harus akur dengan keputusan majoriti ulama dan tidak menganggap kelahiran PAS itu sebagai permulaan perpecahan Melayu. Inilah demokrasi yang UMNO banggakan, atau apakah mungkin UMNO mempunyai takrifan yang berasingan mengenai demokrasi?

Perkembangan selepas merdeka menggambarkan UMNO sebagai punca pecah belah orang Melayu hingga ke hari ini. Akibat kekalahan UMNO dan Perikatan di Kelantan dan Terengganu dalam pilihanraya umum 1959, berbagai usaha diskriminasi terhadap kedua kerajaan negeri berkenaan telah dikenakan. Akibatnya kerajaan PAS di Terengganu berjaya ditumbangkan secara tidak demokratik sementara rakyat di Kelantan diketepikan daripada arus pembangunan kebangsaan. Ahli dan penyokong PAS di mana-mana juga menerima tekanan dari segi halangan penerimaan subsidi, penutupan peluang ekonomi, pertukaran tempat kerja, pelucutan jawatan imam, halangan terhadap penerimaan sebagai peneroka tanah rancangan dan sebagainya menyebabkan ahli PAS terpinggir. Ketidakpuasan ini diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menentang establishment dan sudah sewajarnya reaksi ini kita fahami. Penggunaan media massa dalam menekan pergerakan parti PAS terus menerus meletakkan ahli PAS dalam kedudukan defensif.

Kekecohan dalam UMNO dan kegagalan dan ketidakmatangan UMNO menyelesaikan masalah dalamannya membawa kepada pengharman UMNO dalam tahun 1987 dan berakhir dengan perpecahan perpaduan umat Melayu dalam UMNO. Lahirlah apa yang dikenali hari ini sebagai Parti Melayu Semangat 46. Bukankah ini satu perpecahan hebat umat Melayu? Apakah PAS turut dipersalahkan?

Kekalahan besar UMNO dan BN dalam pilihanraya 1990 di Kelantan menyebabkan reaksi UMNO dan BN yang di luar dugaan sama sekali, serta menyerlahkan sifat anarki kepimpinan UMNO dan BN. Segala jenis subsidi di halang terutama kepada ahli dan penyokong PAS. Ketidakpuasan hati berlaku di kalangan rakyat bawahan. Peruntukan geran per kapita yang menjadi tanggungjawab kerajaan Pusat juga dilewat-lewatkan, sementara pinjaman baru untuk berbagai projek pembangunan di bawah kerajaan negeri dinafikan. Yang paling memalukan ialah pengujudan 'kerajaan dalam kerajaan' melalui penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan yang menyaingi struktur dan fungsi Kerajaan Negeri yang dipilih secara sah di semua peringkat. Semua ini berlaku di negeri yang penduduknya adalah hampir semuanya orang Melayu. Ketahanan umat Melayu/ Islam Kelantan untuk tidak bangkit secara marah dan di luar kawalan, terhadap Kerajaan Pusat adalah sesuatu yang boleh dibanggakan. Inilah kesan jangka panjang tarbiyah PAS kepada umat Melayu dan Islam di Malaysia.

PEMIMPIN UMNO GUNAKAN BANGSA MELAYU DEMI KEPENTINGAN DIRI

DALAM memperkatakan penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin UMNO terhadap orang Melayu, kita perlu hanya melihat perkembangan mutakhir politik dan ekonomi negara masakini. Masyarakat Melayu meyedari kekuatan parti UMNO di Pulau Pinang dengan menjadi parti dalam Barisan Nasional dengan wakil terbanyak dalam Dewan Undangan Negeri. Namun hingga ke hari ini rakyat Melayu Pulau Pinang tidak dapat membaca perkiraan atau jual beli politik yang dimainkan oleh kalangan pemimpin UMNO sehingga membolehkan wakil Parti Gerakan menjadi Ketua Menteri. Maruah orang Melayu Pulau Pinang kini berada pada tahap terendah jika demokrasi ala Malaysia diambil kira. Masa depan orang Melayu di Pulau Pinang yang sentiasa dikatakan terancam tidak akan pulih selagi UMNO ujud bagaikan parti berjiwa hamba. Janganlah diharapkan isu pengambilalihan tanah wakaf orang Islam dapat diatasi dan tanah rizab Melayu serta penempatan orang Melayu di Pulau Pinang dapat dikembalikan kepada orang Melayu.

Lihat pula betapa sifat lemah lembut orang Melayu digunakan oleh pemimpin UMNO untuk meyakinkan mereka menerima orang bukan Melayu bertanding di kawasan majoriti orang Melayu. Ini bukan soal perkauman tetapi inilah intipati demokrasi di Malaysia, iaitu "berkuasa di atas nama majoriti". Pemimpin UMNO sebenarnya tidak berdaya mempertahankan demokrasi yang menjadi dasar pegangan mereka sendiri.

Wakil rakyat UMNO pula telah sekian lama diketahui melonjak naik taraf

hidup mereka secara mendadak setelah dipilih sebagai wakil rakyat. Cerita penyalahgunaan kuasa bukan lagi menjadi rahsia di kalangan rakyat. Tender-tender untuk Bumiputera tidak sampai kepada sasarannya. Beberapa kes penyelewengan kuasa yang berjaya didedah dan dibawa ke muka pengadilan sudah cukup membuktikan 'hanky-panky' yang berlaku dalam pemerintahan BN.

Kepimpinan UMNO hanya berani bertindak ke atas orang Melayu atas nama pembangunan. Lihatlah betapa rakusnya tanah orang Melayu dirampas dengan berselidung di sebalik Akta Kanun Tanah Negara. Ia bukan rahsia lagi malah orang bukan Melayu pun terpinga-pinga dengan tingkahlaku pemimpin UMNO yang mempertahankan hak ekonomi segolongan kecil kapitalis sehingga mengguris hati orang Melayu.

Hak orang Melayu memegang ekuiti dalam syarikat-syarikat awam yang baru diperbadankan dan diswastakan juga digunakan sewenang-wenangnya oleh pemimpin UMNO untuk memperkayakan diri dan ahli keluarga mereka. Orang UMNO di peringkat bawahan juga berasa tertipu dan diperalatkan oleh pemimpin mereka sendiri. Ini juga bukan rahsia malah telah didedahkan sendiri oleh Menteri yang berkenaan dalam Dewan Rakyat yang mulia. Apakah boleh dikatakan bahawa penyertaan orang Melayu dalam pembahagian kek ekonomi negara telah berjaya dicapai seandainya sepuluh juta umat Melayu diwakili oleh beberapa belas orang kapitalis Melayu?

Apa yang merisaukan orang Melayu yang prihatin ialah bagaimana pemimpin UMNO dikelilingi oleh beberapa kerat usahawan Melayu dan bukan Melayu yang mengarak Perdana Menteri ke mana juga beliau pergi untuk meneroka peluang baru. Dan akhirnya kita lihat bagaimana projek-projek besar seperti Empangan Bakun, pembinaan 12 buah hospital baru, Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru di Sepang, Lebuh Raya Utara Selatan, dan herbagai lagi projek mewah jatuh ke tangan beberapa orang dan syarikat tertentu saja.

UMNO LAKSANAKAN DASAR 'MALAYSIAN MALAYSIA' DAN MALAYAN UNION

1. Pada hakikatnya Konsep Malaysian Malaysia yang disuarakan oleh Lee Kuan Yew ketika Singapura menjadi sebahagian dari Malaysia dulu tidak banyak bezanya dengan matlamat Malayan Union. Kedua-duanya kononnya ditentang oleh UMNO. Tetapi yang ketara matlamat kedua-duanya telah pun dilaksanakan oleh UMNO dan paling tertonjol ialah di zaman kepimpinan Dr. Mahathir.
2. Perkara utama yang UMNO tentang mengenai Malayan Union ialah kedaulatan Raja-Raja yang hendak disamakan dengan kedudukan para Maharaja di India sekarang. Kedua Equal Citizenship atau Taraf Samarata bagi rakyat dari semua keturunan dan ketiga Hak Keistimewaan orang Melayu. Walau bagaimanapun Lee Kuan Yew tidak memperincikan Konsep Malaysian Malaysia hingga kepada kedudukan raja dan sebagainya tetapi hak samarata untuk rakyat semua keturunan dalam semua bidang, kira-kira samalah dengan kemahuan Malayan Union. Sudah tentu isu Hak Keistimewaan orang Melayu tidak berbangkit lagi jika Malaysia untuk orang Malaysia itu diterima pakai. UMNO pura-pura menentangnya tetapi ternyata para pemimpinnya melaksanakan kehendak kedua-dua konsep tadi sekaligus mereka melaungkan suara benci kepada Malayan Union dan Malaysian Malaysia.

3. Taraf Samarata yang Malayan Union dan Malaysian Malaysia menuntut telah terlaksana apabila rakyat bukan Melayu boleh dapat dan boleh jawat apa yang orang Melayu boleh dapat dan boleh jawat. Sekaliannya boleh mengundi dan boleh diundi. Sekaliannya boleh jadi Perdana Menteri, Menteri-Menteri. Setakat ini rakyat bukan Melayu hanya belum jadi Perdana Menteri dan Sultan. Perlombongan tidak menghalang Bukan Melayu menjadi Perdana Menteri. Hak Taraf Samarata itu sudah menjamin bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri, cuma ia belum berlaku. Tetapi Bukan Melayu sudah menjadi Presiden Dewan, Senat dan Timbalan Speaker Dewan Rakyat. Setakat ini Bukan Melayu tidak boleh jadi Sultan, tetapi Bukan Melayu pernah menjadi Gabenor Melaka yang dalam beberapa hal telah hadir bersama raja-raja dalam persidangan Majlis Raja-Raja. Malah jawatan Mufti dan Kadi-Kadi juga boleh disandang oleh Bukan Melayu dengan syarat mereka orang Islam.
4. Hak Istimewa orang Melayu yang diungkit oleh Malayan Union dan Malaysian Malaysia juga pernah disuarakan oleh pemimpin UMNO untuk dihapuskan. Hak yang tak seberapa itu pernah dikira tidak menguntungkan orang Melayu oleh Dr. Mahathir sendiri. Sudah ada cadangan kalau tidak ada pun tak mengapa. Manakala pemimpin UMNO pernah berkata bahawa apabila taraf pencapaian orang Melayu dibidang ekonomi sudah sama dengan orang Bukan Melayu, Hak Istimewa itu tidak diperlukan lagi. Justeru itu tiada jaminan Hak Istimewa orang Melayu akan dipertahankan oleh UMNO dalam jangka panjang pada hal ia adalah perkara yang orang Melayu UMNO bantah dalam Malayan Union dulu.
5. Tanah rizab orang Melayu mungkin satu perkara penting dalam Hak Istimewa orang Melayu. Tetapi sudah banyak Tanah Rizab Melayu yang kerajaan-kerajaan negeri ambil untuk pembangunan yang tidak diganti. Ini bererti keluasan Tanah Rizab Melayu sudah berkurangan sejak UMNO

memerintah. Pengambilan Tanah Rizab Melayu yang tidak berganti itu tidak sah. Ini bererti pemimpin UMNO bukan sekadar melanggar undang-undang tanah tetapi mengkhianati orang Melayu. Paling akhir di bawah pentadbiran Mahathir Kanun Tanah Negara telah dipinda. Semua tanah milik, termasuk Tanah Rizab Melayu boleh diambil oleh kerajaan bagi pihak swasta demi pembangunan. Dengan ini apa yang Malayan Union tidak dapat laksanakan, telah dapat dilaksanakan oleh UMNO terutama Dr. Mahathir.

6. Kegagalan Malayan Union dulu ialah kerana ia hendak menghapuskan status raja-raja Melayu. Inilah dorongan utama penaja UMNO menentang Malayan Union. Tetapi UMNO di bawah pimpinan Mahathir telah melucutkan kekebalan raja-raja dan raja-raja sekarang tinggal gusi sahaja. Walaupun baginda sekalian masih ada takhta tetapi masing-masing sudah boleh diseret ke Mahkamah. Bila UMNO mencerca raja-raja secara terbuka dan raja-raja tidak dapat membela diri, maka apa yang Malayan Union mahu dulu telah pun berlaku. UMNO bagaimanapun tetap bencikan Malayan Union dan Malaysian Malaysia, apa yang UMNO laksanakan selama ini bukan sekadar mewujudkan suasana Taraf Samarata tetapi juga mewujudkan suasana sama ramai antara orang Melayu dengan keturunan lain.

UMNO GUNA PELBAGAI HELAH UNTUK LINDUNGI PENYELEWENGAN

1. Sepanjang sejarahnya UMNO melindungi pemimpin dan penyokongnya yang menyeleweng atau yang melakukan kesalahan. Hanya tokoh-tokoh UMNO yang menentang pucuk pimpinan atau mencabar parti barulah diugut untuk dikenakan tuduhan atau dikenakan tindakan. Biasanya penyelewengan tokoh dan penyokong dijadikan bahan ugutan atau *black mail* supaya mereka mendiamkan diri atau patuh kepada pimpinan.
2. Penyelewengan paling awal dalam sejarah pimpinan UMNO ialah yang dilakukan oleh Menteri Besar Perak yang pertama pilihan rakyat. Dia tidak dikenakan apa-apa tindakan, sebaliknya dihantar menjadi Duta ke Mesir. Kemudian dia pulang menjadi Menteri dan Menteri Besar Perak semula.
3. Datuk Harun Idris hanya disingkirkan dari Menteri Besar Selangor kerana enggan dihantar menjadi Duta ke PBB. Setelah beliau mencabar pimpinan maka beliau dihadapkan ke Mahkamah. Jika beliau menerima tawaran menjadi Duta, maka beliau tidak mungkin dikenakan apa-apa tindakan.
4. Antara tokoh UMNO yang keluar menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 dikenakan tindakan untuk dimufiskan seperti yang dialami oleh bekas MP Sik. Jika dia tidak meninggalkan UMNO maka dia mungkin tidak dikenakan tindakan. Setelah kembali ke UMNO dia dilantik sebagai Senator. Seorang peguam wanita dikenakan berbagai sekatan dan tindakan kerana tidak dalam kem golongan yang berkuasa dalam UMNO.

Apabila beliau kembali ke dalam UMNO dia diberi semua kemudahan berniaga.

5. Berbagai-bagai tindakan menggunakan kuasa dilakukan oleh bekas Menteri Kewangan semasa memegang jawatan untuk kepentingan perniagaannya. Tetapi tidak ada sebarang tindakan dikenakan. BPR menghabiskan masa berbulan-bulan untuk menyiasat pemimpin MIC berhubung dengan Saham Maika Holding., tetapi kesnya ditutup. Setelah masyarakat seluruhnya bising, maka failnya dibuka semula tetapi tidak ada apa-apa yang berlaku.
6. Beberapa orang pemimpin UMNO iaitu Datuk Sanusi Junid, Datuk Najib, Tan Sri Mohamad Bin Mohd Taib dan Mohamad Rahmat terbabit dalam perbalahan perkauman dengan pemimpin MCA yang diketuai oleh Datuk Lee Kim Sai. Perang mulut itu menjejaskan keselamatan. Mereka tidak dikenakan apa-apa tindakan malah Datuk Lee Kim Sai diberi cuti dua bulan keluar negeri. Sebaliknya berpuluh-puluh orang pemimpin pembangkang dan aktivis NGO ditahan di bawah Operasi Lalang.
7. Beberapa orang Timbalan Menteri UMNO pernah dibabitkan dengan kegiatan komunis selepas Tun Razak meninggal dunia. Banyak tuntutan dari UMNO sendiri supaya mereka ditahan. Kerajaan mengambil masa lama untuk bertindak, tetapi bila bertindak mereka menahan sama Kassim Ahmad dan beberapa orang lagi yang tiada kena mengena dengan kekecohan yang dibangkitkan oleh UMNO.
8. Kerajaan menyeret ke mahkamah, Datuk Jeffrey Kitingan, Pengarah Yayasan Sabah di bawah ISA dan tuduhan rasuah. Kesnya tiba-tiba ditarik balik atas sebab tidak cukup keterangan. Beberapa bulan kemudian dia dilantik menjadi Timbalan Menteri Kerajaan pusat. Segala tuduhan atasnya didiamkan.

9. Datuk Mohamad Rahmat pernah disingkir dari kabinet berikut dengan kekecohan apa yang dikatakan skandal di Kementerian Penerangan. Dia dijadikan Duta Besar ke Jakarta. Setelah beberapa ketika sebagai penyokong kerajaan di Parlimen, dia dijadikan Setiausaha Agung UMNO dan Menteri Penerangan semula. Tidak didengar lagi apa jadi dengan penyelewengan yang dikatakan berlaku dulu.
10. Menantu Rafidah Aziz, anak Perdana Menteri, adik Timblan Perdana Menteri, anak Timblan Menteri Dalam Negeri, anak bekas Ketua Hakim Negera dan beberapa orang lagi dapat berjuta-juta saham. Aduan telah dibuat kepada polis terhadap Rafidah Aziz atas pemberian saham kepada menantunya. Tetapi tiada tindakan diambil hingga ini.
11. Berikutan dengan langkah Menteri Besar Kedah merampas tanah rakyat di Kerpan dan kegagalannya mengambil tanah di Jerai bagi dimajukan sebagai syurga dunia, maka banyak pendedahan dibuat terhadap Menteri Besar. Tiada penafian daripadanya. Tetapi tiada tindakan dikenakan kepadanya hingga ini.
12. Presiden UMNO dan perwakilan Perhimpunan Agung UMNO pernah mencerca raja-raja Melayu di khalayak ramai, ia bertentangan dengan akta hasutan, tetapi tiada yang berani mendakwa mereka.
13. Beberapa pembesar UMNO diserkap dalam serbuan khalwat, tetapi yang dikenakan tindakan ialah pihak yang menangkap. Kerajaan Selangor kemudiannya menggantung semua petugas BADAR, badan penguatkuasa yang memerangi maksiat di Selangor.
14. Bekas Ketua Menteri Melaka telah dituduh secara terbuka atas kesalahan rasuah semasa memegang jawatan dulu. Tiada penafian dibuat atasnya. Encik Ghafar Baba semasa

menjalankan tugas Perdana Menteri pernah mengarahkan supaya dia didakwa. Tetapi tiada tindakan sebaliknya dia ditingkatkan jawatan dalam parti hingga menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Akhirnya dia disingkirkan dari Ketua Menteri Melaka dan Ketua Pemuda UMNO kerana dikatakan terbabit dengan kanak-kanak sekolah. Selepas itu dia dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah. Tindakan ini banyak disebabkan oleh perebutan kuasa dalam UMNO, bukan kerana hendak menegakkan undang-undang. Hingga ini bekas Ketua Menteri itu bebas ke mana-mana tetapi gadis yang dibabitkan secara teknikal ditahan.

15. Seorang Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Kedah telah dibunuh, ada tangkapan dibuat tetapi kes ini didiam. Ia menjadi isu besar di kalangan ahli-ahli UMNO di bahagian itu dan juga di Kedah. Kes ini seolah-olah ditutup untuk melindungi pembesar UMNO Kedah.
16. Butir-butir di atas adalah contoh beberapa penyelewengan dan salah guna kuasa oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional tetapi mereka telah dilindungi. Banyak lagi kejadian melanggar perlembagaan dan peraturan yang cuba dilindungi seperti tindakan Pengerusi Baitulmal Wilayah Persekutuan menubuhkan banyak syarikat tanpa persetujuan majlis dan tidak ikut peraturan, sekalipun Baitulmal kerugian berjuta-juta ringgit tetapi ia didiamkan saja.

UMNO GADAI TANAH NEGARA KEPADA ORANG ASING

1. Kerajaan-kerajaan negeri pimpinan UMNO begitu kedekut untuk memberi tanah kepada rakyat yang tidak bertanah, hatta para peneroka FELDA yang berpuluh-puluh ribu, yang berbelas dan berpuluh-puluh tahun mengabdikan diri atas tanah yang diterokai, hingga ini belum diberi geran.
2. Manakala yang lapar tanah, menjadi peneroka bandar atau mendiami tanah lot, ada yang sampai mati, tidak berpeluang untuk mendapat tanah.
3. Tetapi kerajaan sangat pemurah dengan orang asing yang berduit yang berhajat untuk memiliki harta di negara ini, apatah lagi yang sedia menabur wang atas nama pelaburan dan pembangunan.
4. Sebelum Kanun Tanah Negara dipinda tahun 1992, orang asing terutama dari Singapura telah berduyun-duyun pindah ke Semenanjung, kerana mereka yang berduit boleh membeli dan memiliki rumah, dengan sendirinya warga asing memiliki sama tanah tapak rumah itu.
5. Kemudahan ini menyebabkan berlaku kemasukan wang panas, harga rumah khasnya di Johor melambung hingga rakyat yang terhad kewangannya tidak terdaya menyaingi warga asing untuk memiliki rumah. Warga asing sanggup membeli rumah dengan harga yang tinggi. Justeru itu pemaju lebih senang menjual rumah kepada orang asing dan mereka lebih tertarik

membina rumah bagi orang asing demi mengaut untung yang lumayan. Rakyat pun ikut tergila-gila dengan wang panas lalu menjual rumah mereka kepada yang mampu membayar mahal.

6. Para pelabur asing menjanjikan kemasukan modal yang banyak jika ada kemudahan mendapat tanah tapak industri. Telah banyak Tanah Rizab Melayu diambil untuk pembangunan tetapi tidak berganti. Pengambilan Tanah Rizab Melayu yang tidak berganti adalah tidak sah.
7. Tahun 1992 Kanun Tanah Negara dipinda. Dua perkara besar menyebabkan hak milik tanah rakyat tidak terjamin:
 - i. Kerajaan berkuasa mengambil tanah rakyat tanpa halangan dan rakyat tidak berhak mendakwa kerajaan di mana-mana mahkamah.
 - ii. Tanah rakyat boleh dijual kepada warga asing.
8. Dengan pindaan itu kerajaan boleh dan sudah pun mula berlagak seperti anak-anak raja zaman purba mengambil mana-mana tanah rakyat yang disukai cuma pemimpin UMNO memberikan alasan demi pembangunan.
9. Dengan bersenjatakan Kanun Tanah Negara Pindaan (1992), maka kerajaan UMNO Kedah pernah memperundangkan untuk merampas tanah seluas 6,700 hektar bagi diserahkan kepada Syarikat Duta Point bagi membangunkan projek syurga dunia yang dikenali dengan JIP atau Jerai International Park. Atas bantahan rakyat, ia dibatal atau ditangguhkan buat sementara.
10. Kerajaan UMNO Melaka pula bukan sekadar mengambil tanah; ia mengambil Kampung Pantai Kundur/Tanah Merah untuk pembinaan "Butter Zone" oleh Petronas. Pada mulanya Kerajaan UMNO mencadangkan untuk membayar harga yang murah dan cuba menjualnya kepada Petronas dengan harga yang mahal. Sesudah rakyat bangun, kerajaan UMNO Melaka

menarik diri dan menyerahkan kes itu terus dengan Petronas; UMNO tidak jadi orang tengah lagi.

11. Kerajaan UMNO Kedah sekali lagi tanpa pengetahuan tuan sawah merampas dua ribu hektar di Kerpan bagi diserahkan kepada Syarikat Benladin Group untuk projek udang harimau. Kerajaan UMNO membayar sawah itu RM15,000 serelung. Tuan sawah tidak setuju. Yang membantah ditahan polis untuk disiasat. Mengikut maklumat dari Saudi Benladin mulanya mahu memajak saja sawah itu pada kadar RM2 ribu serelung selama 20 tahun. Tanah itu terus jadi hak milik rakyat, tetapi kini UMNO merampas hak milik itu.
12. Kerajaan UMNO Johor pula merampas 26 ribu hektar tanah dari Tanjung Langsat hingga Tanjung Piai, Pontian untuk membina Bandar Baru Piai. Kampung rakyat itu diserahkan kepada kepentingan Syarikat Kok Brothers dan UEM.
13. Kerajaan UMNO Trengganu menjual tanah orang ramai di Pulau Redang kepada Syarikat Berjaya Group seluas kira-kira 300 ekar dengan harga RM500 seekar. Ia dijual pula dengan harga RM 70 ribu seekar.
14. Tanah-tanah yang dibeli untuk projek pelancongan bagi mendirikan hotel-hotel, padang golf dan rumah peranginan di bukit dan di pantai bertaburan di setiap negeri. Semua hotel dan tempat pelancongan ini dimodali bersama atau sepenuhnya oleh warga asing.

UMNO SALAHGUNAKAN KUASA DEMI MENGEKALKAN KUASA

1. Sepanjang sejarah, UMNO tidak teragak-agak menggunakan kuasa demi menjamin kuasa pemerintahannya sekalipun ia terpaksa melanggar peraturan, undang-undang, demokrasi, keadilan, adat, agama dan perlembagaan. Semua itu tidak diambil kira asal sahaja ia dapat mengekalkan kuasa.
2. Contoh yang paling ketara ialah mengenai pemecatan Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abbas. Beliau dipecat adalah kerana tindakannya menurunkan sekalian Hakim Mahkamah Agung untuk mengadakan rayuan sebahagian ahli UMNO yang tidak puas hati terhadap keputusan pemilihan Dr. Mahathir sebagai Presiden kerana perhimpunan agungnya disertai oleh beberapa orang perwakilan yang dirasakan tidak sah. Institusi kehakiman dinodai kerana UMNO bimbang kepimpinan dan kekuasaannya tergugat.
3. Beberapa tangkapan ISA di zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussain Onn adalah tidak mengikut undang-undang. Hal ini disahkan oleh ucapan Dato' Abdullah Ahmad, Anggota Parliman Barisan dari Kok Lanas di Dewan Rakyat. Mengikutnya, ia adalah perbuatan salah guna kuasa. Ucapan itu tidak dijawab oleh Menteri Dalam Negeri atau Perdana

Menteri. Jika zaman tiga Perdana Menteri penahanan dibuat dengan salah guna kuasa, maka penahanan ISA di zaman Dr. Mahathir seperti Operasi Lalang juga adalah satu salah guna kuasa.

4. Operasi Lalang telah menahan berpuluh-puluh tokoh pembangkang dan aktivis NGO bagi melindungi perang mulut perkauman antara pemimpin UMNO dan MCA. Ketegangan antara dua parti Barisan itu mengancam keselamatan negara dan sekaligus menggugat pengaruh dan muafakat Barisan Nasional. Dr. Mahathir tidak menahan pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA, tetapi menahan orang lain. Ternyata ia satu kezaliman yang dibuat untuk kepentingan kuasa.
5. Pemimpin Barisan tidak mampu membendung kerugian berpuluh bilion ringgit wang Bank Negara. Demi menjamin politik menteri dan kuasa UMNO, maka Gabenor Bank Negara dilucutkan atas dasar meletakkan jawatan.
6. Memandangkan raja-raja tidak mahu lagi mengikut telunjuk UMNO yang rata-rata hanya mementingkan kuasa, maka UMNO memeras ugut para raja supaya menyetujui langkah memansuhkan kekebalan raja-raja. Raja-raja dipaksa menyetujui pindaan perlembagaan yang menjadikan mereka hilang kekebalan.
7. Apabila Sultan Kelantan menunjukkan sikap tidak senang dengan cara rakus pentadbiran Dr. Mahathir, maka UMNO menghasut rakyat Kelantan yang terdiri daripada UMNO, menentang raja di khalayak ramai dan menggalakkan seorang kerabat diraja menuntut takhta.
8. Apabila UMNO mendapati banyak kawasan pilihanraya di seluruh negara di awal kemerdekaan mempunyai peratus pengundi Melayu yang tinggi, maka ia berusaha meramaikan pengundi bukan Melayu dengan tujuan menghalang PAS memenangi

pilihanraya. Malangnya bila setengah kawasan ramai pengundi bukan Melayu, maka ia menyulitkan pula calon bukan Melayu BN untuk menang. Langkah UMNO meramaikan pengundi bukan Melayu bukan kerana sifat kemanusiaan UMNO tinggi atau politiknya terbuka, tetapi ia takut Parti Islam berkuasa di Malaysia.

9. Apabila UMNO mendapati taburan pengundi mengancam pengaruhnya, maka ia membuat peraturan bagi mengubah persempadanan kawasan pilihanraya tiap 10 tahun sekali.
10. Memandangkan masjid-masjid mudah dikuasai oleh golongan bukan UMNO disebabkan UMNO gagal memakmurkan masjid, maka ia membuat peraturan agar semua ahli jawatankuasa masjid tidak lagi dipilih oleh ahli qariah, tetapi dipilih oleh Ahli Majlis Agama yang mereka kuasai. Bila masjid diserahkan kepada pentadbiran UMNO maka masjid ditutup awal dan tidak lagi makmur.
11. Rapat umum adalah ruang yang terbaik bagi rakyat mendengar pandangan politik dari berbagai pihak. Oleh kerana UMNO hampir hilang kuasa dalam pilihanraya 1969, maka rapat umum diharamkan atas alasan keselamatan. Sebenarnya ia adalah untuk menyelamatkan UMNO.
12. Kebebasan akhbar memberi peluang kepada pengundi membuat pilihan yang terbaik kerana pandangan dan dasar semua pihak akan disiarkan. UMNO lalu mengadakan peraturan melesen akhbar-akhbar dan mengadakan berbagai-bagai akta yang menyebabkan akhbar menyokong parti yang berkuasa sahaja. Ia menggunakan kuasa untuk menguasai kebanyakan akhbar di negara ini. Sehingga kini tidak ada akhbar yang "bukan organ parti" yang bebas di negara .
13. Dalam usaha untuk merebut semula kuasa di Kelantan, UMNO membentuk kerajaan dalam kerajaan di Kelantan. Pegawai

Persekutuan di Kelantan seolah-olah bebas daripada pengaruh kerajaan negeri, malah mereka menyaingi kerajaan tempatan. UMNO menggunakan kuasanya untuk menyekat bantuan dan menghalang pelabur untuk datang ke Kelantan. Walaupun peraturan menetapkan bahawa kerajaan pusat adalah bertanggungjawab atas sebahagian dari kewangan dan pembangunan di Kelantan, akan tetapi bantuan disekat atau dilambat-lambatkan. Segala-galanya dilakukan kerana gila kuasa.

14. Saham-saham untuk bumiputera diberi kepada tokoh-tokoh UMNO adalah untuk memastikan seberapa ramai orang masuk dan menyokong UMNO. Mereka yang masuk UMNO setengahnya bukan kerana perjuangan atau menyokong dasar, tapi mahukan lesen, saham dan peluang perniagaan. Semua kemudahan tadi diberi demi memastikan kuasa UMNO tidak tergugat walaupun perinsip keadilan dan peraturan diabaikan.

GAYA HIDUP PEMIMPIN UMNO DAN BN

1. Gaya hidup pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khususnya dari UMNO adalah gaya hidup yang penuh levisih, bermewah-mewah, berlagak dan berpura-puraa.
2. Pakaian yang mereka pakai, kasut, talileher, talipinggang dan segalanya adalah dari jenama-jenama yang paling terkenal dan mahal. Dengan pendapatan mereka yang lebih dari lumayan dari pelbagai sumber rasmi dan tidak rasmi, mereka dapat memiliki semua yang dikehendaki. Banglo-banglo di kawasan elit, kereta mewah, beberapa ekar tanah dusun di pinggir kota, saham-saham, tanah dan pelbagai harta lagi menjamin penerusan kehidupan seperti ini untuk anak cucu mereka.
3. Peluang mendapatkan kemewahan seperti ini mereka rebut semasa menjadi pemimpin kerana ketika berkuasa, semua peluang terbuka luas dan begitu mudah mendapatinya. Kenikmatan ini bukan mereka saja yang merasakannya bahkan tumpah ke keluarga dan saudara-mara, sahabat handai dan sebagai. Pendedahan Rafidah Aziz di Dewan Rakyat mengenai pemberian berjuta-juta saham kepada anak Dr. Mahathir, adik Anwar Ibrahim, menantu Rafidah sendiri, anak Megat Junid, anak Tun Abdul Hamid (Bekas Ketua Hakim Negera), tokoh wanita UMNO Wilayah Persekutuan dan ramai lagi baru-baru ini hanya sebahagian saja skandal yang didedahkan. Belum lagi skandal saham yang diberikan kepada Maika Holding.
4. Berjuta-juta lagi saham mewah dan saham sederhana mengalir kepada keluarga, sanak-saudara dan sahabat handai. Tidak

diumumkan dan masih menjadi rahsia yang penuh mistri hingga kini. Pendeknya dengan sekelop mata kaum keluarga dan saudara mara serta sahabat handai pemimpin UMNO menjadi jutawan-jutawan baru.

5. Bagaimanakah dengan keadaan rakyat biasa, golongan berpendapatan rendah, seperti di Basrah, Kemaman, Dungun, Mersing, Baling, Tanjung Dawai, Sedeli dan banyak lagi kawasan miskin yang perlukan bantuan kewangan? Adakah mereka juga mendapat peluang sama memiliki saham-saham seperti ini? Jawapannya jauh panggang dari api, sangat-sangat sukar sekali. Pertamanya mereka tidak memiliki syarikat-syarikat besar, Keduanya; tidak mempunyai hubungan darah keturunan dengan menteri-menteri atau tokoh-tokoh UMNO negeri atau daerah. Maknanya tanpa saluran untuk sampai ke pihak atasan adalah mustahil untuk mendapatkan saham-saham seperti ini. Mereka hanya boleh mendapat saham-saham amanah seperti ASN, ASB itupun bukan sesuatu yang mudah.
6. Saham-saham yang diterima oleh keluarga dan sanak saudara mara pemimpin UMNO seperti yang disebutkan tadi adalah dalam lingkungan peruntukan saham bagi Bumiputra. Tetapi adakah 14 orang saja Bumiputra yang menerimanya seperti yang telah diberitahu oleh Rafidah Aziz di Dewan Rakyat tempoh hari?
7. Daripada apa yang berlaku jelaslah bagaimana mudahnya mereka mengagihkan kekayaan negara di atas meja dengan memberikannya kepada sanak saudara pemimpin UMNO mendapatkan kekayaan, berbanding dengan rakyat biasa, peniaga-peniaga Melayu yang diperah keringat untuk memajukan perniagaan mereka.
8. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang hidup bermewah-mewahan inilah juga yang bercakap mengenai kemiskinan atau konon 'untuk membasmi kemiskinan'. Melalui pancaran TV dan

akhbar pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini diperlihatkan murah hati mereka menyampaikan bantuan itu dan ini, beramah mesra, menepuk bahu rakyat, ada yang makan bersila dengan rakyat bahkan ada yang sanggup duduk bersama di dapur masjid, membahagikan lauk pauk kepada jemaah yang makan bersama. Demikian gambaran konon betapa 'mesranya' pemimpin seperti ini dengan rakyat.

9. Lebih-lebih lagi menjelang pilihanraya, sering saja pemimpin turun ke kampung-kampung untuk program 'pemimpin bersama rakyat', berucap, makan, bersalaman, menyampaikan pelbagai hadiah kepada rakyat, tetapi hanya seketika menjelang pilihanraya. Apabila pulang ke Kuala Lumpur mereka berada di tengah-tengah golongan koporat dan gaya hidup mereka juga seperti golongan koporat.
10. Ketika kempen pilihanraya, pemimpin Barisan Nasional duduk dan makan di hotel-hotel, tidak makan bersama rakyat. Bil-bil hotel ditanggung oleh kerajaan. Mereka menggunakan pelbagai kemudahan kerajaan tanpa rasa bersalah. Pulang ke Kuala Lumpur tuntutan elaun pula.
11. Gambaran yang mereka berikan ketika melawat kampung-kampung pendalaman yang diperlihatkan begitu 'merakyat', amat berbeza dengan gaya hidup mereka yang sebenar di Kuala Lumpur. Inilah dua wajah pemimpin Barisan Nasional. Tidak banyak rakyat biasa yang tahu, disebabkan media massa memberikan gambaran yang baik saja terhadap pemimpin-pemimpin yang berkuasa ini dengan menyembunyikan *'the ugly face'* mereka. Sikap tamak dan rakus mereka dengan membolot segala peluang dan harta telah disembunyikan dengan amat rapi.
12. Slogan, 'Kepimpinan Melalui Tauladan' adalah slogan kosong kerana tidak pernah diamalkan.

APA KATA UMNO APA KATA KITA

1. **UMNO kata: PAS tidak ada peranan dalam perjuangan kemerdekaan, dan para Ulama tidak terlibat dalam menentang British.**

Perjuangan Kemerdekaan

- 1.1. Adalah satu pembbohongan sejarah sekiranya dikatakan bahawa golongan agama tidak mempunyai peranan langsung dalam perjuangan menuntut memerdekakan negara pada tahun 1957. Pergerakan reformasi Islam yang begitu menyeluruh yang bermula pada tahun 1906 yang digerakkan oleh Syed Sheikh Al Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin telah mempengaruhi perjalanan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (MNP) yang diasaskan pada bulan Oktober 1945. Menyedari peri pentingnya pengaruh ini MNP atau PKMM telah menubuhkan "sayap" atau bahagian Islam dalam struktur organisasinya. Sayap inilah yang bertanggungjawab melahirkan MATA (Majlis Agama Tertinggi Se Malaya) yang darinya wujud Hizbul Muslimin. Hizbul Muslim akhirnya melahirkan PAS pada 24 November 1951.
- 1.2. Prof. William Roff dalam bukunya, *The Origins Of Malay Nationalism* (1967) (*Asal Usul Nasionalisme Melayu*) melihat bahawa sebelum perang Dunia kedua terdapat

tiga aliran penting yang menyumbang ke arah kesedaran politik dan nasionalisme Melayu.

- 1.3. Ketiga-tiga aliran ini akhirnya melahirkan parti-parti politik yang berbeza, dan semua ini membuat desakan kepada pihak Inggeris, ke arah kemerdekaan. Ketiga-tiga aliran ini ialah:
 - a. Aliran reformasi Islam (sebagaimana yang dibincang dalam perenggan 1.1. di atas) yang melahirkan Hizbul Muslimin dan PAS.
 - b. Aliran yang dipengaruhi oleh nasionalisme Indonesia dan faham sosialisme (kiri) yang lembut (*a mild form of socialism*) seterusnya telah melahirkan Kesatuan Melayu Muda (1938) dan PKMM (1945).
 - c. Aliran Konservatif seterusnya melahirkan UMNO (1946).
- 1.4. Contoh-contoh desakan ke arah kemerdekaan:
 - a. Ideologi parti Hizbul Muslim adalah berdasar kan tiga matlamat:
 - i. mencapai kemerdekaan
 - ii. membangun masyarakat berlandaskan Islam
 - iii. menjadikan Malaya sebagai Negara Islam (Darul Islam) .
 - b. Kongres Melayu seluruh Malaya kedua tajaan bersama PAS, PMS (Persatuan Melayu Semenanjung) - pada Mei 1957 mendesak supaya kemerdekaan disegerakan; hak istimewa orang Melayu dipertahankan ; Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Islam sebagai agama rasmi negara.
 - c. Mukhtamar PAS pada tahun 1954, perlembagaan parti telah dipinda dengan memasukkan dua matlamat penting:
Matlamat Pertama : ialah berhubungan dengan kemerdekaan.
Matlamat Kedua : Bagaimana Islam dapat dilak-

sanakan di peringkat
masyarakat dan pentadbiran.

Satu faktor yang perlu disentuh ialah penubuhan Hizbul Muslimin dan akhirnya PAS adalah hasil dari pengembeligan dua unsur Islam: modenis dan tradisional.

1.5. Rumusan :

- a. Adalah tidak benar mengatakan bahawa PAS tidak berusaha untuk mencapai kemerdekaan negara.
- b. Adalah tidak benar mengatakan bahawa golongan ulama di pondok dan di kampung tidak terlibat dengan usaha-usaha Islam dari awal lagi. Berdasarkan hakikat mereka adalah sebahagian dari arus pergerakan reformasi Islam (yang akhirnya menubuhkan Hizbul Muslim dan PAS), maka mereka adalah golongan yang komited dengan perjuangan Islam (termasuk perjuangan untuk mencapai kemerdekaan bagi tanah air).
- c. Dasar KMN, PKMM dan PAS adalah "anti-imperialism". Berpegang pada dasar ini tidak mungkin PAS akan bersikap "pro-British". Pada hakikatnya UMNO lah yang "pro-British" yang menjual hak keistimewaan orang Melayu melalui pengurniaan taraf kewarganegaraan yang liberal kepada bukan Melayu berdasarkan prinsip "jus soli".
- d. Perlu dijelaskan bahawa perjuangan PAS bukan sahaja menuntut kemerdekaan dari pihak Inggeris, tetapi memastikan bahawa "pengisian" kemerdekaan itu tidak bercanggah dengan syarak. Ini bererti semangat kebangsaan yang dibimbing oleh wahyu tidak bertentangan dengan Islam tetapi bukan sebaliknya. Hujah ini adalah selaras dengan hujah Ibn Khaldun dalam Muqqadimahny.
- e. Persoalan "siapa lebih Islam? Salah satu ukuran "keislaman" ialah asal perlembagaan boleh dianggap sebagai "nadi" atau "ruh" yang menggerakkan tubuh

badan manusia. Prof C.F.Strong dalam bukunya *Modern Political Constitutions*, London: Sidgwick & Jackson Ltd. 1930 ada menyebut :

"Just as a human body is said to have a constitution consisting of organs which work harmoniously when the body is in health and unharmoniously otherwise, so a state, or body politic, is said to have a constitution when its organs and their functions are definitely arranged and are not subject, for example, to the whim of some despot" (m.s 10)

Jadi, sekiranya "ruh" yang menggerakkan perlembagaan itu sekular, maka seluruh institusi (ekonomi, politik dan sosial) yang dihasil darinya adalah juga, pada hakikatnya sekular.

- 1.6. Dalam hubungan di antara kuasa legislatif, eksekutif dan kehakiman (judiciary), Prof. C.F Strong berpandangan bahawa kuasa atau fungsi legislatif (Parlimen) sebagai *"the great and overruling power in every free Government"* (m.s 7). Apa yang berlaku di Malaysia ialah kuasa eksekutif yang lebih dominan.

Rujukan :

1. N.J Funston, *"The Origins of Partai Islam Se Malaysia, with special reference to Ideology"*, kertaskerja yang dibentangkan di Internasional of Historians of Asia. Sixth Longness, Yogyakarta, 26 - 30 August 1974.
2. W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalisme*. University Of Malaya Press: Kuala Lumpur 1967.

2. **UMNO kata : PAS pentingkan politik daripada agama, UMNO akui di zaman British bahawa pelajaran agama tidak jamin peluang kerja dengan kerajaan, tidak ramai ibubapa**

menghantar anak ke sekolah agama atau ke Mesir. Kebanyakan sekolah agama adalah sekolah pondok persendirian yang daif.

- 2.1. Adalah menjadi dasar British menindas Institusi Pengajian Islam. Selain tidak menyediakan sekolah agama, ia tidak membantu sekolah itu dalam serba serbi. Lulusan sekolah agama tidak diiktiraf dan tidak diberi tempat dalam bidang pekerjaan. Ini satu bentuk diskriminasi.
- 2.2. British hanya mengadakan Sekolah Inggeris hingga ke peringkat Kolej. Sekolah Melayu hanya di peringkat rendah. Lulusannya diiktiraf dan diberi pekerjaan. Orang-orang yang makan gaji dengan kerajaan ditingkatkan statusnya. Dengan sendirinya dasar penjajah itu menyebabkan ibubapa memandang rendah sekolah agama dan pelajaran Islam.
- 2.3. Orang lulusan agama termasuk yang balik dari Mesir seolah-olah layak jadi imam masjid dan surau, bertahil dan membaca talqin saja.
- 2.4. Dasar ini bukan terhad di zaman penjajah saja. Selepas merdeka pun dasar ini diteruskan oleh UMNO. Kolej Islam Kelang yang ditubuhkan di zaman sebelum merdeka bertaraf Kolej, tetapi beberapa tahun selepas merdeka ia turun menjadi Sekolah Menengah saja.
- 2.5. Bila sekolah agama rakyat ditadbirkan oleh UMNO, maka ia ditutup atau merosot. Contohnya Madrasah Al Tahzib di Titi Serong, Perak.
- 2.6. Hanya sepuluh tahun terakhir ini barulah perhatian agak meluas diberikan kepada pelajaran agama. Malah bantuan ke sekolah agama rakyat tidak merata. Sekolah-sekolah YIK di Kelantan dan sekolah agama di beberapa negeri ditahan bantuannya atau bantuannya dilambatkan

walaupun yang memerintah bukan lagi Inggeris tetapi menteri-menteri dari UMNO.

3. UMNO kata: Guru di sekolah agama rakyat tidak ada semangat nasionalisma Melayu.

3.1. Tidak hairan kalau guru-guru sekolah agama tidak bersemangat nasionalisma Melayu kerana semangat itu bercanggah dengan ajaran Islam. Imam Hassan Al-Banna, Maududi dan lain-lain mujaddid Islam setuju bahawa nasionalisma adalah satu assabiyyah yang bertentangan dengan Islam. Guru-guru sekolah agama itu sebenarnya bersemangat Islam. Seorang yang bersemangat Islam sudah tentu menolak semangat nasionalisma.

3.2. Seluruh mujaddid dan pejuang Islam setuju nasionalisma bercanggah dengan Islam. Cuma Biro Agama UMNO saja yang berkata tidak bercanggah. Adakah UMNO lebih arif tentang Islam dibandingkan dengan para mujaddid dan ijmak pejuang Islam itu.

4. UMNO kata: Ulama dan guru sekolah agama rakyat amat daif dan tidak menganggap agama Islam sebagai pendesak ke arah kebebasan bangsa.

4.1. Pendapat UMNO ini adalah palsu. Ia cuba memperkecilkan peranan guru agama dalam kemerdekaan. Majalah Al-Imam yang diterbitkan sebelum perang dunia kedua dulu banyak meniupkan seruan kemerdekaan. Majalah Qalam yang diterbitkan di Singapura juga demikian. Kemerdekaan bagi mereka tidak sekadar bekerajaan sendiri tetapi bebas dari belenggu jahiliyyah dan menegakkan pemerintahan yang di dalamnya terlaksana nilai dan peraturan Islam.

- 4.2. Apabila orang Islam di Malaysia mengerti tentang parti dan organisasi siasah, dengan tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda pimpinan Ibrahim Yaakob dan kemudiannya ia menjadi Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang disertai sama oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, maka ramai lulusan agama menyertai parti politik itu. Penglibatan mereka adalah untuk memperjuangkan kemerdekaan. Ketika itu belum berlaku Malayan Union dan belum ada UMNO.
- 4.3. Ketika yang sama Ustaz Abu Bakar Al-Bakir dari Gunung Semanggol menubuhkan Hizbul Muslimin yang sealiran dengan Ikhwanmul Muslimin Mesir, Jamiat Islami India, Syarikat Islam Indonesia yang tujuannya adalah untuk menuntut kemerdekaan dari British dan ditegakkan suatu pemerintahan di Tanah Melayu yang di dalamnya terlaksana peraturan Islam dan cara hidup Islam. Hizbul Muslimin mempunyai hubungan rapat dengan PKMM.
- 4.4. Bila UMNO ditubuhkan sebahagian kecil saja dari orang yang berpendidikan agama menyertainya kerana yang ramainya berada dalam PKMM dan Hizbul Muslimin. Mereka yang menyertai UMNO itu ialah yang makan gaji dengan kerajaan dan yang terikat dengan orang-orang besar. Justeru itu soal golongan agama tidak ramai terlibat dalam UMNO di peringkat awal tidak berbangkit.
- 4.5. Tertubuhnya PAS tahun 1951 meneruskan perjuangan ulama dan guru sekolah agama rakyat membebaskan bangsa yang disalurkan sebelumnya melalui majalah dan pendidikan.

5. UMNO kata : Golongan yang berpelajaran agama tidak ramai terlibat dalam menentang Malayan Union dan penubuhan

UMNO.

- 5.1. Dakwaan ini adalah tepat kerana golongan tadi terlibat dalam perjuangan kemerdekaan sepenuhnya yang telah dimulakan sebelum projek Malayan Union diperkenalkan.
- 5.2. UMNO yang ditubuhkan berikutan penentangan projek Malayan Union rata-rata terdiri dari orang-orang besar yang ada hubungannya dengan raja-raja dan Inggeris. Dato' Onn sendiri adalah DO. Mana boleh seorang menjadi DO jika tidak diperkenan oleh Inggeris. Dato Gantang adalah Menteri Besar Perak yang juga seorang besar istana, Nik Ahmad Kamil juga orang yang rapat dengan Inggeris dan istana. Sudah tentu pergaulan mereka dengan golongan berpendidikan agama tidak rapat. Mereka sendiri pun merasa orang lulus agama tidak setaraf dengan mereka.
- 5.3. UMNO mengambil "Hidup Melayu" sebagai slogan perjuangan sedang golongan berpendidikan agama yang bersama Dr. Burhanuddin Al-Hilmi melaungkan slogan "Merdeka". UMNO ketika itu langsung tidak berani menyebut kalimah "Merdeka". Malah UMNO mencurigai orang yang menuntut kemerdekaan. Justeru itu golongan yang berpendidikan agama tidak berminat menyertai UMNO.
- 5.4. UMNO tidak memberi tempat kepada golongan agama dalam pimpinan. Ketokohan Haji Ahmad Fuad Hassan dalam barisan pimpinan UMNO bukan kerana dia ulama tetapi kerana kehebatannya berpolitik dan hubungannya yang rapat dengan Dato' Onn. Tetapi bila beliau disuarakan untuk menggantikan Dato' Onn UMNO mencari calon dari luar pimpinan iaitu Tunku Abdul Rahman Putera untuk menjadi pemimpin. Penolakan itu kerana UMNO tidak mengiktiraf orang berkelulusan agama. Orang-orang yang berkelulusan agama di

kumpulkan dalam satu sayap yang dinamakan Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam.

6. UMNO kata: Dengan tertubuhnya Malayan Union, maka undang-undang yang 'supreme' atau agung adalah undang-undang British dan undang-undang Syariah mungkin diketepikan sama sekali dan ini bertentangan dengan ajaran Islam.

6.1. UMNO tidak layak membangkitkan isu undang-undang syariah sama ada diketepikan atau tidak kerana ia tidak pernah menjadikan undang-undang tersebut suatu yang diperjuangkannya. Malah ia tidak berminat dalam perkara itu. Sikap UMNO dalam perkara ini ialah jika kita sibuk dengan lain-lain perkar-perkara hingga persoalan undang-undang syariah kurang terfonjol atau tidak menjadi agenda utama, maka UMNO akan menempelak betapa perkara itu diabaikan. Apabila kita mengambil langkah untuk melaksanakannya, maka ia akan melebelkannya sebagai undang-undang rimba, hudud PAS dan berbagai lagi.

6.2. UMNO terfikir jika Malayan Union jadi kenyataan maka undang-undang Britishlah yang 'supreme' atau agung. Tetapi UMNO memerintahpun undang-undang British juga yang 'supreme' atau agung. Sudah sekian lama merdeka, bukan saja undang-undang Syariah diketepikan malah mempertikai usaha PAS untuk melaksanakannya. Mereka bukan sekadar memperkecilkan usaha kerajaan pimpinan PAS Kelantan, usaha dan kejayaan Sudan atas perkara itu pun mereka sangat curiga.

6.3. Jika UMNO menoleh Malayan Union atas bimbangkan undang-undang Syariah tidak terlaksana, ia adalah satu kenyataan dari pihak yang lidahnya bercabang, ia semata-

mata propaganda politik.

7. UMNO kata: Sokongan kepada PKMM pimpinan Dr, Burhanuddin al Helmi dan Ishak Hj Muhamad amat kurang. British menganggap mereka bahaya.

7.1. Sokongan yang amat kurang kepada PKMM ialah dari golongan pro British sendiri, kerana UMNO mengesahkan yang ia dianggap bahaya oleh British. Tetapi sokongan orang Melayu agak merata dan menyeluruh, hingga UMNO yang ditubuhkan kemudian sukar mendapat tempat. Kedudukan UMNO di zaman kegemilangan PKMM samalah dengan kedudukan Parti Negara di zaman UMNO dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.

7.2. Bila menganggap PKMM bahaya, maka sudah tentu British tidak mengira UMNO bahaya. Sikap British itu terus ditunjukkan dengan ia mengharamkan PKMM dan menahan pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokongnya. UMNO dibenarkan bergerak, dan pemimpin-pemimpinnya seperti Dato Onn Jaafar duduk dalam *Communities Liason Committee* (Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat) bertaraf menteri. Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO yang terkemudian dilantik oleh British sebagai ahli Majlis biasa. Mereka diberi elaun dan berbagai kemudahan.

7.3. Kerana PKMM dianggap bahaya sudah tentu British tidak membawa mereka dalam CLC dan majlis itu. Jika PAS menjadi alat British mengapa pula mereka tidak dilantik sama?

7.4. UMNO agak selesa sesudah British mengharamkan PKMM. Ramai pengikut PKMM menyertai UMNO setelah Tunku menyebut bahawa UMNO hendak meneruskan

perjuangan PKMM dan mempelawa Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhamad menyertai UMNO. Tunku juga

menukar slogan UMNO daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Bekas pemimpin PKMM menolak pelawaan itu kerana sikap UMNO dengan British sangat lunak dan British sangat senang dengan UMNO dan pemimpinnya.

- 7.5. UMNO bersubahat dengan British dalam pengharaman PKMM. Lakukan sekadar tidak membantah langkah British, malah UMNO bekerjasama dengan British dalam penangkapan pemimpin dan penyokong PKMM dan Hizbul Muslimin.

8. UMNO kata: Pemerintah British tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap parti baru iaitu PAS.

- 8.1. British tidak berbuat apa-apa kerana British cerdik. Ia tahu bahawa tindakan itu akan dilakukan bagi pihaknya oleh pihak yang dipercayainya seperti UMNO.
- 8.2. British tahu bahawa British akan mewarisi nama buruk dan busuk jika ia bertindak terhadap orang Islam yang berjuang atas nama Islam. Adalah lebih baik bagi British dan padan bagi politik di rantau ini jika orang Islam sendiri yang menentang dan bertindak terhadap gerakan Islam.
- 8.3. Sama ada British suka atau tidak, badan politik Islam tidak dapat dihalang daripada ditubuhkan. Ia adalah fenomena dalam semua negara dan masyarakat Islam.

9. UMNO kata: PAS lebih merupakan parti alternatif kepada UMNO untuk orang Melayu.

- 9.1. Pandangan ini bukan saja ada pada British dulu, malah ia juga disetujui oleh semua pihak dulu, sekarang dan akan datang, malah oleh UMNO sendiri. Kesuburan PAS dan sambutan orang Islam terhadapnya, malah lebih baik dari negara dan masyarakat Islam lain disebabkan orang Melayu seluruhnya begitu mudah menerima Islam sejak di zaman awal Islam di Melaka. Justeru itu parti Islam lebih senang mereka terima.
- 9.2. Atas alasan inilah maka UMNO segera melaksanakan kemahuan Malayan Union yang mereka tentang dulu dalam perkara 'Equal Citizenship' atau Taraf Samarata. Dalam masa beberapa tahun saja selepas merdeka UMNO berjaya meramaikan pengundi-pengundi bukan Melayu hingga sama ramai dengan pengundi Melayu. Taraf samarata dan kuantiti yang hampir sama itu memungkinkan kuasa UMNO dalam pilihanraya sukar digugat oleh PAS.
- 9.3. Atas alasan ini juga British segera melayan kemahuan UMNO termasuklah menyegerakan kemerdekaan, kerana kemahuan British melalui Malayan Union lebih mudah dilakukan oleh UMNO sendiri. Apa yang pegawai British tidak dapat buat, ia mudah dibuat oleh UMNO.
- 9.4. Atas alasan PAS lebih merupakan parti alternatif kepada UMNO, maka itulah sebabnya UMNO terpaksa menyerang PAS bermati-matian dan terpaksa menentang apa saja yang dibuat oleh PAS walaupun perkara itu baik dan sesuai dengan Islam seperti pelaksanaan hudud dan sebagainya. UMNO mengeluarkan risalah "PAS Pentingkan Politik daripada Agama" dan cadangan membuang kalimah Islam daripada PAS semata-mata kerana PAS adalah parti alternatif kepada UMNO bagi orang Islam.

10. **UMNO kata: *The Federation of Malaya* (ganti *Malayan Union*) bersetuju mengadakan pilihanraya umum. Pengundi Melayu begitu besar, tidak ramai bukan Melayu menjadi pengundi. Dengan pengundi Melayu yang begitu ramai British khuatir UMNO akan memenangi dengan kelebihan undi yang terbanyak**

10.1. British sebenarnya tidak khuatir jika UMNO menang besar kerana ia telah kenal pasti bahawa pemimpin-pemimpin UMNO adalah generasi yang telah dididik berfikir dan bergerak mengikut cara berfikir barat. Rata-rata mereka mengamalkan budaya barat walaupun mereka orang Islam. Lord Cromer, gabenor British yang terakhir di Mesir pernah menyarankan bahawa British tidak akan memikirkan barang seminit jua untuk memberikan kemerdekaan kepada tanah jajahannya, hingga lahir di kalangan mereka satu generasi yang berfikir dan hidup seperti mereka. Bila British bersetuju mengadakan pilihanraya ketika UMNO kuat, maka dasar Lord Cromer tadi telah dapat dipenuhi.

10.2. Pihak yang khuatir tentang ramainya pengundi Islam itu ialah UMNO sendiri kerana mereka sudah melihat akan keupayaan PAS menjadi alternatif dan lebih berpotensi dari mereka. Bagi mengatasi kebimbangan itu mereka segera menerima semua syarat kemerdekaan dari British antaranya memberi Taraf Sama Rata kepada pihak bukan Melayu walaupun ia antara yang UMNO tolak dalam *Malayan Union*. Dengan menseimbangkan bilangan penduduk negara maka sudah tentu orang bukan Islam tidak akan mengundi PAS dalam jangka masa pendek. Dengan ini UMNO akan dapat mengekalkan kedudukannya sebagai parti induk yang berkuasa.

10.3. Betapa takutnya UMNO kepada British dapat dilihat dari

sikap UMNO betapa Mesir tidak dimasukkan dalam senarai yang dijemput dalam sambutan kemerdekaan 31 Ogos 1957 kerana ketika itu Mesir baru saja merampas terusan Suez dari British.

11. UMNO kata: PAS ialah PMIP

- 11.1. Pengasas PAS tidak pernah memberi apa-apa terjemahan pada nama rasminya baik ketika ia bernama Persatuan Islam Se Tanah Melayu atau Persatuan Islam Se Melaya.
- 11.2. PMIP atau Pan Malayan Islamic Party adalah terjemahan yang dibuat oleh pihak luar. Kalimah parti hanya dipakai oleh PAS sesudah terbentuk Malaysia. Nama itu ditukar kepada Parti Islam Se Malaysia.

12. UMNO kata: PAS jelas tidak mahu kemerdekaan. PAS mahu British terus memerintah untuk memberi masa kepada orang Melayu bersiap sedia mengambil alih kerajaan apabila lebih mampu.

- 12.1. Usaha UMNO untuk menafikan peranan PAS dalam kemerdekaan perlu dikutuk kerana ia adalah satu pemalsuan sejarah. Penggelapan sejarah adalah satu jenayah akademik (huraian tentang hal ini dimuat di ruangan lain).
- 12.2. Soal tidak mahu kemerdekaan adalah tidak benar dan tidak berbangkit. Apa yang disuarakan oleh PAS ialah kemerdekaan yang UMNO dapat dari British adalah kemerdekaan separuh masak. Urusan merangka perlembagaannya diserahkan kepada pihak luar yang dipengerusikan oleh Lord Reid dari Britain. Kalaupun ada orang Islam dalam suruhanjaya itu ialah golongan sekular.

- 12.3. Soal pertahanan dan luar negeri bukan sekadar terus mengikut dasar British tetapi terus dikendalikan oleh British.
- 12.4. Ketuanan orang Melayu atas negara ini tidak mutlak - dasar kerakyatan terlalu longgar dan merugikan orang Melayu dan Islam pada jangka panjang.
- 12.5. Ekonomi terus dikuasai oleh British hingga jangka waktu yang tidak dapat diramalkan.
- 12.6. Kemerdekaan separuh masak itu lebih merugikan orang Melayu dalam serba serbi dan risikonya terlalu tinggi untuk dihadapi oleh orang Melayu yang belum cukup persediaan.
- 12.7. Pandangan PAS dalam perkara ini dibuat mengikut kehendak Siyasah Syari'ah. Pada Ijtihad PAS adalah wajar menerima kemerdekaan penuh daripada kemerdekaan separuh masak. Jika kemerdekaan sedikit lambat tetapi lebih menjamin maka ia adalah lebih baik. Soal kemerdekaan adalah suatu yang tidak boleh dielakkan lagi oleh British. Masa bagi British untuk melepaskan tanah jajahannya tetap akan tiba jua berikutan dengan terbentuknya Piagam PBB yang menyarankan supaya penjajah melepaskan semua tanah jajahannya. British bukan tidak mahu kekal lebih lama tetapi mereka tidak boleh tinggal lebih lama. Dalam proses inilah mereka kemudiannya melepaskan Sabah dan Sarawak kepada Malaysia dan kemerdekaan Brunei. Atas pertimbangan itu memberi kemerdekaan melalui UMNO yang berbudaya dan berfikiran barat adalah sesuai dengan diplomasi British.

13. UMNO kata: Pemimpin PAS menjelajah ke seluruh negara

mempengaruhi guru-guru agama pondok. Buat pertama kalinya guru-guru pondok merasai mereka dihargai.

- 13.1. Kegiatan PAS seperti ceramah, dakwah dan sebagainya di seluruh negara adalah dalam bidang untuk menyedarkan rakyat dari semua golongan tentang betapa pentingnya berada dalam Jamaah Islam yang kuat yang berhasrat untuk mewujudkan di negara ini sebuah pemerintah yang terlaksana di dalamnya nilai hidup dan peraturan Islam.
- 13.2. Guru agama pondok adalah antara golongan yang PAS dekati. Perhatian terhadap mereka bukan terhad kepada menjadi ahli PAS, tetapi mendaulatkan ulama sebagai golongan yang mesti memimpin bukan dipimpin.
- 13.3. Jika mereka merasakan mereka buat pertama kali dihargai ialah kerana PAS pihak pertama memberi perhatian kepada mereka. Mereka telah dibiarkan oleh penjajah. UMNO pula tidak pernah memberikan perhatian kepada mereka, sedang Islam terselamat dari serangan penjajah di negara ini ialah disebabkan oleh peranan guru-guru pondok. Pondok dan sekolah agama rakyatlah benteng Islam di zaman penjajah. Peranan merekalah yang berjaya mengekalkan orang Melayu sebagai Islam seluruhnya.
- 13.4. UMNO rupanya melupakan mereka kerana UMNO meneruskan dasar Inggeris yang matlamat asalnya ke sebelah timur adalah untuk memerangi Islam.

14. UMNO kata: Sembahyang mayat tidak diadakan kepada si mati yang bukan penyokong PAS.

- 14.1. Yang UMNO nampak hanya mayat ahli-ahlinya yang kebetulan tidak disertai oleh orang-orang PAS. Tetapi tidak pula disebutkan tentang setengah orang UMNO pun tidak

sama sembahyang disebabkan tingkahlaku dan kata-kata si mati yang kebetulan ahli UMNO yang sulit bagi orang-orang yang tahu untuk sama-sama menyembahyangkannya.

- 14.2. UMNO juga tidak nampak tentang adanya penyokong PAS yang dipukul hingga mati atau cedera sepanjang hayat oleh orang-orang yang fanatik dengan UMNO. UMNO tidak nampak ada si fanatiknya mengugut, mencederakan motokar, mengancam penceramah PAS yang datang ke kampung-kampung untuk menerangkan dasar PAS.
- 14.3. UMNO tidak pernah mahu menyedari betapa fanatik UMNO yang berkuasa membuang penghulu dan ketua kampung yang terdiri dari ahli PAS, dan memastikan penghulu dan ketua kampung baru tidak terdiri dari ahli PAS. Imam dan petugas surau/masjid pun dipastikan bukan orang PAS atau mereka mesti tidak melahirkan PASnya jika mahu kekal bertugas di masjid dan surau.
- 14.4. UMNO memastikan tiada orang PAS memegang jawatan penting dalam kerajaan. Jika didapati ada penyokong PAS menjawat mana-mana jawatan, maka dia dijadikan macam bola di tendang - tukar - ke sana sini, atau payah naik pangkat.
- 14.5. Dipastikan juga tiada orang PAS jadi peneroka Felda, malah ada universiti memastikan tiada siswa baru menjadi penyokong PAS. Kalau ada PAS di Felda, ialah kerana penyokong-penyokong UMNO bertukar haluan menuhkan PAS. Antara sebab PAS disingkir dari BN tahun 1977 ialah kerana ramai orang PAS yang diberi peluang jadi peneroka. Dalam suasana Kelantan dikuasai oleh Angkatan, kerana UMNO mentadbir KADA, maka penyokong PAS dan S46 dianaktirikan oleh KADA yang diterajui oleh tokoh-tokoh UMNO.

14.6. Dalam pembahagian tanah lot, gerai, rumah murah, permit teksi anak lembu dan sebagainya, jika antara penerimanya penyokong PAS, maka pembahagian akan dibatalkan. Justeru itu si miskin PAS yang berhajat kepada pemberian itu terpaksa merahsiakan kecenderongan politiknya atau mengisi borang UMNO.

14.7. Setengah fanatik UMNO menghalang penyaluran pembangunan ke desa-desa yang ramai penduduk PAS, seperti tiada jalan sempurna, tiada bekalan air. Kemudahan-kemudahan dihadkan di kawasan UMNO dan sebagainya.

14.8. Pernah satu masa kebanyakan masjid di Wilayah Persekutuan ditadbirkan oleh jawatankuasa pilihan qariah dan yang terdiri dari PAS. Mereka makmurkan masjid dengan pengajian. UMNO menggunakan pengaruhnya meminda peraturan bahawa semua masjid ditadbirkan oleh jawatankuasa lantikan kerajaan. Dipastikan tiada orang PAS terlantik.

14.9. Semua diskriminasi ini meletakkan orang PAS terasa hina pada pandangan UMNO. Bila semua tenaga mereka dalam masyarakat dihalang dan diketepikan, maka sudah tentu berlaku tindakan balas. Dalam keadaan seperti inilah telah ada sembahyang jenazah tidak disertai oleh pihak yang lain. UMNO pun ada yang tidak menziarahi jenazah PAS. Tetapi kerana PAS cukup imam dan tok guru, maka perkara itu tidak gempar.

15. UMNO kata: Pemimpin PAS dan tok guru membuat fatwa bahawa sesiapa yang tidak menyokong PAS adalah kafir, tidak Islam.

15.1. Isu ini sebenarnya sudah basi, PAS sudah bebas dari terlibat

dalam perkara ini sejak lebih dari 15 tahun lalu. Tetapi UMNO sekarang, sama seperti tiap-tiap kali pilihanraya, membangkitkan isu basi ini lagi.

- 15.2. Jika pun ada tokoh-tokoh PAS yang berbuat demikian adalah dari golongan yang "direndam tidak basah" dan kebanyakan mereka sudah pun masuk UMNO atau bekerja sebagai tentera upahan UMNO untuk mengkafirkan pemimpin PAS pula. Antaranya ada yang masuk UMNO ketika dalam tahanan ISA. Ada yang masuk setelah keluar ISA. Ada yang menentang PAS mengadakan maufakat dengan S46 tetapi sedia pula berceramah di pentas UMNO.
- 15.3. Fenomena rakyat yang di bawah kekuasaan UMNO sangat mudah melebelkan orang yang mereka tidak suka. Bukan sekadar kafir mengkafirkan orang lain, malah orang PAS yang mengkritik setengah kesan pembangunan ditohmah anti pembangunan, jika mengkritik kerajaan ditohmah anti-nasional, menegur para pemimpin kerajaan maka mereka dituduh maki hamun orang atau suka mengumpat. Jika serius dalam persoalan Islam dituduh ektrimis atau fanatik atau dakwah songsang.
- 15.4. UMNO bukan saja berkata PAS kata UMNO kafir, tetapi UMNO sendiri menuduh UMNO sesama UMNO kafir. Dalam pertandingan antara Tengku Razaleigh dan Dato Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO dulu, penyokong-penyokong atau tukang kempen Dato Musa kata, siapa sokong Tengku Razaleigh adalah kafir kerana calon Timbalan Presiden itu disokong oleh sekutu bukan Islam BN. Ketika berlaku pertandingan antara Dr Mahathir dan Tengku Razaleigh untuk jawatan Presiden UMNO dulu apa lebel yang kita tidak dengar dalam kempen itu. Demikian juga semasa usaha menyingkirkan En. Ghafar Baba dari Timbalan Presiden UMNO dan usaha

kumpulan WAWASAN merebut jawatan utama UMNO berbagai lebel kita dengar dan baca terhadap satu sama lain.

- 15.5. Justeru itu tidak pelik jika kita dengar UMNO menuduh semula PAS kata UMNO kafir. Malah kita juga melihat semua akhbar Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil menyiarkan karikatur jin berkepala banyak dalam kempen pilihanraya umum tahun 1986 dulu dan antara kepala jin itu di gambarkan wajah pemimpin PAS yang kelihatan begitu huduh. Kita juga terjumpa kartun yang disebarikan oleh UMNO di mana gambar laki-laki bogel berkepalakan calon PAS (antaranya tok-tok guru) dikelilingi gambar perempuan-perempuan bogel atau separuh bogel. Inilah antara karenah UMNO.

16. UMNO kata: Pemisahan di antara pengikut PAS dengan orang Islam lain dikaitkan dengan ibadat-ibadat berjemaah. Sembahyang Jumaat diasingkan di antara orang PAS dengan orang Islam lain.

- 16.1. Isu ini sebenarnya sudah basi, tetapi UMNO yang kehabisan modal masih nampak perkara yang basi ini saja dan mahu menggunakan yang basi ini juga untuk mengekalkan kuasa.
- 16.2. Yang UMNO nampak orang PAS sembahyang sesama mereka. Ia tidak nampak orang UMNO tidak mahu sembahyang di masjid yang ramai orang PAS. Misalnya di Dungun. Masjid asal di Dungun dipenuhi oleh kebanyakannya orang PAS. Tanpa berunding dengan jemaah qariah, kerajaan membina masjid lain. Tiba-tiba pejabat agama menurunkan taraf masjid lama dan mengakui masjid baru. Sekalian jawatankuasa masjid lama dan imam-imamnya tidak lagi dipakai di masjid baru. Cara UMNO

mengasingkan orang PAS dengan orang UMNO ialah dengan menggunakan nama kerajaan dan pejabat agama. Dalam kebanyakan peristiwa yang dikatakan sembahyang Jumaat berasingan ialah kerajaan membina masjid baru dan mengeneipkan tenaga dan pandangan orang-orang masjid lama.

- 16.3. UMNO Terengganu berusaha untuk memecahkan perpaduan jemaah Masjid Rusila. Kerajaan cuba mengadakan masjid di kawasan Telekom yang berhampiran dengan Kampung Rusila. Tetapi pegawai-pegawai dan kakitangan Telekom sekaliannya lebih suka ke Masjid Rusila. Maka usaha UMNO untuk mewujudkan dua imam di Rusila sehingga ini gagal.
- 16.4. Jika UMNO mengambil sikap yang liberal terhadap masjid, isu dua imam tidak berlaku. Sehingga ini belum ada orang UMNO dan pemimpin-pemimpinnya singgah sembahyang di Masjid Rusila atau di Madrasah Kedai Lalat di mana Ustaz Nik Aziz adalah imam dan Tok Guru. Tidak pernah pemimpin-pemimpin UMNO singgah mendengar pengajian atau solat di surau atau masjid yang diketahui berimamkan orang PAS.
- 16.5. Tetapi orang PAS yang berselerak di seluruh negara, tidak pernah bertanya imam di Johor, di Perak atau di Selangor adakah mereka PAS atau UMNO. Tetapi orang PAS di seluruh negara tetap sembahyang Jumaat setiap kali. Kalau PAS tidak sembahyang dengan imam yang bukan PAS, tentu orang PAS Johor, Melaka, N.Sembilan dan lain-lain akan mengusahakan masjid sendiri.
- 16.6. Orang PAS adalah serius tentang sumber pembinaan masjid, sama seperti pekanya mereka tentang halal haram sesuatu makanan. Pada peringkat awal kemerdekaan, banyak masjid didirikan dengan wang loteri. Oleh itu

ramai yang mempertikaikan kewujudan masjid seperti itu. UMNO tidak begitu peka dengan perkara seperti ini. Perkembangan seperti ini ikut menjadi punca perpecahan di setengah tempat dan berlaku sembahyang berasingan.

- 16.7. Isu dua imam sebenarnya berlaku kerana kerajaan pimpinan UMNO gagal menangani isu Islam dan perpaduan mengikut yang dikehendaki oleh Islam. UMNO lebih banyak berpolitik dan politik wang serta kuasa. Asal boleh berkuasa biarlah rakyat terus berpecah.

17. UMNO kata: Tok guru-Tok guru PAS sengaja menyalah tafsirkan ayat al-Quran dan Sunnah Nabi dan membaca separuh saja ayat-ayat Quran....

- 17.1. UMNO sengaja mengadakan tuduhan-tuduhan liar dan tidak bertanggungjawab. Sehingga ini UMNO belum pernah membuktikan tuduhan itu.
- 17.2. UMNO tidak pernah mengemukakan secara terperinci, ayat apa dan hadis mana yang PAS salah tafsir, dan yang mana pula ayat-ayat suci yang sekadar dibaca separuh yang mengelirukan. UMNO tidak pernah menyatakan siapa dan di mana kejadian itu dilakukan.
- 17.3. Pemimpin PAS berkali-kali minta bersemuka dengan UMNO jika ada ayat-ayat Quran dan Hadis Nabi yang tidak betul tafsir. Pemimpin PAS sudah menyatakan kesediaan bermuzakarah dan berbincang atas perkara ini. Tetapi UMNO hanya mengambil sikap baling batu sembunyi tangan.

18. UMNO kata: Kita hairan mengapa ada orang Melayu masih percaya PAS berjuang untuk Islam?

- 18.1. Persoalan yang UMNO kemukakan ini hanya berbangkit jika UMNO memperjuangkan keadilan Islam dan ikhlas dengan Islam. Betapa adanya sokongan orang-orang Melayu kepada PAS dan gerakan-gerakan Islam dalam dan luar negeri ialah apa yang diperjuangkan oleh mereka menepati ciri-ciri gerakan dan perjuangan Islam. Apa yang PAS buat adalah benar. Objektif dan dasar Islamnya dicatatkan dalam perlembagaannya dengan jelas.
- 18.2. Pertanyaan UMNO itu timbul setelah UMNO menguasai media massa dan segala usaha gagal untuk menghalang kegiatan dan menyekat pengaruh PAS melalui TV, radio, akhbar-akhbar dan semua alat kerajaan. UMNO bukan sekadar memfitnah dan memutar belit segala perkhabaran tentang PAS, tetapi ia melakukan segala bentuk perancangan jahat, penindasan dan sekatan, masih juga PAS berkembang malah lebih pesat.
- 18.3. Jika peluang dan kebebasan diberi kepada PAS untuk mendapat publisiti, maka lebih besar sokongan akan rakyat beri kepada PAS. Sebenarnya perjuangan yang benar dan adil tidak dapat disekat oleh sesiapa. Namrud , Fir'aun , Abu Jahal dan lain-lain telah menyekat usaha menegakkan kebenaran tetapi mereka gagal.
- 18.4. Sudah banyak parti politik ditubuhkan di negara ini yang berlawan dengan UMNO. Tentunya parti-parti itu menghadapi layanan buruk dari UMNO lebih kurang dengan layanan yang PAS terima. Oleh kerana ideologi dan matlamat perjuangan masing-masing tidak kukuh maka semuanya tidak bertahan. Tetapi PAS, kerana perjuangannya adalah jelas dan atas tapak yang kukuh, maka apa juga usaha UMNO untuk menghancurkannya pasti akan gagal. Sebaliknya UMNO sendiri akan kecewa

dalam setiap gerak jahatnya seperti yang kita lihat dalam usahanya untuk melucutkan nama Islam dari PAS dan untuk menghalang PAS melaksanakan undang-undang syariah di Kelantan.

19. UMNO kata: Usaha UMNO untuk menjelaskan bahawa PAS sudah menyalah tafsirkan agama Islam, bahkan telah membuat tafsiran yang bertentangan dengan Islam, tidak berjaya mengembalikan orang Islam di Kelantan kepada jalan yang benar.

19.1. Keterangan di atas adalah bukti rasmi UMNO menuduh orang-orang Kelantan khususnya dan orang Islam di luar Kelantan yang menyokong PAS sebagai orang yang tidak berada pada jalan yang benar. Oleh kerana perkara ini dikaitkan dengan menyalah tafsirkan agama Islam dan membuat tafsiran yang bertentangan dengan Islam, maka orang akan terasa apa yang UMNO maksudkan dengan orang yang tidak dapat dikembalikan kepada jalan yang benar itu berertilah orang yang sesat. Tuduhan sesat kepada rakyat Kelantan dan Tok-Tok guru Kelantan adalah berat. Ia tidak banyak bezanya dengan menuduh mereka kafir. Dulu UMNO kata PAS kata UMNO kafir, tetapi sekarang UMNO tuduh pula orang Kelantan yang tidak mendengar penjelasan UMNO tentang PAS sebagai berada pada jalan tidak benar. Adakah orang Kelantan semuanya sesat?

19.2. Orang Kelantan ramai yang lulus pondok, sekolah agama, di tiap-tiap kampung ada orang yang lulus Mesir dan rata-rata mempunyai asas pelajaran agama yang cukup. Mereka tahu siapa berada di jalan yang benar dan siapa tidak. Bila mereka tidak dapat menerima penjelasan UMNO tentang hukum dan tafsir, maka penjelasan UMNO masih penuh dengan kelemahan. Dengan pengetahuan agama mereka,

mereka tahu mereka berada pada jalan yang benar. Keluar dari jalan itu, maka mereka tahu mereka akan keluar dari jalan yang benar.

- 19.3. UMNO sepatutnya mengkaji penjelasannya dan perjuangannya dulu. Jangan mudah menuduh rakyat Kelantan sesat. Rakyat Kelantan tahu memilih. Mereka tahu apa pemimpin UMNO buat dan bagaimana akhlak ahli-ahlinya. Mereka boleh bandingkan akhlak UMNO dan PAS. Bila mereka menolak UMNO bukan kerana mereka tidak benar, tetapi UMNO patut bertanya pada diri mereka sendiri.

20. UMNO kata: Perbalahan antara pemimpin-pemimpin PAS menyebabkan kerajaan PAS Terengganu tidak kekal dan UMNO kembali mendirikan kerajaan.

- 20.1. Perubahan kuasa di Terengganu dari PAS kepada UMNO bukanlah mutlak kerana kelemahan kerajaan dan pemimpin PAS. Yang lebih ketara ialah ia satu bentuk rampasan kuasa dan pengkhianatan oleh UMNO dan kerajaan Pusat pimpinan Perikatan yang selama-lamanya tidak pernah menghormati keputusan yang rakyat buat dalam pilihanraya - sama dengan yang UMNO Kelantan dan kerajaan Pusat BN lakukan pada Kelantan pimpinan Angkatan sekarang.
- 20.2. UMNO dan kerajaan pusat meneruskan taktik British memecahkan pimpinan kerajaan Terengganu dan memeras ugut wakil rakyat yang boleh diperalat - sama dengan yang dilakukan untuk menumbangkan PBS Sabah baru-baru ini. Atas bantuan kerajaan pusat, UMNO menggunakan politik kotor menumbangkan kerajaan Terengganu di luar waktu pilihanraya. Hanya dengan rampasan kuasa UMNO boleh mengambil semula

Terengganu dari PAS.

- 20.3. UMNO menyeret istana ke dalam politik. Saranan PAS untuk mengatasi delima politik Terengganu dengan mengadakan pilihanraya baru tidak diperkenan kerana suasana ketika itu jika diadakan pilihanraya baru maka UMNO tidak mungkin meraih kejayaan.
- 20.4. Seperti biasa UMNO dan kerajaan pusat menggunakan kuasa ke atas agensi-agensi kerajaan pusat di Terengganu tidak bekerjasama dengan kerajaan tempatan.
- 20.5. Karenah politik UMNO dalam menangani kerajaan Terengganu dulu sama dengan yang dilakukannya ke atas Sabah dan Kelantan. Demikian juga yang dihadapi oleh kerajaan gerakan Pulau Pinang pimpinan Dr. Lim Chong Yew sebelum menyertai BN. Di samping UMNO tidak mengindahkan demokrasi, ia mengamalkan dasar diskriminasi dan konfrontasi.

21. UMNO kata: Orang Melayu di zaman British dan sebelum itu tidak berpecah kerana agama.

- 21.1. UMNO sepatutnya tahu mengapa orang Melayu tidak berbalah dalam perkara agama di zaman penjajah Inggeris dan di zaman sebelum Tanah Melayu dijajah.
- 21.2. Di zaman British, rakyat tidak dibenarkan berpolitik. Rakyat tidak dapat memilih yang lain daripada British. Politik yang ada ialah mahu membebaskan tanah air dan agama dari penjajahan.
- 21.3. Sebelum penjajah datang, orang Melayu ditadbir di bawah peraturan Islam. Undang-undang syariah termasuk hudud terlaksana. Politik ketika itu tidak mengenali

demokrasi dan segala-galanya adalah di bawah raja mutlak. Istana sendiri menjadi pusat mengembangkan Islam. Bukan orang Melayu menerima Islam apabila raja-raja memeluk Islam ? kerana persoalan Islam sudah terlaksana baik di istana dan di mana-mana, apa orang Islam tidak berbalah kerana agama.

- 21.4. Selepas merdeka, rakyat tahu berpolitik. Kemudian perpecahan berlaku kerana ada UMNO yang mahu meneruskan sistem dan undang-undang British, Sedang PAS mahu mengembalikan masyarakat kepada peradaban Islam. Bibit sebenar yang menyebabkan perpecahan disemaikan oleh penjajah di semua bumi Islam.

22. UMNO kata: Orang UMNO dan PAS adalah ahli Sunnah Wal Jamaah dan berimam dengan Imam Shafie. Tidak ada kepercayaan atau ibadat orang UMNO yang berbeza, jauh sekali bertentangan dengan ajaran Sunnah dan Imam Shafie.

- 22.1. Adalah benar betapa sama mazhab dan sama kaedah ibadat antara orang PAS dan orang UMNO. Yang berbeza ialah sikap masing-masing.
- 22.2. Orang PAS mahu melaksanakan undang-undang Syariah yang semua mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah menetakannya wajib, tetapi UMNO terus berdolak dalik. Sikap UMNO tak sama dengan apa yang dirumuskan oleh Imam Shafie. Sikap PAS sama dengan saranan Imam Shafie dalam soal hudud.
- 22.3. Sehingga ini UMNO mendaulatkan undang-undang Inggeris yang tidak ada sandarannya dalam mana-mana mazhab ahli Sunnah Wal Jamaah. Adakah Imam Shafie mengharuskan undang-undang British?

- 22.4. Semua mazhab ahli Sunnah Wal Jamaah merumuskan Jihad hampir menjadi rukun Islam yang keenam. PAS mengambil berat tentang persolan jihad. UMNO sentiasa curiga terhadap orang yang memberatkan persoalan jihad. PAS menghormati mereka yang terlibat dalam jihad menentang Russia di Afghanistan. Tetapi UMNO mencurigai orang Malaysia yang pernah berperang di Afghanistan.
- 22.5. PAS memuji orang-orang yang suka berdakwah, tetapi UMNO menganggap mereka berdakwah songsang. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam dakwah diintip dan disekat biasiswa. Pelajar yang ke disko tidak dikenakan sebarang sekatan.
- 22.6. PAS bersyukur jika ada generasi muda tekun mengamalkan perkara sunat, tetapi UMNO selalu mengungkit sikap orang warak seperti itu.
- 22.7. Oleh kerana perbezaan sikap itu terlalu banyak, maka biarlah yang terakhirnya disebutkan bahawa PAS mengira Mustafa Kamal Attartuk adalah musuh dan pengkhianat Islam, tetapi UMNO mengiranya Wira yang menyelamatkan Turki seperti yang dirakamkan dalam ucapan dasar UMNO tahun 1993.

23. UMNO kata: Tokoh-tokoh agama UMNO tidak kurang terpelajar dengan agama Islam daripada tokoh-tokoh agama dan tok guru-tok guru PAS.

- 23.1. Adalah diakui bahawa dalam UMNO juga ramai tokoh berkelulusan Mesir dan ramai juga tok guru.
- 23.2. Tetapi tokoh agama itu hanya pengikut dalam UMNO. Mereka tidak memimpin. Tokoh agama dalam PAS adalah

pemimpin. Tok guru masuk PAS untuk berjuang. Tok guru masuk kerana makan gaji dan mencari wang.

- 23.3. Tok Guru PAS berjaya mengajak penyokong PAS mendaulatkan ulama dan mahu mendaulatkan Islam. Tok Guru dalam UMNO diam saja bila pemimpin UMNO kata, jika undang-undang Islam dilaksanakan negara jadi huru-hara.

24. **UMNO kata: Kerajaan PAS di Kelantan tidak membawa apa-apa pembangunan kepada Kelantan dan rakyat Kelantan. Tetapi ini tidak mengurangkan pengaruh PAS.**

- 24.1. Dengan segala dakwaan dan buruk sangka yang UMNO lemparkan kepada kerajaan dan PAS di Kelantan, UMNO mengakui ia tidak berjaya mengurangkan pengaruh dan kepercayaan rakyat kepada PAS di negeri itu.
- 24.2. Apabila pengaruh PAS tidak terjejas, maka ini bermakna rakyat pada keseluruhannya dapat menilai kebaikan PAS pada keseluruhannya dan menolak apa yang UMNO cuba momokkan. Rakyat Kelantan tidak boleh dikatakan bodoh atau buta kayu dalam membuat keputusan. Hanya UMNO yang tidak dapat menilai sama ada diberi penjelasan atau tidak diberi penjelasan.
- 24.3. Bila pengaruh PAS diakui tidak terjejas, ertinya dakwah tentang Kelantan tidak membangun tidak dipercayai oleh rakyat.
- 24.4. Mungkin pembangunan kilang dan industri besar tidak seperti di Lembah Klang dan Senai atau Pulau Pinang. Tetapi pembangunan ukhrawi dan duniawi di Kelantan adalah seimbang. Sejak dari kerajaan PAS yang lalu dan disambung dengan kerajaan Angkatan sekarang Kelantan mendahulukan pembangunan pendidikan. Di samping

pendidikan yang disediakan oleh kementerian pendidikan. Kelantan ada sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Sekolah pondok dan sekolah agama yang ditadbir oleh YIK mampu menyediakan begitu ramai lulusan pendidikan Islam. Adalah sukar untuk mencari mukim di Kelantan yang tidak ada lulusan Mesir atau lain-lain institusi Pengajian Tinggi Timur Tengah. Manakala di negeri-negeri lain untuk mencari seorang lulusan Mesir bagi satu daerah pun sukar.

- 24.5. Kerajaan PAS Kelantan 1959-1977 dulu mencatat rekod cemerlang dalam pembangunan pendidikan. Kelantan berjaya membina institusi pengajian tinggi Nilam Puri atas biaya kerajaan negeri. Negeri-negeri lain di Malaysia ketika itu tidak mampu untuk mengadakan institusi pengajian tinggi tanpa bantuan kerajaan pusat. Bila Barisan mengambil alih kerajaan Kelantan pusat Pengajian Nilam Puri tinggal nama kerana ia diserahkan kepada Universiti Malaya.
- 24.6. Selama 19 tahun PAS memerintah Kelantan dulu kerajaan PAS mencadangkan setiap lulusan STPM supaya diterima belajar di universiti-universiti dalam dan luar negeri. Justeru itu di setiap kampus bilangan pelajar Kelantan mengatasi angka pelajar dari lain negeri. Hanya satu tahun saja pelajar Selangor mengatasi negeri Kelantan. Langkah ini kerajaan PAS lakukan kerana PAS benar-benar hendak membangunkan rakyat. Bila mereka berjaya, maka mereka akan membangunkan negeri Kelantan dan negara.
- 24.7. Dalam suasana bantuan pendidikan Kelantan melalui Kementerian Pendidikan disekat, atau bantuan tidak dibuat mengikut jadual, peratus peningkatan peperiksaan UPSR dan PMR bagi negeri Kelantan bagi tahun 1993 adalah lebih baik dari peratus peningkatan di peringkat

pusat. Ini bererti pembangunan insan dan rohani berkembang dengan jaya.

- 24.8. Pelaburan dalam bidang pendidikan dan kejayaan yang dicapai setakat ini memberi erti bahawa masa depan negeri itu adalah lebih cerah. Pembangunan yang lebih bererti adalah pembangunan dalam bidang pelajaran. Jika kejayaan pesat dicapai dalam bidang ini, maka dengan sendirinya pembangunan dalam sektor lain ikut meningkat dengan sendirinya.
- 24.9. Pembangunan industri dan pisikal Kelantan tidak boleh dibandingkan dengan Lembah Klang, Senai dan lain-lain kerana faktor geopolitik yang jauh berbeza. Kawasan-kawasan tadi telah dibangunkan dalam serba serbi sejak kedatangan penjajah. Kelantan dibiarkan dalam serba serbi oleh penjajah kerana Kelantan dan Terengganu sejak awal dikenal sebagai lubuk Islam yang amat ketara sejak dari dulu lagi dan tiada hasil besar seperti timah dan lain-lain yang mendorong orang tertumpu ke Kelantan. Selepas Merdeka pun Kelantan dianak tirikan oleh kerajaan pusat pimpinan UMNO. Diskriminasi itu diteruskan oleh kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Pada hari pertama Barisan jatuh di Kelantan rakyat disekat dari mendapat baja subsidi.
- 24.10. UMNO lebih senang menyokong pembangunan di negeri-negeri yang Melayu tidak padat semata-mata negeri tadi menyokong BN, tetapi menghalang pembangunan di negeri yang padat Melayu seperti Kelantan semata-mata kerana rakyat tidak menyokong UMNO. Ini bererti nasionalisma Melayu UMNO tidak tulen. Orang nasionalis akan membantu bangsanya di mana-mana dan dalam keadaan apa saja. Tetapi pseudo nasionalis akan mengeneipkan bangsanya semata-mata kerana kuasa.

24.11. Pemberian grant pembangunan ke negeri-negeri diberi mengikut bilang kepala penduduk. Geran itu agak sedikit diberi kepada Kelantan kerana penduduk Kelantan tidak ramai. Lembah Klang, Lembah Kinta dan lain-lain negeri dapat lebih banyak kerana penduduknya ramai. Cara pemberian geran seperti itu akan memajukan lagi negeri yang sudah maju dan melambatkan kemajuan negeri yang memang pembangunannya sudah tertinggal. Selangor, Perak, Pulau Pinang, Johor yang harga tanah sudah tinggi, hasil pun sudah banyak, dapat pula geran yang lebih besar disebabkan penduduknya ramai sudah tentu kelihatan lebih pesat pembangunannya dari Kelantan yang harga tanahnya rendah, hasil dan cukai tidak banyak, gerannya pula kecil kerana penduduknya kurang. Justeru itu Kelantan seolah-olah kurang membangun.

24.12. Tetapi kerana kerajaan pimpinan PAS Kelantan menumpukan pembangunan pendidikan, maka negeri itu mengeluarkan ramai cerdik pandai hingga anak-anak Kelantan menguasai banyak lapangan ekonomi di seluruh negara. Pusingan wang banyak berlegar di kalangan orang-orang Kelantan dan wang itu dengan sendiri mengalir juga kepada isi rumah penduduk Kelantan. Walaupun Kelantan dilihat kurang membangun secara pisikal, tetapi rakyat Kelantan berduit disebabkan oleh faktor mereka menguasai perniagaan dalam negeri Kelantan dan di luar Kelantan mereka memegang tampuk-tampuk penting ekonomi dan sektor awam.

24.13. Walaupun Kelantan tidak didatangi oleh pelabur gergasi luar, tetapi keadaan ekonomi Kelantan sentiasa stabil kerana ia tidak banyak dipengaruhi oleh spekulasi ekonomi dunia dan persekitaran. Harga rumah, harga barang, perbelanjaan hidup masih rendah dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Oleh itu MHI TV3 tidak pernah menyiarkan harga barang di Pasar Kota Bharu kerana

lazimnya ia lebih murah dibandingkan dengan harga di ibu-ibu negeri lain. Gaji pegawai dan kakitangan kerajaan Kelantan sama dengan gaji rakan-rakan mereka di negeri lain. Kerana harga-harga barang di Kelantan murah, maka kehidupan mereka lebih lumayan dan bahagia dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang sama gaji di negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan kerana semuanya mahal.

24.14. Oleh kerana pembangunan Kelantan diseimbangkan antara ukhrawi dan duniawi dengan sendirinya orang Kelantan akan kurang belanja atas hiburan dan tidak hidup glamour, ia akan diikuti oleh rendahnya kadar jenayah, maka pada jangka panjangnya pembangunan yang disertakan dengan pelaksanaan syariah dalam berbagai bidang, maka rakyat Kelantan mulai menyedut ekonomi yang berkat- suatu yang kelihatan pendapatan kelihatan seolah-olah tidak begitu banyak, tetapi nikmatnya melimpah ruah. Semua keperluan ada, dan rakyat tidak berhutang.

24.15. Manakala negeri lain, kelihatan membangun pesat secara duniawi, kelihatan mewah, tetapi kebanyakan rakyat berhutang - malah hutang terpaksa dipusakai oleh waris-warisan yang ditinggalkan.

25. UMNO kata : tanpa usul periksa mereka (orang Islam) menerima bahawa PAS adalah parti yang berasas dan berjuang untuk agama Islam.

25.1. UMNO nampaknya sangat kecewa bahawa betapa pun usahanya memburuk dan cuba mengelirukan orang ramai mengenai PAS tetapi tetap ramai juga mereka yang menerima baik bahawa PAS adalah parti Islam yang sebenar.

25.2. UMNO nampaknya tidak menghormati pandangan orang ramai yang membuat pandangan positif tentang PAS. UMNO dengan ini tidak percaya rakyat boleh membuat penilaian sendiri. Bila sebahagian dari rakyat menggunakan kebebasan menerima PAS sebagai parti Islam sebenar, maka UMNO menempelak sikap mereka sebagai tidak ada usul periksa.

25.3. Sikap UMNO ini menampakkan bahawa ia tidak bersikap terbuka. Tidak bersedia menerima hakikat betapa rakyat berhak menentukan pilihan dan fahaman politik masing-masing. Sikap sombong ini biasanya ada pada si finatik jumud dan orang yang berfikiran diktakor.

26. UMNO kata : Percubaan untuk kononnya melaksanakan hukum Hudud pun tidak bertujuan untuk mengamalkan Islam.

26.1. Bagaimana UMNO boleh campurtangan dalam niat dan ibadat seseorang Islam lain? Allah tidak memberikan kuasa kepada seseorang untuk menentukan ibadat seseorang itu ibadat atau bukan ibadat. Jika UMNO boleh meneloh hasrat melaksanakan hukum hudud tidak Islam, nanti UMNO boleh juga menuduh orang lain sembahyang dan puasa kerana yang lain dari Islam.

26.2. Apa yang seseorang Islam boleh ingatkan orang Islam yang lain ialah tentang syarat sah dan batal ibadat dan tentang niat ibadat hendaklah kerana Allah. Kemudian bila seseorang itu sudah beribadat terserah kepada Allah untuk menerima sah atau batal ibadatnya.

26.3. Tuduhan yang UMNO buat terhadap PAS dalam pelaksanaan Hudud itu adalah atau niat jahat terhadap PAS. Ia sudah tidak mengira baik dan buruk sesuatu perkara. Apa saja yang PAS buat mesti ditentang tidak kira ia betul

pada Islam atau tidak.

- 26.4. Orang ramai patut berwaspada sikap UMNO seperti ini pasti akan membawa keburukan pada semua jika ia dibiarkan terus berkuasa. Bagi UMNO sekarang buruk atau baik UMNO saja yang betul.

27. UMNO kata : Kemasukan perkatan ISLAM dalam nama PAS telah mengelirukan orang Melayu di Malaysia dan juga orang-orang Islam lain serta orang bukan Islam.

- 27.1. Orang Islam yang sekular memang keliru dengan Islam yang syumul atau Islam sebagai AD-DIN, kerana bagi mereka Islam tidak boleh dicampurkan dengan politik, atau bagi mereka mana ada politik dalam Islam. Bagi mereka memadai Islam itu dengan menunaikan kehendak Rukun Islam yang lima secara kulit dan memadai mengetahui hukum haid dan nifas.
- 27.2. Pihak yang keliru dengan penggunaan kalimah Islam dan wujudnya politik Islam itu antaranya UMNO. Pada peringkat awal UMNO mengira politik Islam tidak sesuai dengan zaman moden, ia hanya untuk zaman unta di padang pasir beberapa ratus tahun dulu.
- 27.3. Kemudian UMNO berkata, politik Islam dan undang-undang Islam tidak sesuai dengan masyarakat majmuk yang berbilang kaum, berbilang budaya dan berbilang agama. Jika dilaksanakan Islam negara akan huru-hara dan miskin.
- 27.4. UMNO kemudian menyebut politik Islam menolak pembangunan.
- 27.5. Tetapi apabila pengaruh PAS bertambah, kian ramai

mereka yang berpendidikan barat yang didedahkan dengan Islam sebagai AD-DIN tertarik dengan politik Islam, dan bagi mereka bahawa sekalipun PAS ada kelemahan tetapi PAS adalah jamaah politik ummat Islam bagi Malaysia.

27.6. UMNO bertambah keliru apabila umat Islam sekarang kian ramai yang menerima bahawa politik Islam tidak terhad untuk zaman unta, sesuai untuk semua masyarakat termasuk masyarakat majmuk, tidak mungkin memundurkan manusia kerana ia adalah agama kemajuan dan agama keamanan. Islam agama pembangunan tetapi membangun bersama Islam.

27.7. UMNO keliru lagi kerana mulai ramai masyarakat Islam di Malaysia termasuk pegawai tinggi kerajaan menerima saranan bahawa penyelesaian semua masalah di Malaysia - sosial, budaya, ekonomi, perkauman dan sebagainya ialah Islam. Dalam konteks ini pihak yang bercakap dan mahu kepada Islam di Malaysia ialah PAS dan yang tahu tentang Islam dan politik Islam adalah PAS. UMNO tidak berani berdebat dengan PAS mengenai Islam, ia tidak berani menyalut pelawaan PAS untuk mengadakan muzakarah dan paling akhir ia membatalkan forum anjuran Pemuda UMNO mengenai politik Islam di setiap negeri apabila PAS menerima jemputannya di Perlis. UMNO merasakan majlis seperti itu negatif baginya.

27.8. Dalam kekeliruan seperti inilah ia mahu nama Islam dalam PAS itu dibuang kononnya mengelirukan orang Islam. Yang keliru ialah Islam UMNO.

28. UMNO kata : Undang-undang jenayah yang dicipta oleh PAS tidak adil dan amat zalim, dan ini tidak seperti yang dikehendaki oleh hukum dan keadilan dalam Islam.

- 28.1. Pandangan rasmi UMNO tidak dibuat atas pengetahuan dan kajian yang cukup. Ia berbau politik dan semata-mata menolaknya kerana ia dibuat oleh PAS. UMNO tergamak menentang sesuatu yang benar dan Islam semata-mata kerana ia dibuat oleh PAS. Dosa dan pahala sudah tidak jadi pertimbangan lagi.
- 28.2. UMNO sepatutnya menerima saranan seminar yang Pusat Islam anjurkan untuk MP UMNO, pegawai-pegawai kerajaan, cerdik pandai Islam, para peguam yang di adakan di hotel terkemuka di ibu kota mengenai Kanun Jenayah Syar'iyah II Kelantan.
- 28.3. Dalam seminar itu Tan Sri Prof. Ahmad Ibrahim dan Dr. Mahmood Saedon, kedua-duanya dari UIA ketika itu telah menyarankan bahawa Kanun Jenayah itu adalah menepati hukum syarak kerana rujukan dan sebagainya adalah diambil dari sumber hukum syarak.
- 28.4. Seminar itu pada keseluruhannya tidak menolak kanun itu sebagai hukum syarak. Jika seminar itu berpendapat sebaliknya, maka sudah tentu media massa riuh rendah melaporkannya.
- 28.5. UMNO sepatutnya merujuk juga pada satu buletin rasmi Parlimen yang memuatkan kertas Prof. Dr. Mahmood Saedon b Awang Othman mengenai Kanun Jenayah Syar'iyah II Kelantan. Maka ia menyebutkan bahawa kanun itu adalah bertepatan dengan hukum syarak kerana kandungan dan rujukannya adalah dari sumber syarak. Parlimen adalah badan perundangan mulia dan kakitangannya bebas dari prasangka politik. Ia tidak dipaksa oleh sesiapa dan tidak mungkin diperdaya oleh sesiapa. Ia menghasilkan keputusan itu.

28.6. UMNO sepatutnya malu dan menghormati dengan Majlis Peguam yang telah membuat kajian khas atas kanun itu dan mendapati bahawa ia adalah bertepatan dengan perundangan Islam.

28.7. Jelaslah UMNO sengaja mahu menegakkan benang basah dan cuba meracuni pemikiran orang ramai. Perbuatan ini patut dikutuk keras kerana ia boleh memesongkan dan menyesatkan orang ramai.

29. UMNO kata : Ahli-ahli PAS, seperti juga orang Melayu lain, ingin melihat orang Melayu kudung tangan, kudung kaki dan dipancung sedangkan orang bukan Islam terselamat walau apa pun jenayah yang dilakukan oleh mereka.

29.1. Lagi banyak UMNO bercakap tentang hudud, lagi banyak orang tahu UMNO jahil tentang perkara itu. Lagi banyak UMNO bercakap tentang Kanun Jenayah Syariyyah II Kelantan, lagi orang tahu UMNO tidak tahu apa-apa tentang kanun dan undang-undang itu, lagi orang tahu yang ia benar-benar menentang hudud.

29.2. Keterangan di atas adalah bukti ia tidak faham segala-segalanya dan ia juga bukti UMNO memperleceh ketentuan Allah terhadap hukum atas kesalahan hudud. Walaupun tujuannya untuk memburukkan PAS, tetapi ia tidak sedar perbuatan itu sekaligus menghina peraturan Allah.

29.3. Tidak ada dimana-mana dalam usaha PAS itu membebaskan orang bukan Islam yang tidak mahu di adili dibawah kanun itu terlepas dari sebarang hukuman. Mereka tetap ditikantikan hukuman jika bersalah dan mereka tetap dikenakan hukuman jika bersalah. Mereka tetap dikenakan hukuman jika bersalah dan mereka tetap dikenakan hukuman jika bersalah.

di akhirat. Tetapi seorang yang dihukum di bawah undang-undang Islam, terlepas dari dihukum lagi di akhirat.

- 29.4. Keputusan memberi hak kepada bukan Islam membuat pilihan adalah satu ijtihad oleh para pemimpin ulama kita, ia juga satu keputusan mengikut kaedah siasah syariyyah. Lebih dari itu ia dimaktubkan oleh undang-undang hudud Sudan yang sudahpun berjaya dilaksanakan. Antara ulama Sudan yang terkenal yang bersama menggubal undang-undang di Negara Islam Sudan itu ialah Hassan Tarubi yang pandangannya dihormati di seluruh dunia Islam termasuk para pemimpin ABIM.

30. UMNO kata : Politik dalam Islam memang tidak boleh dipisahkan daripada agama. Tetapi politik yang dimaksudkan ialah politik antara orang Islam dan bukan Islam, antara negara Islam dengan Negara bukan Islam, antara kepentingan Islam dengan kepentingan bukan Islam, politik antara orang Islam tidak boleh dikaitkan dengan agama.

- 30.1. Pendapat ini adalah pandangan rasmi UMNO. Ia sangat bercelaru, kusut dan saling bercangah.
- 30.2. Pandangan ini mencerminkan UMNO tidak faham dan tidak jelas dengan konsep dan takrif politik dalam Islam dan ia juga tidak faham Islam. Malah konsep politik biasa pun ia kurang jelas.
- 30.3. Hal-hal yang mengelirukan ini adalah bukti jelas bahawa tokoh-tokoh agama dalam UMNO tidak berperanan. Ia gagal untuk menjelaskan kedudukan politik dalam Islam hingga tergamak UMNO menyarankan bahawa "politik antara orang Islam tidak boleh dikaitkan dengan agama."

Ini pandangan sikular. Sekular bertentangan dengan Islam.

30.4. Ia menggambarkan pemikiran yang bercampur aduk. Bila orang bercakap Islam, iapun bercakap sama tentang Islam. Bila orang tidak bercakap tentang Islam, maka ia lupa tentang Islam. Padanya bercampur antara Islam, sekular yang memisahkan politik dengan Islam, nasionalisma dan sebagainya.

30.5. Di hadapan orang Islam ia bercakap tentang Islam. Bila berhadapan dengan orang bukan Islam, ia menyebut Islam tidak sesuai dengan masyarakat majmuk.

31. UMNO kata: Sejak cadangan dibuat oleh UMNO supaya PAS mengugurkan perkataan Islam daripada nama partinya, pemimpin PAS, seperti diduga, telah mempolitikkan isu itu.

31.1. Siapa kata UMNO tidak mempolitikkan isu itu, bila ia mencadangkan kalimah Islam itu digugurkan. Siapakah yang percaya UMNO tidak berpolitik? UMNO ingat orang lain bodoh sangat. UMNO boleh bodohkan orang KEMAS tetapi tidak boleh memperbodohkan mereka pada semua masa. Apatah lagi untuk membodohkan orang lain. Jika UMNO tidak mempolitik perkara ini, maka sebagai badan politik, ini adalah tanda-tanda ia sudah tenat atau haru-biru.

31.2. Sebagai badan dakwah, PAS adalah juga badan politik. Maka ia sudah tentu mengambil langkah - langkah politik apabila ada parti politik dan orang politik yang mencabarnya. Bodohlah PAS kalau ia tidak menggunakan semua saluran politik yang ada apabila ia diancam. PAS bukan seperti UMNO ikut saja apa yang MCA dan MIC suruh.

- 31.3. Suatu yang nyata PAS tidak menggunakan polis dan sebagainya dalam membela dirinya. Ia menggunakan semua tenaga dan hujah yang ada padanya, dan semua saluran yang wajar untuk menghadapi sepak terajang jahat UMNO itu.
- 31.4. Bagi PAS, UMNO sudah terlalu keliru dan sudah hilang pedoman. Kiranya ia siuman ia tidak tergamak membuang kalimah Islam daripada PAS. Kerana implikasinya tidak kecil. Walaupun UMNO beria-ia benar mengaku tidak berhajat untuk membuang Islam, tetapi kononnya sekadar membuang kalimah Islam, tetapi UMNO ada rekod membuang segala kalimah mulia daripada PAS seperti kalimah "ALLAH" dan "MUHAMMAD" dari bendera PAS. Ia pernah membuang lambang bulan bintang yang pernah PAS gunakan. Siapa dapat menjamin UMNO hanya sekadar mahu membuang kalimah Islam saja? Bukan mustahil UMNO lepas ini akan pergi lebih jauh. Pihak yang mulai hilang pedoman dan pertimbangan akan melakukan apa saja. Atas alasan inilah maka PAS yakin UMNO akan membuang lebih daripada apa yang ia cuba buang sekarang. Mengetahui UMNO adalah badan politik duniawi, maka tidak ada apa-apa yang mustahil. Tambahan pula akhir-akhir ini UMNO memuja Mustafa Kamal Attartuk.
- 31.5. Dalam era Eropah Timur dikuasa Komunis, orang Islam di Bulgaria dan lain-lain diharamkan menggunakan nama Islam. Sesiapa memakai nama Islam adalah satu kesalahan. Sekarang sesudah Komunis berkubur, orang Islam Eropah Timur boleh memakai nama Islam semula. Apakah UMNO mahu memulakan era yang sudah ditolak oleh orang Eropah Timur itu?
- 31.6. Alasan UMNO supaya kalimah Islam itu digugurkan ialah

kerana PAS tidak benar-benar Islam. Alasan ini bukan sekadar dangkal tetapi palsu. Adakah kerana ia ada kelemahan maka ia tidak layak menggunakan nama baik itu? UMNO patut sedar di kalangan umat Islam ramai yang menggunakan nama Abdul Rahman, Abdul Rahim, Abdul Hamid, Abdul Karim dan lain-lain. Antara orang yang memakai nama Asma Al Husna itu ramai yang minum arak, ramai yang berzina, berjudi, menipu dan sebagainya. Apakah UMNO fikir bahawa nama-nama mereka mesti diubah kerana ia tidak sesuai? Atau mengambil langkah membawa mereka ke jalan yang benar?

- 31.7. PAS tidak berhajat untuk mengajar UMNO, tetapi sekadar mengajaknya supaya celik, berfikiran terbuka dan balik ke pangkal jalan.

32. UMNO kata : Di waktu PAS dipimpin oleh Dr. Burhanuddin dan Prof. Zulkifli Mohamad, PAS lebih merupakan parti yang mirip kiri kerana pemimpin PAS berkenaan terdiri daripada orang yang berfahaman sosialis.

- 32.1. Ini adalah satu lagi fitnah UMNO terhadap PAS. UMNO tidak membuat kajian teliti tentang kedua-dua tokoh PAS itu. Justeru itu, saranan tentang PAS mirip kiri tidak tepat dan meleset.
- 32.2. Adalah benar Dr. Burhanuddin terlibat dan berkawan dengan orang-orang kiri dan sosialis semasa mudanya. Tetapi selama-lamanya dia dikenali sebagai tokoh agama yang berpegang kepada prinsip Islam. Dia diketahui sebagai seorang ahli sufi. Sebagai ahli sufi yang berpolitik, dia adalah orang yang paling lincih. Kerana latar belakang Islam dan sikap beragamanya itulah maka dia digulingkan oleh kumpulan kiri dari menerajui PKMM. Dia dijadikan penasihat PKMM saja hingga parti itu diharamkan. Bila

Parti Rakyat Malaya ditubuhkan dia tidak menjadi ketua umumnya. Tempat yang sesuai baginya ialah dalam PAS. Disitulah beliau menjadi pemimpin hingga akhir hayatnya dan dia didapati istiqamah.

32.3. Manakala Prof. Zulifkli Mohammad pula tidak pernah ada rekod kiri dan sosialis. Tulisan dan ucapannya termasuk di Parlimen adalah bukti dia tidak seperti yang UMNO kata. Baginya sosialis dan nasionalis yang UMNO pakai adalah ideologi ciptaan manusia yang penuh dengan kekurangan.

32.4. Bukti PAS zaman itu atau bila-bila masa pun mirip kiri atau sosialis tidak dapat dibuktikan, tetapi yang terbukti sangat disenangi oleh orang kiri dan komunis ialah para pemimpin UMNO sendiri. Tun Abdul Razak dan Dr. Mahathir adalah antara tokoh UMNO yang orang kiri berjaya dekati dan mereka berada di tengah-tengah sarang feudal dalam UMNO. Itulah sebab beberapa orang pemimpin UMNO dan pegawai politik di sekeliling mereka pernah ditahan di bawah ISA kerana dipercayai terlibat dengan komunis.

33. UNMO kata: Dalam pilihanraya 1955 PAS dipimpin oleh Dr. Burhanuddin, dan pilihanraya 1959 PAS dipimpin oleh Dato' Asri.

33.1. Ternyata UMNO tidak cermat dengan sejarah hingga tidak dapat memberikan fakta yang betul. Salah fakta sejarah yang mudah ini boleh memberikan saranan yang salah. Ini juga satu penyelewengan akademik.

33.2. Dr. Burhanuddin belum memimpin PAS dalam pilihanraya 1955. Ketika itu PAS dibawah pimpinan Dr Abbas Alias. Dr. Burhanuddin mula menjadi Yang Di

Pertua Agong PAS tahun 1956.

- 33.3. Dato' Asri Haji Muda bukan pemimpin PAS dalam pilihanraya 1959. Pemimpin ketika itu ialah Dr. Burhanuddin. Dato' Asri menjadi pemimpin PAS setelah Dr. Burhanuddin meninggal dunia tahun 1970.

34. UMNO kata : PAS menang di Terengganu dan Kelantan tahun 1959 atas strategi kafir mengkafir. Strategi menakutkan orang Melayu digunakan lagi tahun 1964.

- 34.1. PAS menang di Terengganu dan Kelantan ialah kerana kesedaran orang Islam betapa perlunya ditegakkan pemerintah Islam sebagai benteng menyelamatkan orang Islam. Rakyat di kedua negeri telah melihat hasil pemerintahan Perikatan semenjak tahun 1955 betapa banyak kawasan majoriti Melayu di seluruh negara menjadi kawasan minoriti dalam tahun 1959.

- 34.2. UMNO menjadikan strategi untuk meramaikan undi bukan Islam sebagai mengelakkan kawasan itu ditawan oleh PAS.

- 34.3. UMNO tidak sempat memecahkan kepadatan kawasan pengundi Melayu di Terengganu dan Kelantan ketika itu disebabkan tidak ada sebab jelas untuk membawa orang yang bukan Islam ke negeri itu secara mendadak. Terbukti strategi UMNO mengurangkan peratus undi Melayu berjaya mengalahkan PAS, tetapi kerana peratus itu tidak dapat dikurangkan di Kelantan dan Terengganu, maka PAS menang.

- 34.4. UMNO yang mengaku nasionalis tergamak mengundi orang bukan Islam semata-mata untuk melihat PAS yang seagama dan seketurunan dengannya kalah.

- 34.5. Orang Kelantan dan Terengganu mengundi PAS dalam tahun 1959 kerana bimbang bahawa politik UMNO akan menimbulkan masalah ketuanan orang Islam di negara ini dalam jangka panjang.
- 34.6. Dalam pilihanraya tahun 1964 UMNO sebenarnya menggunakan strategi menakutkan rakyat atas isu konfrantasi Indonesia. UMNO menakutkan rakyat kononnya PAS menjadi agen Indonesia. Ramai pemimpin pembangkang termasuk PAS ditahan di bawah ISA atas fitnah kononnya PAS bersubahat dengan Indonesia. Isu kafir mengkafir tidak besar dalam pilihanraya itu.

35. UMNO kata : PAS bekerjasama dengan PPP pimpinan D.R Seenivasegam di Perak tahun 1969 dengan syarat PAS diberi jadi Menteri Besar.

- 35.1. PAS sendiri tidak sedar bila kerjasama itu dibuat, tetapi inilah taktik UMNO disetiap kali ada pilihanraya. Sebelum DAP ditubuhkan, UMNO kata PAS bekerjasama dengan PPP, selepas DAP ditubuhkan UMNO kata PAS bekerjasama dengan DAP. Sekarang UMNO kata PAS bekerjasama dengan penjajah Inggeris pula. Masya Allah!
- 35.2. UMNO tahu perjuangan PAS tidak mungkin boleh bekerjasama dengan mana parti politik duniawi. Tetapi dengan fitnah itu UMNO yang menguasai media massa dapat menakutkan orang Melayu yang tidak memahami masalah politik tentang PAS.
- 35.3. Isu PAS mahu menjadi Menteri Besar Perak tidak berbangkit. Ia sengaja diada-adakan untuk memperli PAS.

36. UMNO kata : Dalam pilihanraya 1974, PAS bekerjasama dengan UMNO kerana PAS menjadi kerabat B.N

- 36.1. Penyertaan PAS dalam kerjasama dengan UMNO dalam mewujudkan Barisan Nasional melalui pilihanraya 1974 adalah satu pengalaman politik yang ada suka dukanya.
- 36.2. Penyertaan itu tidak dibuat oleh pimpinan PAS saja, tetapi diputuskan melalui banyak perbincangan dikalangan ahli yang akhirnya diputuskan melalui suara majoriti di Muktamar. Berbeza dengan UMNO yang hanya diputuskan oleh beberapa kerat pemimpinnya saja. PAS membuat keputusan melalui pendapat dan persetujuan ahli-ahli tetapi ahli-ahli UMNO tidak berperanan dalam membuat keputusan.
- 36.3. Bagi PAS ia satu usaha dan pengorbanan untuk mengatasi kemelut politik yang ketika itu dirasakan oleh masyarakat seluruhnya betapa malangnya umat Islam di Malaysia hingga terpaksa berbalah dalam dua buah parti politik yang saling bertentangan iaitu PAS dan UMNO. PAS peka dengan pandangan masyarakat itu, lalu menyetujui satu gerakan kerjasama politik kiranya ianya boleh mendatangkan manfaat kepada Islam yang PAS perjuangkan, yang sekaligus mengatasi perbezaan antara kedua kumpulan itu.
- 36.4. Percubaan itu memaksa PAS berkongsi kuasa di Kelantan walaupun PAS diberi sedikit ruang bersuara dan bergerak di negeri lain. Kerjasama ini juga menyebabkan PAS terpaksa menghadkan suara dan gerak perjuangannya, kerana kerjasama terpaksa meraikan kehendak dan dasar regu kerjasama itu. PAS juga terpaksa hilang setengah ahli dan orang-orang parti yang berjasa kepada parti tetapi tidak setuju dengan kerjasama itu.

- 36.5. Lebih dari itu, PAS dapat membuktikan bahawa ia adalah matang. Ia boleh kerjasama dengan mana-mana pihak bila kena kira bicaranya dan tidak akan bermuafakat bila ianya tidak dapat diterima. Ia adalah bukti PAS bukan jumud, bukan tidak boleh diajak berunding dan bukan pihak yang tidak boleh diajak berkira. Ia adalah contoh sikap keterbukaan PAS sebagai wadah politik yang lincah dan berprinsip.
- 36.6. Tetapi muafakat itu tidak dapat dihargai oleh UMNO. UMNO tidak ikhlas. UMNO tidak sedia menyelesaikan masalah yang berbangkit dalam kerjasama itu melalui perundingan, tetapi pemimpin UMNO membuat keputusan sebelah pihak untuk menyingkir PAS.
- 36.7. UMNO campurtangan atas urusan dalam rumah tangga PAS, menggunakan senjata yang dipelajari dari British iaitu pecah perintah - dengan melagakan pemimpin PAS dan kemudian memberi kata dua : PAS ikut semua yang UMNO pinta atau terkeluar dari BN.
- 36.8. Kata dua itu ialah menerima Menteri Besar yang UMNO mahu dan menerima usul memagerankan Kelantan yang UMNO cadang.
- 36.9. Akhirnya muafakat atau gencatan politik yang dinikmati dalam pilihanraya 1974 itu berakhir dengan kesimpulan UMNO tidak boleh dapat menjadi regu yang ikhlas. Ia berjiwa kecil dan pendiriannya tertutup, ia tidak benar-benar mahu menyatakan orang Islam di bawah satu muafakat. Ia lebih suka dan rela melihat umat Islam atau Melayu berada dalam suasana yang ada iaitu berpecah-pecah.
- 36.10. Jika sikap dan pendapat PAS lain semasa sebelum BN dan berbeza semasa dalam BN dan lain balik selepas itu tidak

berbangkit. Ia adalah hal biasa bila ada gencatan politik, bila gencatan dicabuli, maka gencatan tidak berdaulat lagi : UMNOlah yang mencabuli gencatan itu.

37. UMNO kata : PAS menggunakan peluang yang terdapat semasa dalam BN untuk menguatkan pengaruhnya, terutama di kalangan peneroka Felda dan penduduk luar bandar yang lain yang mana semuanya diletakkan di bawah Menteri PAS.

37.1. UMNO sepatutnya sudah menduga apa yang PAS akan perolehi dari muafakat itu dan apa pula kerugiannya, samalah dengan apa manfaat yang UMNO boleh perolehi dan apa ruginya dengan kerjasama itu. Dengan semua perhitungan itulah sepatutnya ia bersetuju untuk mengadakan muafakat. Sepatutnya UMNO mestilah bersikap terbuka, tidak boleh memandang dari sudut orang PAS ramai masuk Felda saja. Apakah ertinya secebis tanah di Felda itu dibandingkan dengan matlamat politik bersama yang lebih jauh kiranya UMNO ikhlas dan berwawasan?

37.2. Apakah UMNO fikir orang MCA tidak rebut apa-apa di bawah kementerian yang MCA pegang dan MIC tidak buat apa-apa bila MIC pegang Kementerian. Secara logik, ia bukan soal prinsip, tetapi ialah perkara remeh dan kecil yang boleh dibincang dalam perundingan. Jangan UMNO fikir, UMNO duduk saja macam tanggul di Kelantan bila ia jadi ahli exco di bawah kerajaan pimpinan PAS. Tetapi itu semua PAS tidak patut hebohkan kerana kita ada masalah Ummah yang lebih besar yang patut ditangani bersama.

37.3. Jika dengan muafakat itu UMNO mahu PAS mesti berhenti bergerak, memadai dengan kedudukan yang ada, jangan buat apa-apa, maka itu adalah suatu sikap yang sangat dhaif

dan beku.

- 37.4. Terbukti dari kenyataan rasmi UMNO ini, UMNO mengadakan muafakat dulu semata-mata untuk mengekalkan kuasa, bukan untuk muafakat perpaduan dan pembangunan ummah. Ia mahu memperdaya PAS.

38. UMNO kata : Pendirian UMNO terhadap PAS berubah dan ramai ahli dan pemimpin UMNO berpendapat bahawa PAS harus disingkir daripada Barisan Nasional.

- 38.1. Pendirian UMNO sebenarnya tidak berubah. Sikapnya mengajak PAS masuk muafakat adalah untuk merangkap PAS supaya ia dapat menguasai Kelantan. Bila terasa peluang itu sudah terbuka, maka UMNO menunjukkan belangnya yang asal. UMNO memang tidak ikhlas dari mula.

39. UMNO kata: Pergolakan politik di Kelantan menyebabkan darurat diistiharkan dan sebuah kerajaan darurat dibentuk dengan seorang pegawai tinggi kerajaan pusat dilantik sebagai Ketua Pentadbir. Apabila darurat ditamatkan dan pilihanraya diadakan, PAS telah kalah dalam pilihanraya ini, buat pertama kali sejak tahun 1959 UMNO kembali berkuasa di Kelantan.

- 39.1. Pergolakan politik di Kelantan adalah tajaan UMNO dengan bantuan agensi-agensi kerajaan pusat yang bersangkutan. Biasanya pasukan keselamatan Malaysia mampu menghadapi sebarang pergolakan berupa demonstrasi dan rusuhan. Entah mengapa ia tidak berupaya menyuraikan apa yang dikatakan kebangkitan. Ia ada hubungannya dengan permainan kerajaan pusat dan UMNO yang menajanya. Dengan pergolakan itu menghalalkan Parlimen mengistiharkan darurat di

Kelantan. Itulah saja cara UMNO boleh berkuasa di Kelantan.

- 39.2. Dengan Kelantan ditadbir oleh Pegawai Kerajaan Pusat, maka UMNO bebas mengadakan kegiatan atau UMNO sendiri berperanan dalam kerajaan sementara itu. Dengan kawalan itu UMNO mudah menggunakan kelengkapan kerajaan negeri untuk menghadapi pilihanraya.
- 39.3. Ketika darurat diistiharkan PAS masih mempunyai majoriti yang cukup dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Tetapi pengaruh dan kuasa Kerajaan Pusat menghalang PAS membentuk kerajaan.
- 39.4. UMNO memang belum ada sejarah merampas kerajaan negeri yang dikuasai pembangkang melalui pilihanraya. Tetapi kerajaan-kerajaan itu telah diambil alih melalui strategi politik yang kotor.
- 39.5. Ia mengambil semula kuasa di Terengganu dari PAS melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri.
- 39.6. Ia mengambil alih kuasa dari Gerakan di Pulau Pinang melalui perpecahan Parti Gerakan. Setengah ADUN Gerakan bekerjasama dengan UMNO lalu membentuk kerajaan BN.
- 39.7. Ia berkuasa semula di Kelantan ialah melalui undang-undang darurat yang diluluskan oleh Parlimen.
- 39.8. Paling akhir UMNO berkuasa di Sabah bukan kerana ia menang dalam pilihanraya tetapi ia membeli ADUN PBS.
- 39.9. Oleh itu beberapa percubaan UMNO bagi mencetuskan kekacauan pernah dirancang di Kelantan selepas tahun 1990, kerana itu saja cara ia boleh berkuasa semula. Semua

percubaan itu gagal. Kekecewaan UMNO untuk berkuasa melalui pilihanraya dapat dilihat apabila Dr. Mahathir menyuarakan kesediaannya untuk berkongsi kuasa di Kelantan selepas pilihanraya akan datang. Ini bererti UMNO sudah mengaku kalah sebelum pilihanraya diadakan.

40. UMNO kata: Jika UMNO dianggap kafir oleh PAS maka Semangat 46 juga patut dianggap kafir olehnya.

- 40.1. UMNO tidak puas-puas dan tidak serik berkata PAS kata UMNO kafir. Maka tidak cukup dengan itu, UMNO sekarang mahu supaya PAS kata Semangat 46 kafir pula.
- 40.2. Apa perlunya UMNO suruh PAS kata Semangat 46 kafir? Mengapa UMNO tidak kata sendiri?

41. UMNO kata: PAS menjadi punca perpecahan orang Melayu sejak dari awal

- 41.1. Dakwaan UMNO itu tidak berasas. Sejak mula UMNO ditubuhkan, orang Melayu telah terbahagi kepada dua kumpulan natijah daripada penubuhan UMNO. Orang Melayu yang mulanya ada PKMM sahaja telah terbahagi kepada PKMM dan UMNO. Atas tipudaya UMNO yang lincah dengan British, maka British telah mengharamkan PKMM dan menahan pemimpin-pemimpinnya. Sedangkan UMNO dan pemimpin-pemimpinnya dibenarkan bergerak bebas.
- 41.2. PAS yang ditubuhkan dalam tahun 1951 tidak menjadi saingan UMNO. Sebaliknya yang menjadi saingan UMNO ialah Parti Negara pimpinan Dato' Onn. Regu Parti Negara di Perak ialah NAP pimpinan Dato' Panglima Bukit

Gantang. Parti Negara dan NAP telah meletakan calon dalam pilihanraya 1955 dalam sekitar 40 kawasan. Betapa kecilnya PAS ketika itu dapat dilihat dari penyertaannya dalam pilihanraya 1955, iaitu hanya dalam 11 kawasan, dibandingkan dengan Perikatan 52 orang dan Parti Negara bersama NAP lebih 40 kawasan.

- 41.3. Manakala dalam pilihanraya 1959 pula PAS bukanlah saingan UMNO yang tepat. Ia masih parti yang kecil. Manakala Parti Negara pula menjadi parti kecil, sementara NAP pula mati. Ketika itu juga Parti Rakyat Malaya pimpinan Ahmad Boestamam muncul sebagai satu tenaga baru yang bergabung dengan Parti Buruh. Di kalangan parti-parti kecil, PAS dikira sebagai parti yang agak besar sedikit kerana ia berjaya menguasai Kelantan dan Terengganu dalam pilihanraya umum tahun 1959 itu, tapi Parti Rakyat yang bergabung dengan Parti Buruh dalam Front Sosialis menguasai beberapa bandar seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka.
- 41.4. Pemergian Dato' Onn telah mematikan Parti Negara. Tapi perkembangan itu tidak menguatkan PAS. Pemimpin-pemimpin Parti Negara seperti Nik Ahmad Kamil, Kapten Hussein Onn dan lain-lain menyertai UMNO. Parti Rakyat mengalami kemerosotan. Maka dengan ini PAS terus bertahan dan terus mendapat sokongan umat Islam. Sambutan terhadap PAS kian meluas dari orang bersekolah pondok dan pendidikan agama pada asalnya, kepada orang berpendidikan akademik biasa. Lulusan sekolah Inggeris, siswazah universiti biasa dan golongan profesional yang mengikuti perkembangan Islam serta menyedari bahawa UMNO tidak serius dengan persoalan Islam mulai menyertai PAS dalam tahun 60-an hingga ia tidak lagi menjadi Parti Pak Lebai dan orang lulusan pondok sahaja.

41.5. UMNO berusaha memecahkan perpaduan itu dengan menggalakkan penajaan parti yang berlandaskan Islam seperti Berjasa, HAMIM dan ketika yang sama menggalakkan badan-badan dakwah menjauhkan politik atas berbagai alasan. Akan tetapi PAS tetap menjadi pilihan para pejuang Islam. Sesudah melihat PAS tidak dapat dilumpuhkan dan jauh sekali dari mematikannya, maka timbullah idea baru dari UMNO kononnya PAS digalakkan oleh Inggeris dan ia memecahkan perpaduan orang Islam dan sebagainya. Sebenarnya segala tohmah yang UMNO buat hanyalah helahnya untuk mengekalkan kuasa.

41.6. Perpecahan di kalangan orang Islam ialah kerana ada di kalangan orang Islam menolak politik Islam. Sebaliknya mengekalkan ajaran sekular yang diperkenalkan oleh penjajah dan mereka mengamalkan politik diskriminasi, iaitu hanya orang UMNO sahaja diberi keutamaan dalam semua perkara manakala yang bukan Umno seperti PAS dilayan sebagai rakyat atau ummah kelas dua. Di situlah letaknya punca perpecahan.

42. UMNO kata: Pada mulanya perpaduan di kalangan orang Melayu adalah padat dan tumpat

42.1. Latar belakang kenyataan Umno yang demikian adalah usaha UMNO kononya orang Melayu atau Islam berpecah sesudah tertubuhnya PAS dalam tahun 1951. Dakwaan ini sebenarnya gimik politik murahan UMNO semata-mata.

42.2. PAS bukan parti politik pertama orang Melayu ditubuhkan selepas adanya UMNO dan UMNO pula bukan pertubuhan pertama bagi orang Melayu di Tanah Melayu.

- 42.3. Pertubuhan Melayu yang pertama ialah Kesatuan Melayu Muda yang kemudiannya dijelmakan kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Jika UMNO bercakap orang Melayu patut ada satu parti, maka mengapa UMNO diwujudkan setelah ada PKMM? Soal berbeda pandangan tidak sepatutnya UMNO bangkitkan kerana soal utama UMNO ialah orang Melayu mesti berada di bawah satu parti sahaja. Kalau PKMM tidak menjadikan Malayan Union sebagai isu penting, logiknya ia bukan alasan memecahkan orang Melayu dalam parti lain. Kalau semua orang Melayu masuk PKMM, bukan sekadar Malayan Union boleh dilawan, tapi semua masalah rumahtangga parti itu termasuk anasir komunis, boleh ditangani bersama oleh ahli-ahlinya. Justeru itu kalau orang Melayu ada lebih dari satu parti dikatakan sebagai perpecahan orang Melayu, maka pihak yang pertama memecahkan perpaduan orang Melayu ialah UMNO. Mengapa ia tidak masuk PKMM seperti yang dilakukan oleh Ghafar Baba, Ibrahim Fikri dan lain-lain?
- 42.4. Di samping UMNO dan PAS sebelum merdeka terdapat juga pertubuhan politik seperti IMP pimpinan Dato' Onn yang kemudian menjadi Parti Negara dan PMS (Persatuan Melayu Semenanjung) yang menyertai pilihan raya 1955.
- 42.5. Kemunculan PAS pada tahun 1951 dan putus hubungan dengan UMNO pada tahun 1953 adalah untuk memenuhi tuntutan orang Islam yang tidak diperjuangkan oleh UMNO atau perjuangan UMNO tidak menyelerakan mereka. Keadaannya sama seperti UMNO tidak berselera dengan PKMM atau kerana kemahuan UMNO tidak diperjuangkan oleh PKMM. Kalau UMNO kata PAS memecahkan orang Melayu, maka UMNO melakukannya dulu.
- 42.6. Tetapi mengikut pendapat Tunku Abdul Rahman bahawa

adanya berbagai-bagai pertubuhan politik bagi sesuatu bangsa bukanlah ia tanda atau punca perpecahan. Sebaliknya ia memenuhi ciri-ciri yang menggalakkan persaingan sihat.

43. UMNO kata: Pemimpin-pemimpin yang semata-mata berjuang atas nama Islam sebelum merdeka tidak ada. Yang berpelajaran agamapun berjuang atas nama bangsa Melayu.

43.1. Mungkin yang dimaksudkan oleh UMNO itu ialah suasana yang ada dalam UMNO. Memang benar yang menyertai UMNO adalah mereka yang berjuang atas nama Melayu termasuklah yang berpelajaran agama. Hingga hari inipun masih ada yang berpelajaran tinggi agama tidak berjuang atas nama Islam. Lulusan Al-Azhar yang ada dalam Majlis Tertinggi UMNO tidak langsung memikirkan bahawa syari'at Islam adalah wajar menggantikan undang-undang barat. Malah yang pernah bergerak cergas dalam pimpinan gerakan Islam, apabila menyertai UMNO, duduk di kaki lima UMNO saja, baik yang masuk dalam tahun 60-an mahupun tahun 80-an.

43.2. Bagaimanapun orang yang berjuang atas nama Islam memang ada, tetapi di luar UMNO. Ustaz Abu Bakar Al-Baqir adalah contohnya. Hj. Abdullah Pahim, Syaikh Zubir dan lain-lain adalah antara mereka yang terkenal. Mungkin juga UMNO tidak kenal sejarah siapa Syed Sheikh al Hadi dan Sheikh Tahir Jalaludin?

43.3. Sekalipun bentuk perjuangan Islam antara mereka ketika itu bercampur aduk dengan isu bersifat bangsa misalnya, adalah difahami kerana ketika itu tahap kesedaran politik dan kesedaran Islam agak terbatas dan rendah. Tetapi yang jelas bahawa antara mereka sudah pernah memikirkan untuk menjadikan Islam sebagai landasan perjuangan. Pengalaman, peningkatan fahaman dan ilmu

menjadikan perjuangan bertambah matang. Akhirnya mereka berada pada landasan Islam yang tepat.

- 43.4. Jika pun ada yang mahukan perjuangan Islam menyertai UMNO untuk bergerak dari dalam kononnya, akhirnya mendapati mereka tersepit dan tenggelam dalam arus politik dunia UMNO.

44. UMNO kata: PAS ditubuhkan atas kehendak British.

- 44.1 Tuduhan tidak berasas dan tidak masuk akal ini adalah sama dengan tohmahan UMNO tahun 1959 dulu bahawa PAS sudah difitnahkan bekerjasama dengan PPP, DAP dan PBS. Sekarang PAS dikaitkan pula dengan British. Adalah diyakini tidak ada pengkaji sejarah percaya dengan cakap-cakap bodoh UMNO ini.
- 44.2 Bukti-bukti yang ada ialah UMNO bersubahat dan menjadi alat British.
- 44.3 Dato' Onn adalah D.O Batu Pahat sebelum mengasaskan UMNO. British tidak akan menerima seorang pejuang kemerdekaan untuk menjadi pegawai dalam kerajaan yang di takluki British.
- 44.4 Walaupun Dato' Onn terlonjak sebagai tokoh politik menentang Malayan Union, tetapi mengapa sebelum itu dia tidak menyertai PKMM yang diwujudkan untuk menuntut kemerdekaan? Dia kekal juga sebagai D.O.
- 44.5 Pembesar-pembesar Johor seperti Dato Abdul Rahman Jassin dan anak-anaknya Dr Ismail, Sulaiman, menantunya Dr Hussein Awang Serta Haji Hassan Yunus dan lain-lain kecewa dengan sikap Sultan Johor menandatangani perjanjian Malayan Union. Ia dikira satu Langkah menyerahkan Johor kepada Inggeris.

- 44.6 Atas persetujuan Dato Onn, pemuka-pemuka Johor itu bertemu di Masjid Abu Bakar Johor Bharu bagi membincangkan kedudukan Sultan Johor dan kemungkinan baginda akan digantikan. Dato Onn setuju datang sama tetapi lewat kerana beliau tinggal di Batu Pahat. Bila beliau tiba majlis itu gembira mengalu-alukannya dan minta beliau berucap. Apa yang mengecewakan mereka, Dato Onn telah mengkritik perjumpaan itu dan mengira perbuatan itu boleh ditafirkan menderhaka kepada Sultan. Pertemuan itu berakhir dengan kegagalan. Bila Dato Onn membentuk UMNO, mereka tidak ikut serta. Mereka hanya menyertai UMNO setelah Dato Onn berundur.
- 44.7 Ada pandangan menyebut, bahawa Dato Onn mengubah sikap kerana telah dihubungi oleh Penasihat British Johor. Ramai yang percaya, atas sikap itulah maka British melantiknya sebagai Menteri Besar Johor.
- 44.8 Apabila British membuat dasar bahawa Kemerdekaan Tanah Melayu akan dipersetujui jika semua kaum menuntutnya, maka Dato Onn berusaha membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu. Bila UMNO menolak cadangan itu, beliau pun meninggalkan UMNO dan meruntuhkan IMP tetapi tidak mendapat sambutan.
- 44.9 Keupayaan Dato Onn menggagalkan usaha rakyat Johor menggulingkan Sultan Johor memperlihatkan bakatnya dalam kepimpinan dan politik. Kegiatan beliau seterusnya ialah menggembeling tenaga menentang Malayan Union dan menubuhkan UMNO. Usahnya tidak dihalang British. Malah kegiatannya pula telah mencabar PKMM yang menuntut Kemerdekaan penuh dari British.
- 44.10 Justeru itu kemunculan UMNO disenangi British dan

bukan mustahil ia adalah perancangan British memandangkan hubungan Dato Onn yang rapat dengan British dan istana tadi.

- 44.11 Pemergian Dato Onn segera diganti oleh Tunku Abdul Rahman yang mengambil pendekatan berbeda tetapi masih dalam garis yang disenangi oleh British juga. Walaupun Tunku mengubah slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka' tetapi budaya barat yang tebal pada Tunku sangat menyenangkan Tunku.
- 44.12 Bukan saja apa yang Malayan Union mula terlaksana dibawah kerajaan pimpinan UMNO, pakaian Tunku dan anggota kabinet semasa menyambut kemerdekaan sama seperti pakaian seragam pegawai koloni British iaitu bertopi bulu ayam seperti yang dipakai oleh menteri-menteri dan gabenor Inggeris.
- 44.13 Tradisi dan budaya Inggeris itu terbawa-bawa hinggalah ke hari ini.
- 44.14 Dalam praktisnya UMNO pada peringkat awal seolah-olah menjadi mata dan telaga British. Mereka mencurigai orang-orang PKMM dan Hizbul Muslimin yang memeriahkan suasana 'Merdeka'. Ramai tokoh-tokoh yang ditahan British atas maklumat informes dari kalangan UMNO. Ustaz Abu Bakar al Bakir dituduh 'Bahaya dari Gunung' oleh Dato Onn. Pastinya diharamkan dan dia ditahan.
- 44.15 Dari keterangan diatas, maka yang bermain kayu tiga ialah UMNO, bukan PAS.

JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG PERJUANGAN KITA

PADA keluaran Suara Islam yang lalu saya telah menulis tentang sebab-sebab besar mengapa PAS ditubuhkan di Tanah Air kita ini semenjak lima tahun yang lalu. Pada keluaran kali ini pula saya akan cuba menerangkan tentang matlamat yang ditujui oleh perjuangan kita menurut jangka pendek dan jangka panjangnya.

Dalam undang-undang tubuh pertubuhan kita Bab Pertama Fasal 2, dengan terang ada dituliskan pokok perkara yang menjadi matlamat perjuangan kita iaitu berbunyi:-

1. Menjalankan ikhtiar dan langkah dengan tujuan menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam;
2. Memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara;

Terang dari kedua-dua tujuan pokok itu, di mana letaknya matlamat perjuangan kita. Ceraian 1 menunjukkan jangka pendeknya manakala Ceraian 2 menjelaskan letak jangka panjangnya. Sekarang mari kita bicarakan sedikit kedua-dua perkara itu.

1. JANGKA PENDEK - MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN

Nyatalah tujuan pertama dari matlamat perjuangan kita ialah memperjuangkan kemerdekaan. Ini adalah satu perkara yang wajar. Sebagai sebuah parti politik yang berideologi dan bercita-cita, kita tahu bahawa menghapuskan penjajahan dan mendapatkan kemerdekaan itulah tugas pokok kita yang pertama. Kemerdekaan itulah tugas pokok kita yang

pertama. Kemerdekaan adalah alat atau jambatan yang boleh menyampaikan kepada terlaksananya cita-cita. Tidak ada suatu cita-cita atau ideologi pun dapat dilaksanakan dengan sempurnanya dalam sebuah negara yang hidup di bawah kongkongan penjajahan, bahkan bukan saja sekadar itu, kemerdekaan itu bagi umat Islam adalah mengandungi nilai yang lebih besar dan lebih tinggi. Ia adalah kehormatan dan kemuliaan hidup. Tidak ada malu yang lebih besar dan tidak ada nista yang lebih hina bagi umat Islam selain daripada arang hitam penjajahan yang terconteng di dahinya itu yang mesti dan wajib dihapuskan dengan apa cara sekalipun.

Wajib Memperjuangkan Kemerdekaan

Salah besar hukumnya bagi orang Islam duduk di bawah penjajahan asing oleh orang yang tidak seagama dengannya. Sebab itu umat Islam adalah diwajibkan oleh Tuhan-Nya memperjuangkan kemerdekaan bagi melepaskan dirinya dari ikatan penjajahan oleh orang-orang yang tidak sekeyakinan dengannya. Jadi nyatalah bahawa memperjuangkan kemerdekaan itu bagi umat Islam, dan bagi PAS sebagai parti politik Islam, bukan saja merupakan kewajipan politik semata-mata tetapi lebih dari itu merupakan perintah agama, perintah Tuhan yang mesti dijunjung dan dilaksanakan.

Dengan penjelasan itu juga, ternafi segala tuduhan yang pernah dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak berniat baik terhadap Islam, bahawa PAS adalah sebuah parti penghalang kemerdekaan, sebuah parti yang tidak ingin kepada kemerdekaan dan sebagainya. Dengan tegas di sini kita boleh berkata, jika parti lain sekali mahu merdeka, kita sebagai parti Islam sepuluh kali lagi mahu merdeka, kerana begitulah kehendak yang diperintahkan oleh agama pada kita sebagai muslimin.

Berbeza Pandangan Dan Kebijaksanaan

Nyatalah tidak terdapat perbezaan pokok di antara PAS dengan parti-parti politik yang lain dalam tujuan mendapatkan kemerdekaan bagi negara kita ini. Apa yang ada ialah perbezaan dalam pandangan atau kebijaksanaan tatkala melaksanakan perjuangan itu saja. PAS sebagai parti Islam adalah berpegang teguh kepada tujuan dan pokok pandangannya seperti yang tertulis dalam anggaran dasarnya Fasal Dua Ceraian Satu di atas tadi, iaitu untuk menegakkan kemerdekaan negara dan umat Islam. Tegasnya PAS

mentafsirkan bahawa kemerdekaan yang sedang diperjuangkan itu mestilah kemerdekaan yang akan melepaskan umat Islam dan negaranya dari sebarang rupa dan bentuk penjajahan oleh orang-orang yang bukan Islam, baik dalam politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Tidaklah besar maknanya kemerdekaan itu kepada PAS, jika umpamanya perjuangan kemerdekaan itu berhasil menghapuskan satu penjajahan asing oleh orang yang tidak seagama, lalu digantikan oleh penjajahan lain oleh orang yang seperti itu juga.

Kerana orang Melayu tuan punya negeri* ini pada keseluruhannya beragama Islam, maka PAS pun menekankan perjuangannya pada peringkat ini atas nama kebangsaan, atas nama orang Melayu. Jika kedudukan, taraf, hak atau kepentingan orang Melayu dalam negeri ini dapat dipertahankan dan diselamatkan, maka dengan sendirinya taraf dan kedudukan Islam dalam negeri ini juga dapat dipertahankan dan diselamatkan, maka dengan sendirinya taraf dan kedudukan Islam dalam negeri ini juga dapat dipertahankan dan diselamatkan, sebab Islam dan orang Melayu itu adalah sesuatu yang tak dapat dipisahkan; Melayu pada PAS adalah modal yang besar, bahkan terlalu besar, yang harus diperjuang dan dipertahankan hingga daya dan tenaga yang penghabisan.

Maka dari segi inilah perjuangan PAS membela dan mempertahankan hak orang Melayu itu harus difahamkan dan dinilai. Ia berisi kemungkinan bagi kelancaran cita-cita dan perjuangan PAS pada masa akan datang, tidak saja dari segi politik tetapi juga dari segi ideologi dan tidak saja dari segi jangka pendek tercapainya kemerdekaan terutama juga dari segi jangka panjangnya terlaksananya ideologi.

Secara Perlembagaan

Bagaimanapun, dalam memperjuangkan kemerdekaan secara perlembagaan tidaklah ada perbezaan asas antara PAS dengan parti-parti politik yang lain di negeri ini, jika yang diertikan dengan perlembagaan itu ialah *mengelakkan penggunaan kekerasan dalam mencapai cita-cita dan melakukan sesuatu dalam lingkungan dan ketentuan undang-undang negeri*. Ini adalah disetujui dengan penuhnya oleh PAS. PAS benci kepada sesuatu yang bercorak kekerasan, malahan berkehendak supaya pihak-pihak yang bersangkutan dalam perjuangan perlembagaan itu mengambil jalan undang-undang sebagai perantara pihak-pihak yang bertentangan.

perikemanusiaan yang terkenal seperti *Piagam Atlantik* dan *Perisytiharan Hak-hak Mamusia* oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lainnya, bagi menguatkan tafsiran dan kehendak-kehendak, serta maksud *perjuangan secara perlembagaan* yang sedang kita laksanakan ini.

Bagaimanapun, PAS tidaklah dapat bersetuju, jika ada pihak-pihak yang hendak mentafsirkan bahawa perjuangan secara perlembagaan ini bermakna orang-orang Melayu harus menghilangkan hak-hak ketuanannya dalam negeri ini dan menjadikan dirinya kaum saja bukan ... bangsa dan agama itu harus dipisahkan jauh-jauh daripada urusan negara. Tafsiran ini tetap kita tentang selagi kita masih mempunyai daya dan tenaga, selagi kita masih bernafas. Tetapi janganlah pula ada sesiapa menyangkakan bahawa kita akan menzalamkan hak-hak orang lain yang halal di negeri ini, dengan syarat bahawa hak-hak yang halal bagi kaum lain itu tidak menyentuh dan merugikan hak-hak kedaulatan dan ketuanan Melayu dalam negeri ini, maka kita tetap akan memberi layanan yang adil kepada kepentingan kaum-kaum lain itu. Di bawah perlembagaan Islam orang-orang asing yang bukan Islam tidak harus merasa khuatir bahawa hak-hak mereka akan dirugikan. Sejarah dan ajaran Islam sendiri cukup memberi jaminan dalam perkara ini.

Maka kesimpulan dari jangka pendek perjuangan PAS ialah, memperjuangkan sebuah negara merdeka, yang di dalamnya taraf dan hak ketuanan Melayu serta agama Islam akan terjamin sepenuhnya dalam erti kata politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan; hak-hak yang halal bagi kaum lain akan diperhati dan dijamin.

Inilah peringkat perjuangan yang sedang dilalui dan ditempoli oleh PAS sekarang.

2. JANGKA PANJANG - MENGISI KEMERDEKAAN

Sekarang kita berpindah memperkatakan jangka panjang perjuangan PAS, Ceraian Kedua dan Fasal Dua undang-undang tubuh PAS menyebutkan *PAS bertujuan untuk memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara*. Setelah tercapai kemerdekaan sampailah kita kepada peringkat perjuangan mengisi kemerdekaan, dari sini bermulalah peringkat kedua perjuangan kita, peringkat jangka panjang perjuangan PAS.

Sebagai sebuah parti politik yang berideologi *Islam dalam Negara* (Islam in the State) PAS berideologi *Islam dalam Negara* (Islam in the State).

atau Islamisme. Kita percaya, dengan Islam atau ideologi Islam sahajalah negara kita dan umat kita dapat dibawa ke arah keselamatan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya. Dengan lain-lain perkataan, bahawa tugas kita yang terpenting sesudah tercapainya kemerdekaan ialah berikhtiar supaya undang-undang dan peraturan Allah dapat diamalkan dalam masyarakat dan dalam pemerintahan negara, sesuai dengan apa yang diperintahkan Allah. Dengan itu barulah ada nilainya Islam itu sebagai agama pembimbing hidup manusia.

Ini bermakna PAS kenalah berikhtiar menjadikan negara ini pada akhirnya sebagai sebuah negara Islam (Islamic Country) dalam erti kata yang sebenar, lebih daripada sebagai sebuah negeri Islam semata-mata (Muslim Country), keranaa Islam itu umpamanya telah diakui menjadi agama rasminya dan kerana sebahagian besar penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu beragama Islam sebagaimana yang akan terjadi pada 31hb. Ogos akan datang ini. Di dalam sebuah negara Islam (Islamic Country) itu sahajalah undang-undang dan peraturan Allah itu akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Kita tahu dalam negeri kita ini, sesuai dengan kehendak-kehendak demokrasi, hidup pula berbagai-bagai ideologi yang lain, yang juga bertujuan ingin hendak mencapai kemenangan dalam gelanggang politik tanah air kita, antaranya yang penting seperti sosialisme, komunisme dan nasionalisme. Berhadapan dengan ideologi-ideologi lain-lain itu, kita sedikit pun tidak meragukan kesanggupan dan kebolehan ideologi kita Islamisme dalam persaingan dengan ideologi-ideologi lain itu, asal saja persaingan itu dilakukan secara sihat dan sesuai dengan fatwa-fatwa demokrasi.

Tugas menegakkan sebuah negara Islam, yang di dalamnya ideologi Islam dan segala undang-undang dan peraturan Allah dapat terlangsung di dalamnya, adalah kewajiban pokok yang harus diperjuangkan oleh tiap-tiap mereka yang bernama Muslim, lebih-lebih lagi oleh Parti Islam seperti PAS.

Ancaman sebagai fasik (jahat), zalim dan kafir terang-terangan dihadapkan Allah kepada orang-orang yang tidak suka atau tidak mahu supaya hukum-hukum atau peraturan-peraturan Allah dapat dilaksanakan dalam masyarakat dan dalam pemerintahan negara, seperti yang terdapat dalam Al-Quran surah Al-Maidah ayat 44, 45 dan 47).

Dapat atau tidaknya sebuah negara Islam diwujudkan dalam negeri kita ini, itu ialah perkara orang-orang Islam sendiri. Jika kepercayaan mereka

kepada ajaran agamanya kuat dan bulat, maka halaa ini bukanlah sesuatu yang mustahil.

Sebelum rencana ini ditamatkan ada baiknya dibayangkan sedikit secara sepintas lalu bukan konsepsi lengkap bagaimana coraknya sebuah negara Islam itu. Rumusannya secara kasar, seperti yang disebut oleh Al-Quran adalah sebagai " **بلده طيبة ورب غفور** " - iaitu negeri yang baik dan Tuhan yang mengampuni. Sebuah negara yang baik mestilah terdapat di dalamnya sekurang-kurangnya empat perkara:-

1. Kemakmuran;
2. Keamanan;
3. Keadilan;
4. Amar makruf dan nahi mungkar (suruh buat baik dan larang huat jahat);

Apabila keempat-empat perkara itu ada, dan kesemuanya berjalan di bawah dan menurut konsepsi Islam, maka Tuhan Yang Esa dan Kuasa pun redhalah akan keadaan itu, lalu dilimpahi-Nyalah umat dan negara itu dengan limpahan keampunan, berkat dan nikmat-Nya; pada ketika itu terwujudlah kebahagiaan dan ketenteraman hidup yang sejati yang diinginkan oleh tiap-tiap yang bernama insan.

Inilah cita-cita terakhir tiap-tiap seorang Islam, inilah jangka panjang perjuangan PAS sebagai parti politik Islam di tanah air kita ini.

(Dipetik daripada lidah rasmi PAS *Suara Islam*, 15 Mei 1957)

16 JAN 1996